

**PENDEKATAN TEKSDEALISME DALAM  
KEPENGARANGAN MUZAF AHMAD TERHADAP  
KUMPULAN PUISI *SEPASANG SAYAP DI BAHU***

**NURIN NADHIRAH BINTI AHMAD ZAKI  
C20A1321**

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**2024**



**Pendekatan Teksdealisme dalam kepenggarangan  
Muzaf Ahmad Terhadap Kumpulan Puisi  
*Sepasang Sayap di Bahu***

**Nurin Nadhirah Binti Ahmad Zaki  
C20A1321**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat memperolehi Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh..... sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Nurin Nadhirah Binti Ahmad  
Zaki  
Tarikh: 10 / 2 / 2024

Tandatangan Penyelia

Dr. Nordiana Binti Ab Jabar  
Tarikh: 10 / 2 / 2024

## PENGHARGAAN

“Bismillahirrahmanirrahim”

Alhamdulillah syukur ke hadrat illahi dan izin serta berkat-Nya, dapat saya melaksanakan dan menyelesaikan tugasan bagi laporan penyelidikan bagi memenuhi keperluan syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian dalam jurusan bidang Kesusasteraan Warisan menerusi jangkaan masa yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama juga, saya amat bersyukur kerana sepanjang tempoh kajian ini dilakukan telah menunjukkan pelbagai cabaran dan rintangan yang telah dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Dalam pada itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Dr. Nordiana binti Ab Jabar selaku penyelia bagi tesis ini yang telah banyak menunjuk ajar dan bantuan dalam memberi ilmu serta membimbang saya sepanjang tempoh pelaksanaan tugas projek penyelidikan ini dilakukan. Begitu juga, sokongan dan dorongannya darinya telah membolehkan saya berkeyakinan tinggi untuk meneruskan kajian ini dengan jayanya tanpa semangat dari beliau tidak mungkin kajian yang dihasilkan ini akan berada di tahap ini.

Kemudian, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya khususnya ibubapa iaitu Ahmad Zaki bin Mohd Towir dan Rozita binti Abu Hassan yang sentiasa berdoa atas kesejahteraan saya sepanjang melakukan projek penyelidikan ini sehingga jayanya. Tanpa sokongan moral dan rohani daripada mereka, kekuatan yang diperolehi kini tidak mungkin terkumpul untuk menyiapkan tugas-tugas bagi memenuhi keperluan bagi projek penyelidikan ini. Selain itu, ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan saya yang sentiasa bersama dalam memperjuangkan projek penyelidikan ini. Dengan kehadiran mereka dalam hidup saya, mereka banyak membantu dalam merangsang emosi dan perasaan yang boleh mendorong kepada penghasilan penyelidikan ini. Tanpa bantuan daripada mereka, penyelidikan ini boleh memberi kesan kepada emosi dan perasaan dalam menyiapkan tugas-tugas dalam penyelidikan.

Nurin Nadhirah Binti Ahmad Zaki  
Kuala Kubu Bharu  
Selangor.

	KANDUNGAN	HALAMAN
<b>PENGESAHAN TESIS</b>		i
<b>PENGHARGAAN</b>		ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>		iii
<b>SENARAI JADUAL</b>		vi
<b>SENARAI RAJAH</b>		vii
<b>ABSTRAK</b>		viii
<b>ABSTRACT</b>		ix
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>		1
1.1 Pendahuluan		1
1.2 Latar Belakang		4
1.3 Permasalahan Kajian		11
1.4 Persoalan Kajian		14
1.5 Objektif Kajian		15
1.6 Skop Kajian		16
1.7 Kepentingan Kajian		18
1.8 Kesimpulan		21
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>		23
2.1 Pendahuluan		23
2.2 Kajian Lepas Mengenai Kepengarangan		25
2.2.1 Tesis		25
2.2.2 Artikel		27
2.2.3 Buku		30
2.3 Kajian Lepas Mengenai Puisi		32
2.3.1 Tesis		32
2.3.2 Artikel		34
2.3.3 Buku		38
2.4 Kajian Lepas Mengenai teori Teksdealisme		39
2.4.1 Tesis		39
2.4.2 Artikel		41
2.4.3 Buku		42
2.5 Kesimpulan		44

<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	45
3.1 Pendahuluan	45
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.2.1 Dokumentasi	47
3.2.2 Cara Pengumpulan Data	48
3.2.3 Kaedah Kepustakaan	49
3.2.4 Analisis Kajian Dokumen	50
3.2.4.1 Analisis Terhadap Kajian Teks	51
3.2.4.2 Analisis Terhadap Kajian Bahan	52
3.3 Teori Teksdealisme	54
3.3.1 Pendahuluan	54
3.3.2 Kaedah Analisis	59
3.3.3 Kerangka Teori	61
3.4 Penutup	63
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	64
4.1 Pendahuluan	64
4.2 Penerapan Konsep Kepengarangan	66
4.2.1 Konsep Karya Puisi Sepasang Sayap di Bahu	67
4.2.2 Tema Perjuangan dan Kekuasaan	70
4.2.3 Saluran Menyuarkan Hak	74
4.3 Penerapan Aspek Pemikiran dalam Kepengarangan Muzaf Ahmad	76
4.3.1 Tema Perjuangan	78
4.3.1.1 Sub Tema: Keberanian	79
4.3.1.2 Sub Tema: Kebenaran dan Kebahagiaan	84
4.3.1.3 Sub Tema: Kebebasan	92
4.3.2 Tema Kekuasaan	94
4.3.2.1 Sub Tema: Kemanusiaan dan Kekuasaan	95
4.3.2.2 Sub Tema: Kehidupan	105
4.4 Kepengarangan Muzaf Ahmad dalam Individualistik	108
4.4.1 Personifikasi	109
4.4.2 Metafora	111
4.4.3 Sinkope	113
4.4.4 Alusi	115
4.4.5 Simile	117
4.5 Kesimpulan	119

<b>BAB 5 RUMUSAN</b>	120
5.1 Pendahuluan	120
5.2 Rumusan Kajian	121
5.3 Cadangan	124
5.3.1 Masyarakat	125
5.3.2 Individu	126
5.3.3 Negara	126
5.4 Penutup	128
<b>RUJUKAN</b>	129

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

	HALAMAN
1.6 Pembahagian puisi dalam karya <i>Sepasang Sayap di Bahu</i> karya Muzaf Ahmad	17
4.2.1 Senarai jumlah puisi yang diterbitkan pada bahagian <i>Dari Dada ke Jendela</i> dalam Karya <i>Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu.</i>	69
4.2.2 Senarai jumlah puisi yang terpilih berdasarkan tema perjuangan dan kekuasaan pada bahagian Dari Pelana ke Dermaga menerusi karya <i>Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu.</i>	73

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **SENARAI RAJAH**

	<b>HALAMAN</b>
3.2.4.1 Analisis terhadap Kajian Teks	51
3.3.3 Kerangka Teori Kajian	62

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Pendekatan Teksdealisme dalam kepenggarangan Muzaf Ahmad  
Terhadap Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan keunggulan kepenggarangan Muzaf Ahmad menerusi karyanya iaitu Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu. Berdasarkan karya tersebut telah memaparkan sebanyak dua bahagian dengan menunjukkan 53 buah puisi yang diterbitkan pada tahun 2018. Karya ini dihasilkan berdasarkan pengamatannya terhadap pengalamannya ketika melakukan pengembaraan di bumi Eropah dengan menunjukkan kepelbagaiannya kisah dan pemikiran yang berbeza dengan meletakkan isu semasa sebagai asas dalam mencorak pemikiran dalam penulisan puisi. Dalam konteks ini, kajian ini memilih kaedah penyelidikan kepustakaan dan kualitatif dengan melakukan analisis kandungan terhadap teks-teks puisi yang terpilih. Sehubungan itu, penyelidikan ini akan memperlihatkan pengenalpastian terhadap konsep kepenggarangan Muzaf Ahmad disamping membincangkan perkembangan pemikiran dalam penulisan puisi serta menghuraikan unsur individualisme dalam kepenggarangan Muzaf Ahmad berdasarkan puisi-puisi yang terpilih. Dengan itu, kajian ini berlandaskan penggunaan teori Teksdealisme dengan memberi penekanan kepada prinsip kehadiran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme bagi membolehkan nilai keunggulan kepenggarangan jelas dihayati menerusi karya yang terpilih. Oleh itu, maka jelaslah bahawa penelitian ini dapat menilai tahap keunggulan kepenggarangan Muzaf Ahmad sebagai keutamaan bagi menghasilkan sebuah karya yang mampu membuka minda khalayak untuk memenuhi keperluan tanggungjawab dalam perihal isu semasa dalam pelbagai perspektif.

**Kata Kunci:** Keunggulan, Kepenggarangan, Muzaf Ahmad, Puisi, Teksdealisme.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **Textdealism Approach In The Authorship of Muzaf Ahmad Against The Poetry Group A Pair of Wings on The Shoulder**

### **ABSTRACT**

This study aims to show the superiority of Muzaf Ahmad's authorship through his work, the Poem Group Sepagas Sayap di Bahu. Based on the work, it has been displayed as many as two parts showing 53 poems published in 2018. This work was produced based on his observations of his experiences while traveling in Europe by showing the diversity of stories and different thoughts by placing current issues as the basis in shaping thoughts in poetry writing. In this context, this study chooses a literature and qualitative research method by conducting a content analysis of selected poetry texts. Accordingly, this research will show the identification of Muzaf Ahmad's concept of authorship in addition to discussing the development of thought in poetry writing as well as describing the element of individualism in Muzaf Ahmad's authorship based on selected poems. With that, this study is based on the use of the theory of textualism by emphasizing the principle of presence, the principle of reinforcement and the principle of individualism to enable the value of superiority of authorship to be clearly appreciated through the selected works. Therefore, it is clear that this research can assess the level of superiority of Muzaf Ahmad's authorship as a priority to produce a work that is able to open the minds of the audience to meet the needs of responsibility regarding current issues in various perspectives.

**Keywords:** Authorship, Excellence, Muzaf Ahmad, Poetry, Textualism.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1:**

### **PENGENALAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Secara Umumnya, bidang kesusasteraan di Malaysia telah memperlihatkan wujudnya perkembangan dari aspek lahirnya golongan-golongan muda yang mula berkecimpung dalam bidang penulisan sastera khususnya menerusi bentuk puisi Melayu moden. Hal ini dikatakan kerana puisi Melayu moden dianggap sebagai antara bidang penulisan yang paling digemari oleh manusia kerana sifatnya mengutamakan penzahiran sesuatu perkara yang terbuku bagi seseorang individu. Menurut pandangan Nordiana Ab Jabar dan Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021) telah menyatakan bahawa idea yang wujud pada setiap karya yang dihasilkan sering dikaitkan dengan pengalaman yang dialami atau dihayati sehingga mampu melahirkan karya kreatif yang berlandaskan nilai alam kehidupan dan diterjemahkan melalui bentuk susunan kata yang perlu ditafsir untuk memperolehi makna tersirat disebalik karya yang dihasilkan terutamanya dalam karya berbentuk puisi. Perkara ini berkait rapat dengan kemunculannya penulis baru dalam bidang sastera seperti Muzaf Ahmad yang menjadikan

minatnya terhadap penulisan puisi sebagai kerjaya barunya untuk membolehkan setiap penghujahan yang dilakukan olehnya. Oleh demikian, kemunculan golongan baru dalam perkembangan puisi Melayu moden dapat dilihat dengan wujudnya pemikiran baru yang boleh membuka mata dan ruang minda khalayak umum mengenai dunia luar tentang masyarakat yang berlainan cabaran dalam kehidupan sekali gus boleh memberi kesedaran kepada manusia untuk sentiasa menghargai segala yang ada pada sekeliling manusia.

Lantaran itu, *Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu* adalah sebuah karya hasil daripada penulis baru dalam bidang sastera iaitu Muzaf Ahmad yang telah diterbitkan oleh Kata-pilar pada tahun 2018. *Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu* ini juga telah memperlihatkan sebuah karya yang memuatkan sebanyak 53 buah puisi yang sarat dengan pengaplikasian elemen bahasa Melayu yang unik bagi membolehkan lambang kepada refleksi diri pengarang terhadap setiap kisah kehidupan yang dipaparkan olehnya. Menurut Ghazali Din Dan Abdul Halim Ali (2015) telah berpendapat bahawa gaya bahasa yang diaplikasikan seiring dengan emosi pengarang terhadap teks akan melahirkan impak komunikasi yang baik antara teks dengan khalayak pembaca. Hal ini boleh dikatakan kerana pengarang membuat pencarian makna kehidupan dengan mengungkap bait-bait kisah yang diterokai menerusi puisi sebagai paparan khalayak untuk dijadikan pendoman mengenai kehidupan manusia di dunia. Bagi konteks ini, setiap puisi yang dihasilkan oleh beliau merupakan tercipta hasil daripada pengembaraan pengarang ke negara-negara luar untuk melakukan pemerhatian dan pengumpulan pengalamannya sendiri sehingga membolehkan pengarang dapat menghargai keindahan alam hasil ciptaan Allah Swt.

Jika dilihat dari sudut keseluruhannya, setiap karya sastera mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri dan sarat dengan nilai kehidupan manusia. Karya-karya yang

dihasilkan adalah dibentuk menerusi jalinan dan siratan bahasa yang unik bagi memperlihatkan karya yang diciptakan itu lebih menarik seiring dengan kemegahan gaya penyampaian yang relevan dan efisen. Selari dengan keunikkan tersebut, sastera juga mempunyai nilai yang dapat membentuk jati diri kerana mengikut pemaknaannya dalam islam, sastera merujuk kepada jiwa yang halus atau dengan erti kata lain adalah adab yang membolehkan tujuan untuk mendidik hati nurani khalayak bersama-sama nilai murni yang dianggap sebagai medium untuk melembutkan sikap manusia dalam aspek peradaban manusia. Oleh hal demikian, setiap karya kesusasteraan Melayu khususnya puisi boleh mencerminkan sebagai perantaraan komunikasi yang penting bagi masyarakat kerana setiap kandungan yang disampaikan adalah berunsurkan norma kehidupan manusia yang sarat dengan gaya pemikiran, kehidupan, pergaulan bagi golongan orang Melayu khususnya sebagai alat pengekalan dari aspek ketamadunan, adat, peradaban mahupun budaya supaya ia menjadi sebuah panduan dan warisan kepada generasi akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini akan memperlihatkan perihal seorang penulis yang berwibawa bagi menghasilkan karya-karya dalam penulisan sastera memerlukan ketelitiannya yang tinggi untuk membolehkan bakat, kebolehan dan keintelektualannya mencapai kepada tahap keunggulan sesebuah karya yang terbaik. Menurut Mohamad Rosmizi (2020:69) menyatakan bahawa seorang pengarang memerlukan sifat keberanian yang tinggi dalam memastikan setiap idea yang dipaparkan mempunyai pembaharuan dalam penulisannya yang sarat dengan teknik penulisan baru bagi membolehkan berlakunya penginovasian keseluruhannya pada luar jangkaan umum. Sehubungan itu, kepengarangan yang dilakukan oleh pengarang dalam membentuk sebuah transformasi bukanlah sesuatu yang menjadi kebiasaannya malah ia melibatkan kebijaksanaan pengarang untuk menonjolkan keaslian, keupayaan berfikiran kreatif bagi membolehkan wujudnya imej atau identiti tersendiri pada karya yang dihasilkan.

Berdasarkan kajian, aspek kepengarangan ini juga telah diangkat sebagai wadah perhubungan komunikasi antara pengarang dan pembaca. Hal ini kerana komunikasi dalam kepengarangan telah menuntut keberkesanannya dalam bentuk komunikasi lisan atau bukan lisan mahupun apa-apa sahaja medium yang membolehkan saluran komunikasi berlangsung sama ada kaedah penulisan atau visual. Menurut Sulaiman Salleh (2014), ketepatan komunikasi dalam penulisan memerlukan keberkesanan idea, pemahaman yang berskala dan memiliki ilmu pengetahuan bagi disalurkan kepada sasaran pembaca dengan berkesan. Hal ini boleh dikatakan terdapat ramai sarjana yang menyokong aspek komunikasi dalam kepengarangan ini berkaitrapat dengan idea, kefahaman serta ilmu pengetahuan tinggi yang seharusnya diperlukan oleh seorang pengarang yang hebat. Jika dilihat dari sudut lain,

keberkesanannya kepada komunikasi seorang pengarang turut melibatkan kebolehan dalam daya berfikir sehingga wujudnya kemahiran dan kreativiti pengarang dalam membuat olahan berdasarkan faktor persekitaran budaya pengarang.

Pada pandangan Mohamad Rosmizi (2020:71) lagi, keunggulan seorang pengarang akan menunjukkan usaha sedaya upaya untuk membolehkan setiap karya yang dihasilkan sememangnya akan mewujudkan impak positif dalam kalangan masyarakat sekaligus mencipta imej baru dalam kepengarangannya dari sudut yang berlainan antara pengarang yang lain. Jika dilihat dengan lebih mendalam, impak kepada masyarakat adalah bagaimana seorang pengarang boleh menginterpretasikan kehidupan mereka dalam bentuk penulisan yang sarat dengan nilai dan falsafah kemanusiaan mengikut citarasa tersendiri sehingga wujudnya kepengarangannya. Sehubungan itu, dengan konteks ini akan menimbulkan keunggulan pengarang yang menjadi pembaharuan serta sebahagian kepada kekuatan dalam keperibadian seorang pengarang yang berjaya.

Lantaran itu, kehebatan pengarang itu turut dinilai menerusi sifat kepengarangannya pada kalangan khalayak dalam mencetuskan keterujaan mereka terhadap penulisan yang dihasilkan. Hal ini telah memperlihatkan Fauzi Hassan (2018) yang menyatakan bahawa sifat kepengarangan seorang pengarang mahupun penulis memerlukan usaha yang tinggi untuk mendekatkan diri dalam bidang kreativitinya seperti yang telah disarankan oleh Muhd. Nasruddin Dasuki (2000) dalam “*Persatuan Penulis Kuala Lumpur*” bagi menempatkan diri dalam bidang kesusastraan Tanah Air ia memerlukan penglibatan dalam penghasilan karya-karya yang mempunyai banyak kelainannya berbanding dengan karya-karya lain yang sudah dipasarkan oleh pengarang terdahulu. Dengan itu, berdasarkan perkembangan ini akan mencetuskan sifat keberanian dan ketabahan bagi seorang pengarang untuk menerima segala

bentuk kritikan yang membolehkan dirinya untuk memperolehi pembaharuan dalam penghasilan karya dengan menganggap segala kritikan diangkat sebagai sebuah motivasi kehidupan untuk mewujudkan kelainan baru pada karya-karya yang bakal dihasilkan.

Lanjutan itu, kepengarangan pengarang dalam penulisan amat berkait rapat dengan penggunaan pendekatan dalam teksdealisme yang merupakan kajian terhadap keseluruhan karya dengan memberikan tumpuan kepada kepengarangan pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan iaitu kumpulan puisi yang dikaji. Teksdealisme adalah bertujuan untuk memperlihatkan kemampuan pengarang dalam memaparkan kisah-kisah yang diterokai menerusi pengembaraannya yang merentasi benua dunia dengan memaparkan kerealitian nasib manusia di bumi Eropah yang diterjemahkan dalam bentuk puisi-puisi indah.

Dalam pada itu, kajian terhadap teksdealisme sememangnya menitikberatkan susunan idea dan pengalaman sebagai wadah pembukaan kepada pengarang sebelum menghasilkan sebuah karya yang menarik kerana sifat teksdealisme itu sendiri yang membawa pengarang untuk memasuki alam penulisan sebagai tempat perkongsian cerita yang sarat dengan permainan perasaan dan emosi. Hal ini akan memberi kesan kepada keunggulan karya yang mempunyai nilai kualiti yang tinggi pada setiap penulisan yang dihasilkan. Menurut Azhar Wahid (2019), pendekatan yang wujud dalam penggunaan teori Teksdealisme akan memperlihatkan peranan pengarang dalam meletakkan hasrat mereka menerusi karya teks sebagai kaedah untuk berkongsi kisah sehingga mencapai tahap keunggulan karya yang dihasilkan. Dengan itu, usaha seorang pengarang akan dinilai melalui bakat, kebolehan, intelektual dan sifat keperibadiaannya bagi membolehkan wujudnya sebuah karya yang terunggul dan jauh lebih sempurna berbanding daripada karya-karya yang dicipta oleh pengarang terdahulu.

Kajian terhadap penggunaan teori Teksdealisme menerusi penelitian terhadap kepengarangan Muzaf Ahmad dalam kumpulan puisi ini akan memperlihatkan pengaplikasian pendekatan yang berbeza-beza mengikut kepentingannya dalam membuat penulisan puisi baru. Hal ini dikatakan teksdealisme telah mewujudkan empat prinsip yang berlainan sebagai panduan bagi memastikan sifat keunggulannya tercapai misalnya kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Dalam hubungan ini, pandangan daripada Azhar Wahid (2019) dalam artikelnya “*Keupayaan Teksdealisme Mengangkat Keunggulan Pengarang*” telah menyokong bahawa seorang pengarang amat memerlukan idea dan pengalaman untuk membolehkan terbentuknya jatidiri sebagai seorang penulis yang terunggul. Hal ini sering dikaitkan dengan sumber idea dan pengalaman sebagai perhubungan yang ketara bagi membolehkan prinsip-prinsip teksdealisme wujud keserasiaannya dalam penulisan baharu. Sehubungan itu, secara tidaklangsung telah mendorong pengarang untuk dimotivasikan oleh sesuatu sifat kontekstualnya sehingga bergerak pada sublimasi secara berstruktur misalnya bahasa.

Namun begitu, pandangan Shahnon Ahmad (1993) telah menyuarakan bahawa sumber kekuatan idea bukanlah terbatas pada tembok tertentu tetapi ia melibatkan perihal manusia dari sudut sosial, falsafah, politik, ekonomi, keluarga dan bermacam-macam lagi yang boleh dikaitkan dengan perlakuan kelompok masyarakat. Dalam konteks ini, kebanyakkan karya-karya puisi telah menyentuh soal kehidupan masyarakat dalam aspek-aspek yang dinyatakan sebelum ini kerana ia adalah sebahagian daripada proses menyuarakan pendapat masyarakat dalam bentuk transformasi penulisan puisi. Oleh demikianlah, wujudnya pelbagai corak kehadiran yang tersemat pada puisi-puisi yang dicipta oleh pengarang misalnya Muzaf Ahmad yang meletakkan pengalaman pengembaraannya

sebagai wadah penceritaan puisi tentang masyarakat berkasta untuk membuka mata dan minda masyarakat dunia tentang golongan yang tertindas.

Walau bagaimana sekalipun, bagi menjadi seorang pengarang atau penulis tidaklah seharusnya memiliki latar belakang bidang kesusasteraan sebagai keutamaannya. Jika dilihat pada kejayaan yang dimiliki oleh Muzaf Ahmad kini sebagai penulis sastera yang berjaya, beliau merupakan seorang graduan yang berkelulusan bidang Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Keio, Jepun. Namun begitu, pengalaman beliau dalam menuntut ilmu telah membawa dorongan kepada beliau untuk menerokai bidang penulisan sastera. Hal ini turut boleh dikaitkan apabila pengalaman beliau ketika berkhidmat sebagai pensyarah sambilan Bahasa Melayu di Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) di Jepun yang sedikit sebanyak mendorong beliau untuk mendalamai bidang kesusasteraan Melayu.

Pada awal penglibatan beliau dalam bidang kesusasteraan adalah bermula ketika beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Keio, Jepun pada tahun 2012. Hal ini telah dikatakan beliau sudah giat melakukan penulisan puisi, cerpen, novel dan pelbagai karya sastera yang lain ketika di peringkat sarjananya lagi. Berdasarkan setiap karya yang dihasilkan, beliau telah memperihalkan dirinya menerusi pengalaman kehidupan ketika di bumi Jepun. Dengan itu, kebanyakkann karya menerusi kajian ini telah memperlihatkan prinsip kehadiran dan individualisme pengarang sebagai wadah utama penceritaan menerusi penulisan puisi dan karya-karyanya yang lain.

Berkat usahanya dalam meminati bidang kesusasteraan telah membawa kepada penerbitan buku pertamanya iaitu *Kumpulan Puisi: Jaulah Sampai Syurga* pada tahun 2014 ketika usia masih muda iaitu lingkungan 22 tahun. Hasil daripada itu, buku pertamanya itu

telah merangkul Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2014 dan kejayaan itu juga telah membolehkan beliau membuat satu perubahan yang menarik dalam bidang penulisan sasteranya iaitu dengan melakukan penterjemahan terhadap beberapa karya puisinya ke dalam Bahasa Jepun. Dalam pada itu, karya lain yang turut pernah dihasilkan oleh Muzaf Ahmad juga mendapat sambutan baik misalnya pada tahun 2015 beliau pernah menerbitkan karya cerpen *Syahid ke Syurga* dan karya Novel remaja yang pertama dengan bergenrekan fiksyen sains iaitu *Kuantum dalam Jemala* pada tahun 2017.

Sungguhpun Muzaf Ahmad merupakan antara penulis dalam bidang keusasteraan yang masih baru dan muda namun beliau telah banyak memperolehi penghargaan sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ini. Misalnya, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2012, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2014, Hadiah Sastera Perdana (HSPM) 2014, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2015, dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2015/2016. Hal ini telah membolehkan segala usaha yang dilakukan terbalas menerusi segala penghargaan yang diterima atas kecenderungan minatnya yang mendalam terhadap bidang sastera.

Dengan demikian, kajian terhadap karya Muzaf Ahmad dipilih, menerusi kumpulan Puisi kedua beliau iaitu Sepasang Sayap di Bahu yang telah diterbitkan pada tahun 2018. Dalam konteks kumpulan puisi kali ini pula memaparkan kisah pengalaman beliau ketika melakukan pengembalaan ke Republik Czech dan benua Eropah yang memperihalkan kritikan terhadap penindasan pemerintahan rakyat dan kehidupan masyarakat yang berkasta. Hal ini telah menjadikan karya tersebut sebagai simbol kepada kerealitiann masyarakat dunia yang sarat dengan politikus yang membawa kepada “*bias*” yang ketara dalam kehidupan masyarakat. Sehubungan itu, jika dilihat dari sudut perkaitannya dengan penggunaan

teksdealisme adalah memaparkan kaedah Muzaf Ahmad dalam membuat penerokaan penulisan dari idea asal kepada pembaharuan idea yang menarik kerana akan terhasilnya sifat pengukuhan dalam puisi seterusnya yang mengangkat isu yang sama disamnping mengekalkan sumber keutamaan idea asal.

Pendek kata, Kumpulan Puisi Muzaf Ahmad iaitu *Sepasang Sayap di Bahu* disifatkan sebagai karya yang menunjukkan sisi keberaniannya dalam membuat kritikan sosial dan renungan terhadap permasalahan yang menangkap jiwa manusia dalam kalangan masyarakat. Di samping itu juga, keberaniannya yang dimiliki oleh beliau telah membawa kepada pembaharuan karya dengan sifat individualitinya berbanding dengan karya-karya sebelumnya. Bertitik tolak dengan tajuk buku yang diterbitkan telah memaparkan simbolik kepada perjuangan dan kuasa atas dasar *sayap* yang diperkatakan. Dengan itu, ia telah membawa makna kehidupan manusia yang sering kali akan berlakunya pergolakkan keadaan dalam pelbagai situasi yang penuh dengan cabaran dan dugaan kehidupan untuk ditempuhi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Puisi merupakan sebahagian daripada penulisan sastera yang sarat dengan penyampaian pelbagai mesej menerusi makna yang tersirat mengenai perihal kehidupan yang melibatkan hubungan manusia dan alam. Uniknya puisi ini adalah antara platform untuk pengarang khususnya meluahkan perasaan yang dihadapi menerusi pengalaman yang dirasai sebagai wadah penceritaan untuk paparan umum. Sungguhpun, terdapat jenis puisi yang boleh disandurkan dengan emosi manusia iaitu puisi moden yang akan memberi kesan kepada kefahaman khalayak untuk mudah difahami berbanding puisi tradisional yang sarat dengan ciri-cirinya yang tertentu sehingga penceritaan dalam penulisan itu mencapai kepada tahap yang terhad. Jika dilihat menerusi puisi moden oleh karya Muzaf Ahmad dalam *Sepasang Sayap di Bahu* telah memaparkan jumlah yang tidak terhad dalam penulisannya, bait-bait rangkap, rima, gambaran mahupun gaya bahasa yang disertakan tidak sama dalam setiap karya yang dihasilkan menerusi kumpulan puisinya. Jadi, kebebasan dalam penghasilan puisi yang tidak terikat akan menyebabkan pengarang boleh membuat kritikan sosial dan renungan yang mendalam terhadap perihal dunia dengan kepelbagaian konsep yang diketengahkan seiring dengan pengalaman beliau semasa melakukan pengembalaan di bumi Eropah.

Tambahan pula, apabila kepelbagaian konsep yang cuba diketengahkan oleh Muzaf Ahmad dalam kumpulan puisinya itu akan memberi kesan kepada bentuk pemikiran yang cuba disampaikan untuk paparan umum. Hal ini dikatakan kerana sumber idea yang diperolehi adalah berdasarkan pengembalaan beliau bersama *sepasang sayap* yang memperlihatkan kemegahan dan kehancuran manusia yang leka dengan duniawi sebagai

renungan dalam membuat kritikan sosial. Dalam pada itu, segala permasalahan dalam situasi pengembaraannya akan diterjemahkan dalam bentuk puisi dengan pemikiran yang disampaikan melalui tema yang bersesuaian dengan konsep yang diangkat serta disamping penggunaan gaya bahasa yang tinggi untuk memperlihatkan keunggulannya dalam pembahasan puisi. Namun demikian, disebalik tema yang disantuni dengan keindahan bahasanya akan memberi kesan kepada pemahaman khalayak untuk menelaah segala aspek pemikiran yang disampaikan. Walaupun ia sebahagian daripada proses dalam pendekatan teksdealisme tetapi jika tidak memahami setiap perkara yang disampaikan akan menyukarkan khalayak untuk memahami proses kritikan itu berlangsung.

Bertitik tolak dengan permasalahan tersebut, kajian ini akan turut memperlihatkan kaedah yang diambil kira oleh Muzaf Ahmad dalam membuat kritikan menerusi kumpulan puisinya. Dalam konteks ini, pengarang telah menggunakan kreativitinya tersendiri bagi membolehkan setiap karyanya akan dilihat sebagai sesuatu yang luar biasa dan tidak terikat dengan mana-mana pengarang atau penulis yang lain. Hal ini bertepatan dengan penulisannya dalam kumpulan puisi *Sepasang Sayap di Bahu* yang memaparkan sudut stil individunya dalam penggunaan Bahasa yang agak tinggi dan memerlukan kefahaman yang mantap untuk melakukan interpretasi bagi memahami makna pada setiap kata yang dikarangkan. Meskipun pengaplikasian gaya bahasa yang mendalam maka tidak hairanlah bahawa beliau pernah merangkul beberapa anugerah yang telah dinobatkan sebagai Hadiah Perdana Malaysia (HSPM) kerana keunggulan teks yang dihasilkan. Dalam konteks ini, sifat individualisme yang ada pada Muzaf Ahmad turut memberi gambaran kepada daya rekaciptanya dengan mempamerkan teknik yang digunakan dalam penghasilan puisi menerusi penyusunan teks yang akan menunjukkan sisi keperibadiannya. Lain daripada itu,

sifat kendirian dan tindakan menjadi keutamaannya yang membolehkan pengarang mengambil langkah dalam penglibatan penghasilan puisi. Jika dilihat dari aspek kepenggarangannya, beliau banyak menginspirasikan pengalamannya sepanjang berada di bumi Eropah sebagai sumber idea dalam penulisannya dengan memaparkan kehidupannya serta persekitaran masyarakat sebagai gambaran kepada pergolakkan kehidupan yang nyata untuk paparan umum. Dengan itu, kaedah yang dititikberatkan oleh pengarang seharusnya menjadi keutamaan dan pembuktian kepada persekitaran sosial yang sememangnya menjadi sasaran penceritaan tentang realiti kehidupan yang sebenar.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian ini merujuk kepada objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Antaranya adalah seperti berikut:

- I. Apakah konsep yang diterapkan dalam kepenggarangan Muzaf Ahmad terhadap karya puisi ciptaan beliau dalam *Sepasang Sayap di Bahu?*
- II. Sejauhmanakah aspek pemikiran Muzaf Ahmad dalam penulisannya mampu mengetengahkan isu semasa dunia sebagai penyampaian kerealitian masyarakat di dunia?
- III. Bagaimanakah kepengaruhannya individualismenya dianggap sebagai tunjang dalam pengaplikasiannya untuk melihat keunggulan teks yang terdapat pada puisi cipta beliau sebagai sebuah pembaharuan yang ketara untuk memaparkan kepenggarangannya?

## **1.5 Objektif Kajian**

Penelitian terhadap kajian ini akan memperlihatkan tujuan utamanya seperti berikut:

- I. Mengenalpasti konsep kepengarangan Muzaf Ahmad dalam penghasilan puisi.
- II. Membincangkan aspek pemikiran pada penulisan kepengarangan Muzaf Ahmad dalam puisi terpilih.
- III. Menghuraikan unsur individualism Muzaf Ahmad dalam mencapai keunggulan teks.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian merupakan batasan kepada penelitian atau fokus tentang sesuatu penyelidikan yang seharusnya dilaksanakan oleh pengkaji. Sehubungan itu, bagi memperlihatkan unsur kepengarangan dan pemikiran yang dibawa oleh Muzaf Ahmad dalam karya Kumpulan Puisi: *Sepasang Sayap di Bahu*, pengkaji telah mengaplikasikan teori Teksdealisme sebagai tunjang dan panduan kepada penelitian yang mendalam. Dalam konteks ini, pengkaji menitikberatkan tiga aspek perbincangan yang utama iaitu untuk mengenalpasti konsep kepengarangan yang digunakan oleh Muzaf Ahmad dalam bentuk penulisan setiap puisinya. Seterusnya, penelitian ini akan melihat kepada aspek pemikiran yang menjadi wadah penceritaan dalam penulisannya menerusi tema dan gaya bahasanya untuk membolehkan berlakunya pendekatan pengukuhan antara puisi-puisinya. Lain daripada itu, kajian ini juga akan menunjukkan sifat individualisme pada setiap puisinya bagi membolehkan berlakunya pencapaian keunggulan teks yang banyak menyumbang kepada kejayannya dalam bidang penulisan sastera. Dengan itu, pengkaji dapat menyifatkan bahawa pengaplikasian teori Teksdealisme sememangnya amat bersesuaian untuk mengenalpasti unsur kepengarangan Muzaaf Ahmad dalam penghasilan teks puisi menerusi pendekatan-pendekatan dalam teori Teksdealisme. Dalam hal ini juga, ketiga-tiga pendekatan iaitu kehadiran, pengukuhan dan individualisme hanya akan dapat dikenal pasti menerusi bentuk penulisannya dalam karya *Sepasang Sayap di Bahu* daripada penulisan puisinya yang pertama sehingga karya puisinya yang terakhir.

Menerusi teori tersebut, tiga prinsip telah diaplikasikan sebagai ukuran kepada pelaksanaan kajian ini untuk memperlihatkan keunggulan beliau sebagai seorang pengarang

dan teks yang dihasilkan. Setiap prinsip tersebut, pengkaji akan melihat prinsip-prinsip tersebut sebagai panduan untuk mengenalpasti keunggulan pengarang dan teks berdasarkan puisi-puisi yang dikaji. Berikut merupakan pembahagian puisi yang terdapat dalam penulisan *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* karya oleh Muzaf Ahmad.

Jadual 1: Pembahagian puisi dalam karya *Sepasang Sayap di Bahu* karya Muzaf Ahmad

Pembahagian Kumpulan Puisi	Jumlah
<i>Dari Dada ke Jendela</i>	24
<i>Dari Pelana ke Dermaga</i>	29

Sumber: Muzaf Ahmad (2018)

Berdasarkan jadual 1 di atas, berikut merupakan pembahagian puisi yang terdapat dalam karya *Sepasang Sayap di Bahu* dengan memaparkan sebanyak 53 buah puisi. Setiap puisi tersebut akan dinilai dan dipilih mengikut kesesuaianya tersendiri berdasarkan konsep dan pemikiran yang hampir sama. Sehubungan itu, penelitian terhadap puisi-puisi terpilih akan memperlihatkan aspek kepengarangan Muzaf Ahmad dan individualitinya melalui penghasilan penulisan teks puisi yang telah dihasilkan.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Umumnya, terdapat beberapa faktor yang menunjukkan kajian ini dianggap sebagai sebuah kepentingan utama dalam bidang kritikan puisi yang berdasarkan perihal dunia. Pada awalnya, kajian ini boleh memberi impak kepada sumbangan menerusi penyelidikan dalam bidang puisi Melayu khasnya pengarang baru misalnya Muzaf Ahmad. Hal ini telah memaparkan aspek kepengarangannya dalam membuat kritikan sosial dengan mengetengahkan prinsip kehadiran, pengukuhan dan individualisme sebagai kelainan yang ketara berbanding penulis-penulis lain. Hal ini secara tidaklangsung telah memberi kesan kepada para pengkaji yang seterusnya dalam menghasilkan pembentukan idea kreatif untuk mengenalpasti kepengarangan Muzaf Ahmad dalam membuat kritikan sosial dan renungan mendalam terhadap isu yang diketengahkan. Oleh itu, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang bagi membuat penelitian terhadap kepengarangan penulis daripada hasil kritikan sosialnya.

Tambahan pula, apabila berlakunya kemunculan Muzaf Ahmad dalam dunia kesusastraan telah mendorong kepada kewujudan pelapis baru dalam memastikan pemantapan bidang sastera berlangsung dengan hebat. Hal ini bukan sahaja menyumbang kepada jumlah bilangan penulis atau pengarang sastera malah ideologi yang dibawa akan membentuk kualiti pemikiran yang bagus sesuai dengan keperluan negara. Dalam konteks ini juga, sesebuah negara akan menjadi maju sekiranya terdapat golongan yang bijak pandai dalam pelbagai aspek yang tidak berfokuskan kepada satu profession sahaja tetapi ia melibatkan keseluruhan yang ada pada seseorang individu dengan menunjukkan sisi kelebihannya sebagai kekuatan dirinya. Hal ini memang sejajar dengan sifat keperibadian

Muzaf Ahmad yang tidak mempunyai latar belakang khusus dalam bidang sastera sebagai keuntuhan beliau dalam untuk membina nama menerusi karya-karya beliau seperti *Gema Membelah Gema 16* (2011), *Dandelion* (2012), *Jaulah Sampai Syurga* (2014), *Syahid ke Syurga* (2015), *Kuantum Dalam Jemala* (2017), *Sepasang Sayap di Bahu* (2018) dan banyak lagi. Hasil daripada itu, beberapa karya yang dicipta telah mendapat perhatian serta memperolehi anugerah menerusi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014-2016 (HSPM) sekaligus telah membawa namanya kemuncak dalam bidang kesusasteraan. Dengan itu, pengiktirafan tersebut dapat menjadi inspirasi dan dorongan kepada penulis mahupun pengarang dalam kalangan masyarakat muda untuk berjuang dalam kehidupan kerana sudut kelebihan manusia tidak memaparkan satu aspek sahaja malah lebih daripada itu manusia boleh kecapi dengan mudah dengan syarat dilakukan atas minat sendiri dan akan membolehkan setiap perkara yang dilakukan menjadi lebih mudah.

Disamping itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan yang berguna kepada para pengkaji puisi moden pada masa akan datang. Dalam konteks ini, ia turut melibatkan pemahaman pengkaji dalam membuat kritikan sosial melalui penterjemahan kata yang berstruktur bagi membolehkan isu yang disampaikan berlapik atau menjaga susunan kata untuk mengelakkan kritikan langsung berlaku. Hal ini dikatakan kerana keindahan nilai budaya adat masyarakat Melayu yang sering menjaga adab dalam bertutur turut diaplikasikan menerusi kritikan-kritikan ilmiah sebagai teguran yang sopan untuk khalayak menerima segala mesej yang disampaikan. Sehubungan dengan itu, kritikan yang dilakukan adalah bertujuan untuk mengabadikan sesuatu peristiwa yang sudah terjadi sebagai amaran atau langkah berjaga-jaga bagi memastikan khalayak mengambil ikhtibar untuk mengelakkan perkara-perkara buruk terjadi pada mereka. Ekoran itu, jelaslah bahawa kritikan sosial

menerusi ciptaan kumpulan puisi *Sepasang Sayap di Bahu* mementingkan unsur teguran beradab sebagai renungan yang sepatutnya dititiberatkan bagi dijadikan panduan dalam membuat kritikan daripada pelbagai sudut aspek kehidupan dengan berhemah.



## **1.8 Kesimpulan**

Pada keseluruhannya, sifat kepenggarangan Muzaf Ahmad dapat disimpulkan sebagai seorang anak muda yang berani menceburi bidang kesusasteraan dalam menghasilkan penulisan puisi. Kemunculan beliau telah memberi impak kepada peningkatan dan kebanggaan negara tentang pelapis baru yang akan menerajui dunia sastera kelak nanti. Dalam pada itu, setiap karya-karya beliau terutamanya penulisan Puisi telah menunjukkan sifat keberaniannya dalam menyentuh perihal duniawi misalnya sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya dalam membuat kritikan sosial mengenai nasib masyarakat yang tertindas sehingga terdapat berlakunya isu hak kemanusiaan. Dalam konteks ini, segala sumber idea yang digarapkan serta dihayati adalah bermula dengan faktor pengalamannya dalam pengembaraan dunia disamping melanjutkan pengajian di peringkat Universiti. Oleh demikian, penghasilan karya kumpulan puisi: *Sepasang Sayap di Bahu* ini telah menunjukkan pembahasan yang berkualiti tinggi dengan penggunaan bahasa-bahasa yang indah serta penuh dengan penyampaian makna yang tersirat mengenai perihal kehidupan manusia untuk dijadikan sebagai panduan dan pendoman bagi setiap manusia walaupun ditelan kemajuan dunia tanpa batas.

Kemudian, pada bahagian ini boleh dikatakan pengkaji melakukan proses untuk mengenalpasti pelaksanaan kajian dengan melihat segala aspek keberadaannya dalam mencapai kepada matlamat kajian. Sehubungan itu, kemudahan dalam menganalisis objektif kajian menjadi lebih mudah kerana dapat mengetahui kepentingan dan tahap keterbatasannya supaya hasil dapatan kajian yang diperolehi menepati keperluannya. Oleh itu, pendekatan yang bersesuaian adalah berpandukan kaedah kualitatif dengan melihat dokumen lepas

sebagai rujukan utama dalam penghasilan penyelidikan ini bagi mencapai kepada pendekatan teksdealisme untuk menepati tahap keunggulan kesusasteraan teks dalam kepengarangannya.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 2:**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam penyelidikan ini akan berlakunya beberapa proses yang melibatkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang dilakukan iaitu kajian mengenai Pendekatan Teksdealisme Dalam Kepengarangan Muzaf Ahmad Terhadap Kumpulan Puisi: *Sepasang Sayap di Bahu*. Dalam konteks ini, penggunaan kajian lepas dalam melaksanakan penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengumpul sumber-sumber ilmu pengetahuan yang merangkumi idea, maklumat, fakta serta proses yang diperlukan bagi membolehkan topik penyelidikan yang dikaji sering diperlukan dalam kajian lepas. Pendek kata, setiap langkah yang diaplikasikan memerlukan kajian dan juga berkebolehan dalam melakukan pendedahan, membaca, merumuskan, dan mengumpulkan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam dengan meluas yang berkait rapat menerusi tajuk yang sedang dikaji bagi memahami dengan lebih mendalam tentang apa yang dikaji. Dengan itu, jika adanya kajian lepas yang berstruktur akan dapat mengukuhkan lagi penyelidikan yang sedang dilakukan oleh pengkaji dengan melihat

kepada kekurangan, perbezaan dan juga yang ada pada persamaan diantara setiap daripada itu bagi memenuhi keperluan kajian ini.

### **Kajian Lepas**

Kajian lepas merujuk kepada penyelidikan-penyselidikan awal atau terkini yang dilakukan oleh sarjana di dalam sesuatu bidang dengan topik yang tertentu. Oleh disebabkan sifatnya yang dianggap sebagai kajian lepas, maka ia dilihat sebagai sebuah peranan untuk dijadikan panduan kepada para penyelidik yang ingin melakukan penyelidikan secara mendalam terhadap topik atau bidang tertentu. Dalam konteks ini, kajian lepas sering memberikan pelbagai maklumat yang berguna untuk mewujudkan persoalan dan permasalahan kajian bagi membentukan kaedah metodologi dan pembentukan kerangka konseptualnya yang sempurna. Dengan itu, panduan terhadap hasil kajian sebelumnya ini akan memberi sebuah garapan yang lebih konkret serta menyumbang kepada proses kemaraan ilmu sekaligus memberi kefahaman yang tinggi kepada penyelidik kini kerana penelitian yang mendalam akan memberi manfaat untuk membolehkan setiap persoalan, permasalahan serta isu yang diketengahkan dapat diselesaikan dengan mudah berdasarkan kajian lepas dari penyelidikan tesis, artikel dan buku.

## **2.2 Kajian Lepas Mengenai Kepengarangan**

### **2.2.1 Tesis**

Aspek Kepengarangan seorang pengarang amat dititikberatkan untuk memastikan sesebuah karya sastera yang dihasilkan mempunyai keunggulannya yang tersendiri. Menurut Fauzi Bin Hasan (2019) menerusi kajian terhadap “*Keunggulan Kepengarangan Faisal Tehrani Dari Perspektif Teksdealisme*” telah menyatakan keunggulan yang dimiliki oleh pengarang telah membawa kepada pencapaian dan tahap kedudukan pengarang tersendiri bagi membolehkan wujud tahap perbezaannya daripada pengarang yang lain. Dalam konteks ini, kajian yang dilakukan telah mengambil kaedah yang bersifat kualitatif dengan menganalisis teks serta melibatkan kerja-kerja lapangan. Disamping itu, kajian ini juga telah membuat pendekatan terhadap pengaplikasian teori Teksdealisme sebagai landasan kajian dengan menitikberatkan empat prinsip utamanya. Dengan itu, dapatan kajian menerusi penelitian ini telah menunjukkan bahawa Faisal Tehrani telah mencapai tahap keunggulan menerusi setiap karya novel yang dikaji walaupun setiap diantaranya mengalami perubahan dari aspek keunggulan kerana ditentukan oleh karya-karya seterusnya.

Seterusnya, perbincangan aspek kepengarangan diperlihatkan menerusi kajian Mohamad Rosmizi Mahamad (2021) dalam “*Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Novel-Novel Terpilih*” telah memerihalkan keunggulan kepengarangan sebagai wadah penelitian kajian dengan mengenalpasti dan menganalisis bentuk keunggulan yang dimiliki oleh pengarang. Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji telah mengaplikasikan kajian yang berbentuk kualitatif disamping kaedah kepustakaan secara inidianalisisi yang

berlandaskan prinsip-prinsip dalam teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Dalam pada itu, kajian ini akan menggambarkan bentuk keperibadian Anwar Ridhwan melalui pengalaman sebagai pencetus idea dalam penulisannya disamping membuat pembaharuan yang diperkuuhkan dengan nilai-nilai murni dalam persenoliti pengarang. Dengan itu, kajian ini boleh memberi implikasi untuk penyelidik bagi memahami proses penghasilan kepengarangan demi meningkatkan daya kreativiti karya.

Lain daripada itu, aspek kepengarangan turut dilihat menerusi Roslan Abdul Wahid (2007) menerusi kajian terhadap “*Analisis Kepengarangan J.M Aziz dan Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Sajak-Sajak J.M Aziz Bersepadu 4L (Luhur, Lahir, Logik, Dan Lateral)*” telah memerihalkan tentang biografi dan kepengarangan J.M Aziz dari perspektif latar belakang dmenerusi penglibatannya dalam penghasilan sajak-sajak yang bermutu tinggi yang diambil sekitar 50-an hingga 90-an. Kajian ini telah melihat nilai-nilai kemanusiaan menerusi sajak yang dipilih dnegan bertemakan ketabahan, kegigihan, kesyukuran, keimanan, ketuhanan, kasih sayang dan bertanggunjawab bagi membolehkan segala nilai-nilai tersebut mempunyai hubungkait dengan konsep pendekatan yang diaplikasikan iaitu sistem pemikiran bersepadu 4L. Pendekatan yang diaplikasikan telah membincangkan dari aspek pembinaan paradigma, pemikiran logik dan pemikiran lateral sebagai panduan kepada keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan. Oleh demikian, pada keseluruhan kajian bukan sahaja menumpukan aspek keaktifan dan kegigihan yang dimiliki oleh J.M Aziz tetapi akan berlakunya pengadaptasian menerusi nilai-nilai kemanusiaan yang berlandaskan pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4L.

## 2.2.2 Artikel

Unsur Kepengarangan seringkali menjadi keutamaan bagi penghasilan sesuatu karya untuk membolehkan ilham penulis itu mencapai kepada penghayatan mereka pada setiap teks-teks yang dihasilkan. Dilah Tuah (2021) menerusi kajiannya “*Citra Sosiobudaya Membentuk Identiti Kepengarangan Penulis Bumi Kenyalang; Satu Sorotan*” telah memperihalkan aspek kepengarangan pengarang sebagai simbolik kepada keseluruhan penceritaan iaitu mengangkat aspek sosiobudaya untuk melambangkan identiti pengarang yang berasal dari Bumi Kenyalang atau dikenali sebagai Sarawak. Hal ini dikatakan kerana penerapan elemen sosiobudaya bukan sahaja mengutamakan pembentukan identiti kepengarangan seseorang tetapi peranannya adalah berupaya untuk menelaah falsafah kehidupan, sistem nilai, kepercayaan serta kebudayaan berdasarkan kreativitinya tersendiri turut menyumbang kepada keunggulan teks. Sehubungan itu, kajian yang dilakukan memperlihatkan pendekatan kualitatif yang berlandaskan analisis kandungan sebagai wadah perbincangan dalam kajian. Dengan itu, kandungan yang telah dibincangkan juga menjadi bukti bahawa elemen citra sosiobudaya dapat dikenalpasti dalam masyarakat.

Seterusnya, berdasarkan kajian Rosnani Ibrahim, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Shaiful Bahri Md Radzi (2021) dalam “*Kepengarangan Dalam Dua Syair Mengenai Raja Dan Pemerintahannya Pada Era Kontemporari*” ada menyatakan bahawa gaya kepengarangan dua penyair iaitu Mohd Ibrahim bin Said dan Miskiah binti Masrom telah menjayakan syair Diraja Melayu menerusi era Kontemporari. Dalam konteks ini, kisah penceritaan sultan adalah sebahagian daripada corak kepengarangan pada era penulis kerana mempunyai hubungan rapat dengan golongan istana. Namun begitu, corak kepengarangan

semakin lemah sehingga munculnya karya Syair yang berdasarkan Raja Melayu yang dibawa oleh Miskiah binti Masrom telah menjadikan pendekatan kepengarangan semakin diperkenalkan. Sehubungan itu, kajian ini untuk membuktikan bahawa aspek kepengarangan masih wujud dalam penulisan teks dengan pengaplikasian menerusi teori perbandingan sastera sebagai panduan perbincangan. Dalam pada itu, kajian ini juga dilakukan dengan kaedah kualitatif dengan menggunakan penganalisisan kandungan terhadap syair-syair raja. Oleh demikian, hasil kajian telah memperlihatkan wujudnya unsur tradisi dalam adat dan kepercayaan yang menjadikan idea kepengarangan muncul dalam syair yang dihasilkan.

Kemudian, Ghazali Din dan A. Halim Ali (2020) “*Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu*” ada memerihalkan sumbangan dan kepengarangan tokoh dalam membangunkan jati diri bangsa Melayu menerusi pemikiran-pemikiran yang selaras dengan minda masyarakat Melayu dalam puisi-puisi yang diciptakan. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sumbangan Muhammad Haji Salleh menerusi bentuk pemikiran yang dapat memberi kesedaran kepada pembangunan minda masyarakat Melayu dari perspektif sosial disamping mengaplikasikan kreativitinya sebagai keutamaan kajian yang dilaksanakan. Dalam pada itu, kajian ini juga memberi fokus kepada kepengarangan yang bersifatkan intelektual dalam penciptaan puisi-puisi yang berpandukan aspek sosial sebagai induknya bagi membolehkan wujudnya hubungan antara pengarang, teks dan pembaca. Sehubungan itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan kepustakaan dengan menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri serta gabungan antara Teori Teksdealisme dan Teori *Tipa* Induk sebagai panduan keseluruhan kajian. Dengan itu, kajian telah didapati bahawa sumbangan yang dibawa oleh Muhammad Haji Salleh terhadap pembangunan dan minda dalam peradaban Melayu telah

mencapai tahap kepentingannya sehingga merentasi dunia menerusi puisi-puisi yang dihasilkannya olehnya.

Perbincangan dari aspek kepengarangan turut dikaji menerusi “Represemtasi Nilai Religi Dan Kepengarangan Puisi-Puisi Karya Taufik Ismail” oleh Emil Septia, Silvia Marni, dan Armet (2019) ada menunjukkan representasi kepengarangan terhadap nilai religi pada setiap puisi yang dihasilkan. Penelitian kajian ini adalah berlandaskan cacatan-cacatan ilmiah yang wujud sejak zaman gejolak politik dan persepsi masyarakat Indonesia dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis disamping pengaplikasian teori sosiologi sastera pada keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan. Dengan demikian, hasil kepengarangan yang terdapat pada kumpulan puisi: *Debu di Atas Debu* telah mempamerkan gaya kepenggarangannya yang banyak dipengaruhi oleh adat budaya setempat bagi membolehkan pengarang menyentuh perasaan dan emosi pembaca dalam membuat representasi nilai terhadap sikap manusia.

Lain daripada itu, menurut Nurul Syafiqah Mazlan dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2019) menerusi kajian terhadap “*Etika Kepengarangan Menurut Perpektif Islam*” ada memerihalkan konsep kepengarangan dalam aspak penganalisan etika kepengarangan menurut perspektif islam. Sehubungan itu, kajian ini telah berpandukan kepada kaedah kepustakaan dalam pengumpulan data dan hasil dapatan kajian ini telah bersumberkan sejarah penyebaran dakwah dalam islam. Hasil kajian ini telah memperlihatkan wujudnya lima etika kepengarangan menurut pandangan islam serta berdasarkan perspektif tersebut adalah untuk mengelakkan berlakunya salah laku dalam kepengarangan seorang pengarang.

Rentetan itu, perbincangan terhadap kepengarangan turut diperlihatkan menerusi kajian Ghazali Din, Abdul Halim Ali, dan Mohd Azam Sulong (2015) dalam “*Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teksnaluri*” ada menyatakan kekuatan kepengarangan pengarang adalah dari aspek bahasa kerana ia dapat mencerminkan perasaan serta jati diri yang dimiliki oleh seseorang pengarang. Berdasarkan kajian ini juga memperlihatkan kepengarangan dan proses kreatif yang berpandukan naluri sebagai keutamaan dalam membuat penyelidikan. Dalam konteks ini, setiap puisi yang dikaji telah meletakkan faktor komunikasi sebagai keutamaan kajian bagi melihat kefahaman makna antara pengarang, teks dan pembaca. Dengan itu, penyelidikan ini telah dilaksanakan menerusi pendekatan dekriptif dan kualitatif dengan pengaplikasian teori *Teksnaluri* bagi membolehkan wujudnya sifat-sifat kejiwaan dirasai oleh emosi manusia. Oleh demikian, hasil kajian telah menyatakan bahawa naluri manusia amat penting kerana merupakan fitrah manusia dan mudah untuk mempengaruhi jiwa dan pemikiran manusia yang diungkapkan melalui penggunaan bahasa.

### **2.2.3 Buku**

Berdasarkan buku yang menceritakan aspek kepengarangan juga terdapat dalam penulisan buku Azhar Wahid (2022) iaitu “*Hegemoni Kepengarangan A. Samad Ismail*” yang menceritakan perkembangan tokoh sastera dengan mengutamakan cerminan sosiobudaya dalam penerapan kepengarangan menerusi teks sastera. Sehubungan itu, novel-novel yang dibahaskan kebiasaannya diambil sekitar tahun 1960-an hingga 1970-an dengan membuat penterjemahan menerusi pandangan dunia disamping pengaplikasian

interlektualisme bangsa Melayu ketika itu. Dengan itu, hasil daripada penubuhan buku ini dapat membolehkan pembaca memahami jati Diri A. Samad Ismaid sebagai pengarang yang berwibawa dalam mengenalpasti idealisme tertentu melalui mata pena dunia sastera.

Seterusnya, perbincangan aspek kepengarangan juga wujudnya bahan ilmiah yang telah dibukukan menerusi buku “*Perihal Keintelektual Dan Kepengarangan Dalam Teks Tradisional*” karya oleh Nor Hasimah Jalaluddin (2021). Berdasarkan buku tersebut, aspek kepengarangan telah dilakukan terhadap teks-teks tradisional Melayu oleh sarjana tempatan dan luar dengan melihat aspek pemikiran, gaya hidup, salasilah keturunan raja dan pelbagai lagi untuk membuktikan bahawa terdapat banyak khazanah pemikiran yang masih relevan untuk dicungkil dan menjadi bahan panduan kepada umum untuk pengkajian seterusnya. Dalam pada itu, teks yang bersifat sejarah mahupun hikayat tetap akan membincangkan mesej-mesej yang penting tidak kira tersurat mahupun tersirat untuk membolehkan sifat keintelektual Melayu pada zaman itu terbukti. Oleh demikian, bagi menjelaskan dakwaan yang mengatakan teks Melayu adalah hasil daripada peniruan daripada cerita rakyat Hindu dapat dinafikan secara berfakta dan sekaligus mengangkat nilai keintelektual dan kepengarangan Melayu yang patut dibanggakan.

Lain daripada itu, perbincangan mengenai aspek kepengarangan pengarang telah memperlihatkan wujudnya beberapa bahan bacaan yang mengetengahkan konsep kepengarangan pengarang dengan menggabungkan para penulis hebat. Menerusi karya “*Kreativiti 3 Genre: Kepengarangan 12 Penulis*” yang dihasilkan oleh Mawar Safei (2016) telah menghimpunkan prosa iaitu gabungan cerpen dan novel serta puisi dan drama yang telah dihasilkan oleh dua belas orang penulis yang mempunyai latar belakang yang berbeza misalnya Aminah Mokhtar, Faisal Tehrani, Kamariah Kamarudin, Mawar Safei, Nisah Haji

Haron, Rahimidin Zahari, S.M Zakir, Salina Ibrahim, Samsiah Mohd Nor, Shamsudin Othman, Siti Jasmina Ibrahim dan Zaid Akhtar. Buku yang dihasilkan ini telah melibatkan proses dalam penjanaan idea iaitu dengan mengemukakan faktor pengalaman, cacatan kembara, hasil pembacaan atau imaginasi dan lain-lain lagi sebagai pendukung kepada kemunculan ilham dalam penghasilan karya. Dengan itu, karya ini dapat menjadi panduan dan dorongan kepada penulis untuk melahirkan karya-karya yang terunggul.

## **2.3 Kajian Lepas Mengenai Puisi**

### **2.3.1 Tesis**

Perbincangan mengenai puisi telah banyak dihasilkan sejak dahulu hingga kini misalnya menerusi kajian oleh Mohammad Shahmin Mejah (2023) terhadap penyelidikannya “*Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik*” ada memerihalkan kajian terhadap puisi dengan menekankan aspek tanda sebagai fokus penyelidikannya. Dalam konteks ini, kajian ini telah melihat segala yang berhubung dengan tanda-tanda yang berkait terutamanya peranan tanda dalam penerimaan pembaca dalam membuat penafsiran untuk mencapai kefahaman menerusi teks puisi. Lain daripada itu, kajian ini juga telah mengenalpasti unsur kontradiksi menerusi aspek didaktik serta bentuk pemikiran yang tersirat dalam puisi yang dikaji serta kesan yang diperolehi oleh pembaca setelah memahami bentuk pola pemikiran yang disampaikan. Hasil daripada itu, pengaplikasian teori semiotik dalam penyelidikan ini dapat memberikan makna yang penuh

secara terssurat dan tersirat untuk mencapai kepada bentuk pengajaran yang disampaikan kepada masyarakat.

Seterusnya, penyelidikan yang berlandaskan puisi juga boleh dilihat menerusi kajian oleh Mohd Daud Ibrahim (2015) menerusi “*Cinta Kepada Ilahi Dalam Puisi Darma Mohammad*” yang menjadi puisi sebagai penyelidikan berteraskan konsep cintai ilahi berdasarkan puisi Drama Muhammad. Tujuan kajian ini adalah melihat kepada konsep cinta ilahi yang memberi tumpuan kepada tiga konsep iaitu konsep kekasih dan perindu (*mahbubasyik*), cinta yang mendekatkan diri Allah SWT melalui jalan-jalan sufi dan konsep kehambaan (*ubudiyah*) yang dikaji terhadap empat buah novel terpilih. Dalam pada itu, kajian ini telah mempraktikkan kaedah penerapan teoriitikal Konseptual Kata Kunci untuk melihat hubungan perasaan diantara penyair kepada Allah SWT. Dengan itu, penyelidikan ini telah memberikan input pengetahuan yang mendalam kepada umum mengenai karya-karya sastera islam hasil daripada penulis puisi tempatan.

Kemudian, kajian terhadap puisi boleh dilihat menerusi penyelidikan oleh Khaliza Binti Khalid (2014) dalam penelitian terhadap “*Unsur-Unsur Kerohanian Dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad*” telah menunjukkan bahawa puisi dikaji menerusi perspektif kerohanian dengan mengenalpasti unsur-unsurnya dengan penekanan kepada tiga kaedah yang berbeza iaitu kaedah kepustakaan, analisis dan pengaplikasian teori iaitu teori Takmilah. Penelitian dalam kajian ini adalah bertujuan untuk melahirkan nilai-nilai positif dan dipenuhi dengan sifat-sifat terpuji yang bersesuaian dengan bertakwa kepada Allah SWT. Dengan itu, penemuan ketujuh-tujuh prinsip teori Takmilah dalam kumpulan puisi ini telah membuktikan karya ini sarat dengan nilai-nilai keagamaan dan pengajaran yang boleh dimanfaatkan secara bersama.

### **2.3.2 Artikel**

Berdasarkan kajian puisi telah dilihat menerusi struktur pembinaannya seperti Rio Dirman (2022) menerusi kajian berdasarkan “*Analisis Struktur Puisi Dalam Kumpulan Puisi “Aku Ini Binantang Jalang” Karya Chairil Anwar*” telah memaparkan keperluan pembinaan struktur puisi adalah melibatkan dua aspek iaitu struktur fizikal dan struktur batin. Berdasarkan kajian ini adalah bertujuan untuk memahami bentuk puisi yang terhasil sama ada tergolong dalam kategori tertentu. Penyelidikan ini berpandukan kajian perpustakaan dengan melaksanakan kajian melalui bahan bacaan yang dapat menyokong penyelidikan ini disamping menganalisis data berdasarkan fakta dengan kaedah deskriptif kualitatif. Hasil kajian ini telah memperlihatkan penggunaan tiga puisi yang berbeza iaitu *Hampa*, *Di Masjid* dan *Diponegoro* untuk memastikan kedua-dua kategori tersebut mudah dikenalpasti sama ada struktur fizikal atau struktur batin.

Perbincangan mengenai aspek puisi telah memperlihatkan banyak kajian lepas yang telah membahaskan tentang kepentingannya misalnya menerusi penyelidikan oleh Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani dan Iqbal Sayrul Akhbar Al Aziz (2019) dalam kajian mereka iaitu “*Analisis Penggunaan Gaya Bahasa Pada Puisi-Puisi Karya Fadli Zon*” telah menjadikan puisi sebagai alat menyuarakan pendapat terhadap sesuatu isu. Hal ini boleh dikatakan puisi telah menjadi suatu platform untuk menonjolkan isu-isu semasa agar diketahui oleh umum dengan pantas. Berdasarkan kajian ini telah memberi penekanan kepada penggunaan gaya bahasa yang tersirat dalam penghasilan puisi-puisi karya oleh Fadli Zon. Dalam hubungan ini, penyelidikan ini telah mengaplikasikan penelitian secara dekriptif kualitatif yang bersumberkan data berdokumen teks-teks puisi oleh Fadli Zon. Dalam pada

itu, kaedah yang digunakan juga bersifat teknik interaktif atau teknik analisis data yang meliputi tahap reduksi data, sajian data dan penarikan kesimpulan. Dengan itu, hasil kajian telah memperoleh gaya bahasa yang bersifat dominan misalnya personifikasi dan aliterasi dengan bertujuan untuk memberi penekanan maksud yang boleh menyampaikan makna sindiran secara halus dan tersiratnya pemikiran yang boleh difahami.

Rentetan itu, penyelidikan terhadap puisi dapat dilihat berdasarkan kajian oleh Elfa Sukma (2019) dalam kajiannya iaitu “*Literasi Membaca Puisi Guru SD*” telah menunjukkan bentuk pelaksanaan pembacaan puisi di sekolah rendah di salah satu daerah di Indonesia. Menerusi kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan melihat sebanyak guru-guru di sekolah awam dalam memperolehi kefahaman dalam pembacaan puisi. Demgan itu, kebolehan dalam pembacaan puisi telah mencatat keputusan penilaian yang baik dan berada kelayakan yan memuaskan bagi mencapai sifat literasi pembacaan puisi dan secara tidaklangsung tahap kebolehan membaca terus meningkat.

Kemudian, kajian yang berteraskan puisi turut dikaji dari perspektif lain seperti menurut Deifan Permana dan Dian Indihadi (2018) dalam kajiannya iaitu “*Penggunaan Media Gambar Terhadap Pembelajaran Menulis Puisi Peserta Didik*” telah memaparkan kesukaran peserta dalam menghasilkan puisi yang hanya berpandukan teks sahaja tanpa melibatkan unsur visual untuk penjanaan idea. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, penelitian kajian ini akan memberi satu alternatif yang melibatkan media bergambar dalam penghasilan teks puisi semasa prose pembelajaran bahasa Indonesia kerana dapat memotivasi pelajar dalam memperoleh daya imaginasi tersendiri. Dalam konteks ini, kajian ini memberi penumpuan kepada kemampuan menulis puisi disamping pengaplikasian media bergambar untuk mempengaruhi mereka memperolehi idea dalam kalangan pelajar

kelas III A SD Negeri 2 Cibunigeulis. Bagi pendekatan kajian pula telah memperlihatkan pengaplikasian terhadap kaedah *Pre-Experimental Design* disamping pengumpalan data berteraskan analisis data kuantitatif. Oleh itu, kajian ini dapat disimpulkan bahawa wujudnya hubungan perkaitan antara menulis teks dan media bergambar dalam memperolehi idea bagi memberikan kemampuan dalam penghasilan penulisan puisi bagi kalangan pelajar di Indonesia.

Lantaran itu, penyelidikan berteraskan puisi menurut Yuli Yulianti Nurjannah, Putri Ayu Chandra Agustina, Et al, (2018) telah memerihalkan pentafsiran makna puisi boleh dilaksanakan melalui penggunaan teori yang terpilih. Hal ini dikatakan kerana pendekatan yang diambil dalam kajian ini adalah berpandukan penggunaan teori semiotik dalam menganalisis bentuk-bentuk tanda yang terdapat dalam puisi yang dikaji. Bagi keseluruhan kajian ini, kaedah yang diambil kira adalah berlandaskan deskripsi kualitatif dengan menginterpretasikan teks-teks terpilih dalam memahami makna tanda yang terdapat dalam puisi. Oleh demikian, simbol-simbol yang dikaji dapat menjawab kepada pemaknaan mesej yang tersirat disamping membolehkan pemikiran yang disampaikan boleh difahami dengan mudah.

Disamping itu, perbincangan terhadap kajian puisi telah menunjukkan dari aspek yang berlainan seperti kajian oleh Nani Solihat (2017) dalam kajiannya iaitu “*Aspek Pendidikan Dalam Puisi Hamka*” telah memerihalkan aspek nilai-nilai pendidikan dalam bentuk karakter menerusi puisi HAMKA. Dalam penyelidikan ini telah mengaplikasikan kaedah deskriptif kualitatif iaitu bersumberkan data-data yang diambil daripada sebelas buah puisi HAMKA dan data yang dikumpul akan mengutamakan kandungan dan maksud setiap puisi yang dikaji. Lantaran itu, penyelidikan ini juga berpandukan model Miles dan

Huberman yang memberi penekanan kepada kaedah penyelidikan secara menyeluruh untuk membolehkan berlakunya penghasilan inferens. Oleh demikian, hasil daripada kajian telah membuktikan sajak-sajak HAMKA terkandungnya perwatakan yang sarat dengan nilai pendidikan menerusi sifat kejujuran, autonomi, semangat nasionalisme dan banyak lagi sehingga dapat melahirkan insan yang utuh dan gemilang.

Akhir sekali, penyelidikan terhadap puisi turut dilihat menerusi kajian oleh Ika Mustika dan Riana Dwi Lestari (2016) menerusi penelitian terhadap “*Hubungan Minat Baca Dan Kebiasaan Membaca Karya Sastera Terhadap Kemampuan Menulis Puisi*” telah memperlihatkan kajiannya dalam mengetahui perhubungan kefahaman antara pembaca dan karya dalam memahami kemampuan penulisan puisi. Berdasarkan penyelidikan ini telah mengambil pendekatan kuantitatif dengan melibatkan pelajar mahasiswa seramai 126 orang yang mengikuti kuliah semester bagi pengajian Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia bagi tahun 2015/2016. Dalam konteks ini, data akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif disamping penggunaan teknik deskriptif melalui program SPSS. Hal ini bertujuan untuk melihat bentuk kefahaman dan minat mereka dalam penulisan puisi disamping meneroka kemampuan mereka dalam penghasilan puisi. Dengan demikian, penyelidikan ini dapat menjadi faktor kepada pemantapan minat dalam bidang sastera dengan kemampuan menulis puisi sebagai keutamaan bagi pelajar sastera di Indonesia.

### **2.3.3 Buku**

Berdasarkan perbincangan mengenai puisi telah memperlihatkan beberapa bahan ilmiah yang telah diangkat sebagai rujukan bacaan misalnya buku yang telah dihasilkan oleh Soni Farid Maulana (2023) menerusi judulnya iaitu “*Apresiasi Proses Kreatif Menulis Puisi*” telah memaparkan penerangan mengenai proses penulisan kreatif dalam penghasilan puisi yang baik. Dalam konteks ini, penulisan kreatif juga ada memaparkan kaedah untuk membuat pembacaan interaksi simbolik yang mendalam secara ringkas. Dalam pada itu, penulisan puisi yang tidak rumit dan penggunaan metafora yang ringkas akan meninggalkan banyak kesan penafsiran yang tinggi untuk memahami pemikiran yang disampaikan. Oleh demikian, penglibatan pengalaman bersejarah penulis akan mendorong kepada wujudnya imaginasi penulis semasa berlakunya proses penulisan kreatif puisi sebagai alternatif perkembangan bakat yang ketara.

Selain itu, bahan ilmiah berdasarkan perbincangan puisi boleh dilihat menerusi buku yang dihasilkan oleh Jumriani (2022) iaitu “*Kumpulan Puisi Transformasi Sosial*” yang telah membahasakan tentang koleksi puisi yang diselenggarakan oleh Program Studi Pendidikan IPS Universitas Lambung Mangkurat. Dalam buku ini, setiap puisi yang diselenggarakan akan membincangkan dari aspek sosial dan budaya dan merupakan sebanyak 132 puisi yang turut menyentuh isu yang hampir sama. Dengan demikian, kumpulan puisi ini adalah sebahagian daripada produk sastera yang mengangkat kualiti karya teks puisi yang berharga dan bermanfaat kepada manusia untuk mempelajari tentang perihal kehidupan khususnya.

## **2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Teksdealisme**

### **2.4.1 Tesis**

Berdasarkan kajian terhadap pengaplikasian teori Teksdealisme telah memaparkan banyak kajian-kajian lepas yang telah menggunakan misalnya kajian oleh Nur Muhamad Shahir Bin Ayob (2021) dalam penyelidikan tesisnya yang berjudul “*Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Drama Dari Perspektif Teori Teksdealisme*” telah mengkaji unsur kepengarangan pengarang yang berlandaskan prinsip teksdealisme misalnya dari prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan dalam drama terpilih. Penghasilan kajian ini telah menitikberatkan kaedah kualitatif dengan kajian secara kepustakaan dan analisis kandungan teks disamping pengaplikasian teori Teksdealisme yang berasaskan deskriptif. Oleh demikian, kajian penyelidikan dapat memberi pengetahuan dan panduan kepada setiap bakal pengarang yang mempunyai sifat keberanian dan bijak dalam menghasilkan karya sastera demi melahirkan generasi yang terunggul dan gemilang.

Seterusnya, penyelidikan tesis yang melibatkan penggunaan teori Teksdealisme juga terdapat pada kajian oleh Ruziwati Abu Samah (2019) dalam penyelidikannya iaitu “*Teori Teksdealisme Dalam Gaya Keibubapaan Novel Komsas Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora*” ada menunjukkan pengaplikasian pendekatan teksdealisme bagi memerihalkan nilai keibubapaan dalam kedua-dua bahan ilmiah komsas tersebut. Kaedah yang digunakan adalah berpandukan kepustakaan dan kajian teks untuk membuat penelitian terhadap gaya keibubapaan dan identiti mereka dalam membentuk tingkahlaku anak-anak yang meningkat dewasa. Denagn itu, kajian yang berteraskan keempat-empat prinsip teori

Teksdealisme dapat merungkai pemahaman dalam gaya keibubapaan yang menunjukkan peranan penting kepada pembentukan sasiah remaja. Oleh itu, kajian yang berasaskan komprehensif amat penting supaya ilmu keibubapaan dapat dipupuk dalam membangunkan bangsa yang terbilang dan gemilang.

Akhir sekali, kajian yang berteraskan teori Teksdealisme turut dilihat menerusi penyelidikan oleh Mohd Saipuddin Suliman (2016) menerusi kajian tesisnya iaitu “*Penerapan Teori Stistik dan Teksdealisme Bagi Menganalisis Puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim (IR)*” ada memerihalkan kajian yang berpandukan gabungan teori iaitu teori stistik dan teori Teksdealisme. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti bentuk deviasi, pemikiran dan individualisme yang wujud dalam karya puisi Abdul Ghafar. Dalam pada itu, kaedah yang diambil adalah pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan terhadap unsur penyimpangan bahasa yang berteraskan pendekatan Donald C. Feeman iaitu fonologi, leksikologi, sintaksis, semantik, morfologi dan grafologi. Sehubungan itu, kajian ini telah menitikberatkan empat buah karya AGI bagi membolehkan pengenalpastian yang berteraskan prinsip teksdealisme boleh mencapai matlamat kajian ini. Dengan itu, hasil kajian telah menunjukkan karya yang menyimpang bahasa memberi kesan kepada aspek kebahasaan yang membinaaskan mutu karya perlu diperbaiki demi memartabatkan bidang sastera tanah air ke peringkat antarabangsa.

## **2.4.2 Artikel**

Menerusi kajian terhadap pengaplikasian teori Teksdealisme telah memaparkan banyak kajian-kajian lepas yang telah menggunakan seperti yang pernah dikaji oleh Mohd Saipuddin Suliman, Sahrun Nizal Mohd Nor, NorDiana Ab Jabar, Et al, (2023) dalam penulisan artikel yang berjudul “*Pembinaan Teori Teksdealisme Dan Penelitian Terhadap Karya Puisi Konkrit*” telah menunjukkan penciptaan teori Teksdealisme dalam aspek dasar pembangunan teori, rangka dasar teori dan pengaplikasian teori tersebut terhadap karya-karya sastera terpilih. Dalam konteks ini, pengaplikasian kaedah kualitatif yang berpandukan teknik analisis kandungan dengan analisis data yang bersandarkan teks yang dipilih. Hal ini dikatakan kajian telah membuktikan bahawa teori Teksdealisme berperanan sebagai mengidentifikasi karya dan penyair yang terunggul. Oleh demikian, kajian ini boleh dianggap sebagai panduan kepada penghasilan penyelidikan dan memanfaatkan penggunaan teori dalam membuat pembaharuan terhadap penciptaan puisi mahupun karya-karya sastera yang lain.

Kemudian, pengaplikasian teori Teksdealisme turut memperlihatkan penggunaannya menerusi kajian oleh Sara Beden (2019) yang berjudul “*Prinsip Kehadiran Dalam Novel-Novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme*” telah menyatakan pembaharuan teks yang dilakukan oleh pengarang menerusi aspek kehadiran diangkat sebagai sumber idea yang menjadikan teksnya mencapai tahap keunggulannya. Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip kehadiran berdasarkan tiga buah novel yang dipilih oleh karya Jong Chian Lai untuk mengukur tahap kualiti kepengarangannya. Disamping itu, kajian ini telah mebgaplikasikan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan untuk membolehkan

pengesahan terhadap inovasi yang dilakukan dalam ketiga-tiga novel yang dikaji. Pendek kata, pembaharuan dan pemantapan yang dilakukan untuk mencapai tahap keunggulan teks telah memberi perangsang kepada penulis lain untuk memastikan sentiasa berlakunya pembaharuan agar teks menjadi terunggul dalam penciptaannya.

Lain daripada itu, perbincangan terhadap penggunaan teori Teksdealisme juga dilihat menerusi artikel yang dihasilkan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa dan Fauzi Hasan (2017) berdasarkan kajiannya terhadap “*Novel-Novel Faisal Tehrani Dari Perspektif Teksdealisme*” telah mengkaji tiga buah novel dengan berpandukan teori Teksdealisme sebagai landasan utamanya. Penulis ini amat mementingkan aspek keagamaan dalam karya-karyanya yang boleh generasi muda mengikutinya kerana novel-novel yang dipilih sarat dengan idea dan pemikiran yang menyentuh perihal sejarah, dan sosiobudaya yang menjadi dominan kepada kehidupan. Dalam hubungan ini, kaedah penelitian yang digunakan adalah teknik bacaan yang rapi serta membuat analisis kandungan berdasarkan novel-novel tersebut dengan berteraskan teori Teksdealisme. Oleh demikian, keseluruhan kajian ini boleh memperlihat sifat pengukuhan kedudukan Faisal Tehrani sebagai penulis yang berwibawa dalam bidang sastera kerana teks yang terunggulnya telah membuatkan beliau berada ditahap sebegitunya.

#### **2.4.3 Buku**

Berdasarkan penerangan mengenai teori Teksdealisme menerusi bahan bacaan ilmiah telah memperlihat antara salah satu buku yang membincangkan pendekatan-pemdekatan

teori yang terdapat dalam teksdealisme seperti buku oleh Mana Sikana (2015) yang berjudul “*Sasterawan Negara Di Takhta Keunggulan*” ada menerangkan penggunaan teori Teksdealisme secara terperinci dan mendalam. Dalam konteks ini, penerangan yang disampaikan membolehkan penjelasan mengenai penggunaannya dengan betul mengikut objektof dan matlamat kajian yang berteraskan keunggulan kepengarangan pengarang mahupun penulis dalam bidang sastera. Oleh demikian, pemantapan sesebuah karya sastera menjadikan teori Teksdealisme sering kali digunakan untuk melihat kemampuan pengarang dalam membuat pembaharuan terhadap karya teks mereka bagi membolehkan kualiti karya mereka kelihatan berharga dan mencapai tahap kepuasan dalam bidang sastera.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **2.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, berdasarkan bab dua ini dapat dirumuskan bahawa wujudnya beberapa kajian lepas yang bersumberkan sahih menerusi tesis, artikel dan buku yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Antara aspek yang dititikberatkan dalam penyelidikan ini adalah aspek kepengarangan, puisi dan pengaplikasian teori Teksdealisme dalam beberapa bidang yang mempunyai kaitan dalam kesusasteraan Melayu. Oleh hal demikian, pelaksanaan menerusi tinjauan kajian lepas ini dianggap sebagai panduan dan sumber utama oleh pengkaji dalam mengenalpasti perbandingan kajian yang pernah dibuat atau kajian yang belum dilaksanakan lagi. Disamping itu, kajian literatur ini boleh memberi ruang dan peluang kepada pengkaji untuk membuat penilaian mengenai aspek perbincangan bagi bahagian-bahagian tertentu yang sepatutnya diutamakan sebelum proses pelaksanaan kajian dilakukan. Dalam konteks ini juga, pada bahagian ini turut memperlihatkan keterbatasan pengkaji dalam membuat penyelidikan yang boleh membantu kepada penghasilan dapatan kajian yang baik serta memanfaatkan ilmu yang diperoleh kepada pembaca khususnya. Oleh demikianlah, kajian lepas boleh dianggap sebagai landasan kepada pengkaji kini untuk menilai aspek kepengarangan pada sudut yang baharu untuk membolehkan penyelidikan berkembang dengan mudah.

## **BAB 3:**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Pada bahagian ini, pengkaji akan memerihalkan perbincangan terhadap penggunaan metodologi dalam pelaksanaan kajian. Hal ini bertujuan untuk memberi gambaran atau penjelasan terhadap proses kajian berlangsung dengan koleksi-koleksi data yang telah diperolehi dan dianalisis bagi membolehkan maklumat yang sedia ada adalah tepat dan bersesuaian dengan kajian. Hal ini bertepatan dengan metodologi kajian yang memaparkan kepentingannya dalam pelaksanaan kajian kerana kaedah yang bakal digunakan dalam kajian ini akan merangkumi motif pelaksanaan kajian yang berpandukan objektif untuk mencapaikan keputusan keseluruhan kajian. Dengan itu, pengkaji seharusnya melakukan perancangan yang bagus bagi memastikan kaedah yang bakal digunakan itu mampu menjawab segala persoalan kajian hasil daripada objektif dengan secara teratur dan sistematik. Dalam konteks ini, metodologi kajian yang digunakan boleh dikatakan seiring dengan kajian yang dilakukan agar dapat menepati kriteria yang telah dipaparkan dalam

pengaplikasiannya. Oleh itu, pengaplikasian metodologi kajian yang tepat dan bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan akan dapat mencapai nilai matlamatnya yang berlandaskan dengan objektif kajian yang diutamakan.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Umumnya, reka bentuk kajian merujuk kepada sesebuah bentuk kajian yang diaplikasikan dalam perkembangan maklumat yang berkait rapat dengan kajian yang dihasilkan. Sehubungan itu, terdapat tiga jenis bagi reka bentuk kajian iaitu kualitatif, kuantitatif dan gabungan reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif atau lebih dikenali sebagai '*mixed method*'. Menurut pandangan Kerlinger (1970), ada menyatakan bahawa reka bentuk kajian ini merujuk kepada satu kaedah pengumpulan serta pengolahan data yang diperolehi menerusi sikap perancangan yang baik dan sistematik yang telah dilakukan oleh pengkaji. Tambahan pula, bagi pandangan Edin Mortada (2020) telah menyatakan bahawa reka bentuk kajian membawa peranannya dalam memberi suatu penafsiran yang baru berdasarkan penyelidikan serta panduan kepada berlakunya penganalisisan data terhadap penyelidik ketika melakukan kajian. Sehubungan itu, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi proses ini untuk memperolehi pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Pengaplikasian kaedah kualitatif ini juga telah menunjukkan pengkaji menerapkan kaedah tersebut ketika melakukan penyelidikan di perpustakaan dengan melihat segala bentuk dokumen yang dapat membantu kepada pengumpulan maklumat dan segala data-data

yang berkaitan dengan kajian penyelidikan ini. Hal ini kerana kaedah kualitatif ini telah menggunakan pendekatan induktif iaitu melihat bentuk proses yang melibatkan pengumpulan pelbagai data menerusi penganalisisan segala teks yang pernah digunakan oleh pengkaji. Dengan demikian, kaedah kualitatif boleh diungkapkan sebagai kaedah yang berpegang kepada pendekatan semula jadi untuk memulakan sesebuah penyelidikan sesuatu kajian.

### **3.2.1 Dokumentasi**

Dokumentasi merujuk kepada kumpulan atau himpunan dokumen yang menjadi bentuk asas kajian dalam penghasilan sesuatu karya yang telah diterbitkan. Hal ini dilihat sebagai suatu kepentingan dan berperanan dalam menyimpan segala data dan sumber yang bakal digunakan untuk memperolehi kesahihan maklumat data. Dalam pada itu, teks yang dipilih disamping pengaplikasian teori akan membantu kepada pelaksanaan kajian yang membincangkan aspek kepengarangan pengarang Muzaf Ahmad dalam Kumpulan Puisi beliau iaitu *Sepasang Sayap di Bahu* dengan disokong oleh prinsip-prinsip yang menjadi pendekatan Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana.

### **3.2.2 Cara Pengumpulan Data**

Berdasarkan penghasilan sesebuah penyelidikan yang menarik, cara pengumpulan data amatlah memainkan peranan yang penting bagi memastikan penyelidikan yang dihasilkan mempunyai kandungan perbincangan yang berkualiti tinggi. Sehubungan itu, cara pengumpulan data dapat diungkapkan sebagai kaedah yang digunakan untuk mengumpul segala aspek mengenai maklumat dan data yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan. Dalam konteks ini, pengkaji telah mengaplikasikan pelbagai medium untuk menjawab kepada penyelidikan mengenai kepenggarangan Muzaf Ahmad Dalam *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* dengan melibatkan teks kajian iaitu buku beliau yang berjudul *Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu*. Di samping itu, segala bentuk data turut diperolehi menerusi bahan-bahan lain misalnya melibatkan kepustakaan iaitu buku, jurnal, tesis dan dokumen yang berkait rapat dengan aspek perbincangan iaitu unsur kepenggarangan disamping melihat kepada Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana. Lain daripada itu, data-data yang menjadi sokongan kepada penyelidikan ini turut diambil melalui penggunaan laman sesawang dengan pengaksesan internet sebagai medium keutamaan untuk mendapatkan maklumat tanpa batas.

### **3.2.3 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan yang digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh bahan-bahan ilmiah di perpustakaan adalah melibatkan Perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok dan beberapa lagi di luar kawasan UMK. Sehubungan itu, pengkaji akan membuat segala rujukan dengan melihat beberapa bahan ilmiah lain bagi menyokong setiap hujahan teks yang dihasilkan misalnya buku Kumpulan Puisi: *Sepasang Sayap di Bahu* karya oleh Muzaf Ahmad sebagai rujukan utama untuk mendapatkan informasi atau maklumat yang tepat dalam melakukan kajian ini. Dalam pada itu juga, pengkaji juga akan menggunakan pendekatan ini untuk membolehkan berlakunya proses pengenalpastian terhadap penggunaan setiap buku yang dijadikan bahan rujukan ilmiah seharusnya bertepatan dengan topik kajian yang dibincangkan oleh pengkaji.


Berdasarkan pandangan Mohd Shaffie (1991), ada menyatakan bahawa keterlibatan kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan ini akan memberi maklumat dan menjawab mengenai pelbagai isu permasalah atau aspek perbincangan yang dikaji bagi mengelakkan penyelidik mahupun pengkaji mengalami kecelaruan atau kesilapan ketika melakukan penyelidikan berdokumen. Dalam hubungan ini, pengkaji akan memulakan pelaksanaan kajiannya dengan menghadirkan diri ke perpustakaan yang berhampiran pada hari-hari tertentu jika mempunyai masa yang lapang bagi membolehkan proses pelaksanaan pengumpulan maklumat dan data berjalan dengan lancar dan teratur mengikut kesesuaianya. Oleh demikian, maka jelaslah bahawa pendekatan terhadap pengaplikasian kaedah kepustakaan telah membawa kepada kesempurnaan yang lengkap dan tersusun

dengan wujudnya bahan-bahan sehingga sesuai dengan pengaplikasiannya pada keseluruhan kajian ini dilakukan.

### **3.2.4 Analisis Kajian Dokumen**

Secara amnya, analisis dokumen merujuk kepada pecahan kaedah dalam pengumpulan data menerusi analisis kandungan yang dihuraikan berdasarkan objektif terhadap penerangan mesej melalui bahan-bahan berunsurkan dokumen bergambar mahupun teks. Dengan erti kata lain, pada bahagian maklumat tersebut boleh diperolehi menerusi kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau sebagainya yang boleh dianggap sebagai alat komunikasi dalam penyampaian maklumat. Sehubungan itu, pengumpulan data berdasarkan analisis dokumen boleh dikatakan kaedah yang memberikan maklumat yang untuh bagi menjawab kepada isu dan permasalahan yang dikaji. Dengan itu, berdasarkan dokumen yang dipilih akan memperlihatkan sebuah proses yang mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan sudah sedia ada dan hanya perlu diolah untuk menjadi bahan yang bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan ini sahaja.

### 3.2.4.1 Analisis Kajian Terhadap Teks



Rajah 1: Buku Kajian yang dipilih

Berdasarkan kaedah kajian terhadap analisis teks, telah memperlihatkan pengkaji mengaplikasikan maklumat menerusi teks yang berpandukan buku *Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu* karya oleh Muzaf Ahmad sebagai bahan utama untuk memperoleh maklumat yang tepat mengenai kajian ini. Hal ini boleh dikatakan kerana segala aspek perbincangan misalnya mengenalpasti konsep, perbicangan aspek pemikiran dan menganalisis unsur-unsur tertentu akan memberi keutamaan kepada nilai kepengarangan Muzaf Ahmad melalui pendekatan teksdeakisme sebagai perbincangan dalam penyelidikan ini. Sehubungan itu, Kumpulan Puisi ini telah diterbitkan pada 2018 oleh penerbitan Kata-Pilar dengan memaparkan sebanyak 105 halaman muka surat bercetak. Menerusi rujukan teks pada buku ini telah menunjukkan bahawa kebanyakkan puisi-puisi yang ditulis menyentuh perihal tentang liku-liku kehidupan manusia yang sarat dengan dugaan daripada pelbagai aspek terutamanya dari aspek politik, sosial, ekonomi dan lain-lain lagi di bumi Eropah.

Namun begitu, kajian ini telah memperlihatkan pengkaji memberi keutamaan terhadap perbincangan mengenai aspek kepengarangan beliau menerusi perihal paparan kehidupan masyarakat Eropah yang ditimpa pelbagai musibah bagi menggambarkan bentuk penindasan yang ditimpa oleh mereka sehingga membolehkan kisah yang disampaikan menerusi karya beliau dalam *Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu* mampu membuka khalayak mengenai isu penindasan yang berlaku dalam dunia pada masa kini. Terdapat pembahagian puisi yang wujud pada buku tersebut iaitu bahagian *Dari Dada ke Jendela* dan bahagian *Dari Pelana ke Derangga* yang merangkumi 53 puisi beliau bagi kedua-dua pembahagian tersebut. Dengan itu, menerusi puisi-puisi tersebut akan membolehkan pengkaji untuk membuat pilihan terhadap beberapa puisi yang mampu memenuhi kriteria kepengarangan pengarang melalui kandungan penceritaan yang disampaikan pada puisi yang telah dihasilkan. Oleh hal demikian, pengkaji akan melihat kajian ini dari sudut nilai kepengarangan pengarang terhadap Muzaf Ahmad dalam menyampaikan tentang penindasan manusia dari aspek-aspek tertentu sehingga mampu mencapai kepada bentuk pemahaman terhadap khalayak bagi mewujudkan kesedaran kehidupan manusia yang lain.

### **3.2.4.2 Analisis Kajian Terhadap Bahan**

Kajian yang mendalam turut berpandukan dengan penggunaan bahan-bahan yang dianggap sebagai rujukan utama dalam membuat penghujahan terhadap kajian penyelidikan ini. Hal ini boleh dilihat menerusi penggunaan bahan-bahan seperti teks, artikel dan buku sebagai bahan rujukan bagi penyelidikan ini berlangsung dengan jayanya. Berdasarkan pemilihan teks adalah merujuk kepada bahan pembacaan yang berkaitan dengan

penyelidikan. Hal ini boleh dilihat menerusi teks kajian utama iaitu *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* karya oleh Muzaf Ahmad bagi membuat penelitian yang mendalam untuk mengenalpasti sifat kepengarangan pengarang pada setiap hasil penulisan puisi yang telah diterbitkan. Dengan demikian, pemilihan teks ini akan memperlihatkan ketelitian pengkaji bagi memperlihatkan sisi pengarang dalam mencetuskan idealisme pada penulisan puisinya sehingga mampu membentuk karya yang kreatif dan mencapai tahap keunggulannya menerusi pengiktirafan anugerah yang telah diperolehi oleh beliau sepanjang penglibatannya dalam bidang kesusasteraan ini.

Kemudian, analisis kajian terhadap bahan turut dilihat menerusi penggunaan artikel-artikel yang mempunyai kaitan dengan tajuk penyelidikan yang mampu memberi sokongan hujahan pada setiap penghuraian dilakukan. Hal ini kerana setiap rujukan yang dilakukan dapat memberi bukti kepada sokongan hujahan menerusi tokoh-tokoh sarjana yang telah dipetik daripada artikel-artikel kajian yang dihasilkan oleh para pengkaji lepas sebagai alat sokongan terhadap aspek yang dibincangkan. Sehubungan itu, sokongan terhadap pernyataan menerusi rujukan artikel amatlah penting kerana mampu mengukuhkan lagi setiap hujahan yang dilontarkan oleh pengkaji dengan bukti-bukti yang mampu memberi kesan kepada penerangan yang dilakukan berdasarkan aspek perbincangan yang diutarakan. Dengan itu, pengkaji telah melibatkan pelbagai kaedah untuk menemui rujukan-rujukan artikel dan tesis misalnya *Google Scholar*, *Umk Discol*, *My Thesis Online* dan beberapa lagi bagi membolehkan maklumat yang diperolehi dapat menjadi suatu perkembangan idea untuk menjadikan kajian ini dipenuhi dengan fakta-fakta yang bernas sehingga menjadikan kajian ini sebuah penyelidikan yang penting pada masa akan datang.

Lain daripada itu, analisis kajian terhadap bahan juga turut memperlihatkan penggunaan bahan berdasarkan buku iaitu medium untuk menjadi rujukan kepada pengaplikasian teori menerusi pelaksanaan penyelidikan ini. Hal ini boleh dirujuk kepada penggunaan buku *Teori Sastera Kontemporari* karya oleh Mana Sikana yang telah diterbitkan oleh Pustaka Karya dijadikan sebagai rujukan teori untuk membuat penyelidikan ini dengan lebih tepat. Dalam konteks ini, buku yang dilihat ini mempunyai sebanyak 22 jenis teori yang digagaskan oleh Mana Sikana dan antaranya ialah Teori Teksdealisme yang membincangkan aspek kepengarangan pengarang menerusi prinsip-prinsip yang diketengahkan dalam teksdealisme. Dengan itu, rujukan berdasarkan buku ini telah menjadikan pemahaman terhadap maklumat mengenai Teori Teksdealisme mudah difahami disamping menjadi panduan utama dalam membuat penyelidikan berdasarkan aspek kepengarangan pengarang Muzaf Ahmad dalam *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu*.

### **3.3 Teori Teksdealisme**

#### **3.3.1 Pendahuluan**

Teksdealisme terdiri daripada dua patah perkataan yang terdiri daripada ‘teks’ dan idealisme yang merujuk kepada teks sebagai susunan ide dan pengalaman yang mempunyai maknanya tersendiri disamping menunjukkan sifat keunggulannya (Mana Sikana, 1996:75). Dalam konteks ini, teks teksdealisme mempunyai nilai falsafahnya yang tersendiri dalam mengetengahkan keperluannya dalam meletakkan teksnya bagi mencapai tahap keunggulan. Hal ini boleh dikatakan sifat keunggulannya dapat diwujudkan menerusi sesebuah teks

sastera kreatif misalnya idealisme pada teks. Sehubungan itu, perkara ini dapat disimpulkan bahawa teksdealisme telah membawa makna teks yang unggul disamping teks yang mempunyai mutu yang tinggi. Oleh demikian, teori Teksdealisme turut dianggap sebagai teori keunggulan kerana berkebolehan dalam melihat keunggulan teks sastera sebagai keutamaan dalam pelaksanaan kajian yang berlandaskan penggunaan teori Teksdealisme.

Bagi mencapai matlamat ini, seharusnya seorang pengarang memiliki keberanian dan kebijaksanaan yang tinggi dalam membentuk kefahaman mengenai sesebuah teks sastera. Hal ini dikatakan kerana setiap sifat keberanian yang dimiliki oleh pengarang adalah untuk melakukan inovasi dan perubahan terhadap teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang bagi membolehkan wujudnya identiti tersendiri. Namun begitu, teks yang tidak membawa sebarang perubahan mahupun pembaharuan akan dianggap sebagai tidak mencapai kepada tahap keunggulan teks. Dalam pada itu, setiap pembaharuan yang dilakukan seharusnya berpandukan ilmu pengetahuan jika tidak, ilmu pada teks tersebut dianggap pudar dan tidak kelihatan. Pada hakikatnya, tidak hairanlah bahawa setiap pembaharuan yang dilakukan itu mempunyai nilai keunggulannya tetapi sifat pengarang yang bijaksana dalam membuat pilihan bagi mencernakan idea untuk membolehkan segala inovasi yang dihasilkan itu dapat mencapai tahap kualiti teks menerusi sifat keberanian pengarang yang mencuba menelusuri pelbagai idea yang bernas.

Rentetan itu, Mana Sikana telah menetapkan empat prinsip yang boleh diaplikasikan bagi penyelidikan dalam menganalisis dari aspek teks, pengarang dan khalayak. Sehubungan itu, jika berpandukan keempat-empat prinsip yang digagaskan oleh Mana Sikana tersebut, ini telah membolehkan khalayak mengapresiasi dna menilai sesebuah teks sehingga mencapai tahap pemaknaan serta meletakkan sifat-sifat keunggulan sesebuah pengarang dan

teks sastera. Dalam konteks ini, empat prinsip yang menjadi garis panduan kepada dan mekanisme penciptaan bagi memastikan tahap pencapaian keunggulan direalisasikan adalah berpandukan kepada aspek kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Oleh demikian, bagi teori Teksdealisme wujudnya proses dinamika teks yang telah memperlihatkan unsur pengarang, teks, dan khalayak sentiasa berinteraksi sehingga masing-masing mempunyai perkaitan sehingga membentuk pemaknaan teks tidak kira mempunyai tahap keunggulan berkualiti mahupun sebaliknya.

Lanjutan daripada itu, aspek kehadiran merujuk kepada tiga perkara yang menitikberatkan kepentingannya dalam mewujudkan idealisme iaitu fakta-fakta yang hadir untuk dijadikan sebagai sumber perkembangan terhadap hujahan teks disamping memperlihatkan kemunculannya fakta tersebut sehingga memberi kesan dan fungsinya kepada kehadiran dalam penghasilan karya teks. Hal ini telah melibatkan faktor kehadiran menerusi pengalaman dan idea yang terhasil untuk membolehkan berlakunya lintasan-lintasan pemikiran pengarang yang mampu memberi kesedaran dan kematangan dalam nilai kepengarangannya bagi membentuk penulisan teks yang kreatif. Dalam konteks ini, kehadiran menerusi pengalaman kebiasaannya telah menjadi pencetus idea pengarang yang bergerak dalam bentuk sublimasi secara tidak sengaja mahupun berstruktur. Sehubungan itu, gagasan teksdealisme ini mementingkan teks sastera yang sering dikaitkan dengan idea dan pengalaman sebagai keutamaan dan panduan dalam penulisan teks terunggul. Hal ini kerana bagi mencapai tahap pemaknaan kehadiran, penafsiran sesebuah teks perlu dianalisis untuk membolehkan aspek pengalaman dan idea mudah dikenalpasti agar mencapai proses pemaknaan pengalaman dalam teks. Oleh hal yang demikian, penafsiran terhadap sesebuah teks akan menyebabkan proses yang terperinci serta dianggap sebagai kehadiran dengan

terbinanya pelbagai unsur sehingga terhasilnya penulisan kreatif dan teks yang terunggul misalnya dimulakan dengan idea, pengalaman, pembentukan teks dan lain-lain dengan berpandukan landasan kehadiran.

Bertitik tolak dengan kenyataan keberanian dan kebijaksanaan pengarang terhadap teks, prinsip pelanggaran adalah antara pendekatan dalam teksdealisme yang merujuk kepada nilai perimbangan sama ada wujudnya perubahan atau pengekalan sesuatu perkara dalam teks yang dihasilkan seterusnya oleh pengarang. Hal ini dikatakan kerana pelanggaran menunjukkan sebuah proses penciptaan dinamik bagi mengenalpasti dan mencari sesuatu pembaharuan terhadap karya-karya yang dihasilkan dengan melihat kepada sifat-sifat keunggulannya. Dengan erti kata lain, karya yang diperbaharui akan memberi pemaknaan yang baru dan jauh terpesong daripada karya sebelumnya tetapi tidak mengubah konsep penceritaannya. Pada konteks ini, setiap pengarang akan sentiasa untuk mencuba dalam melakukan pembaharuan setiap teks yang dihasilkan untuk memastikan wujudnya aspek pengekalan dan perubahan terhadap konvensi sastera. Dengan itu, keberanian dan kebijaksanaan pengarang dapat memberi gambaran bahawa prinsip pelanggaran ini akan menonjolkan sifat-sifat kepengarangan pengarang yang unik dalam membuat pengolahan karya teks serta kesedaran pengarang yang mendorong kepada penciptaan karya-karya yang kreatif dan mencapai tahap taraf keunggulannya.

Kemudian, prinsip pengukuhan pula merujuk kepada usaha dalam pendewasaan pengarang bagi menghasilkan teks yang terunggul. Hal ini dikatakan kerana pengarang akan meletakkan segala bentuk kemampuan dan pendekatannya bagi membolehkan berlakunya pembaikan teks-teks dengan menerapkan usaha pemataangan, pengejapan, serta penyempurnaan terhadap kegiatan berkarya. Dalam konteks ini, sifat kemanusiaan

pengarang dari sudut emosi dan perasaan amatlah mendorong kepada pembetulan demi pembetulan teks sehingga mencapai tahap kepuasan pengarang. Dengan erti kata lain, prinsip pengukuhan ini memberi peluang kepada pengarang untuk membuat pembaikan terhadap teks-teks yang dianggap lemah menerusi proses pembinasaan atau proses pembinaan teks bagi memperlihatkan keunggulan teks disamping berlakunya perkembangan idea dan pengalamannya dalam membuat penulisan yang kreatif. Tuntasnya, seorang pengarang akan keluar daripada zon keselesaannya kepada penciptaan pembaharuan yang dinamik terhadap karya teks.

Lain daripada itu, kemuncak kepada pendekatan dalam prinsip teksdealisme ialah merujuk kepada prinsip individualisme yang merangkumi aspek kehadiran, pelanggaran, dan pengukuhan. Dalam konteks ini, prinsip individualisme atau keperibadian ini memaparkan ciri-ciri tersendiri pada teks yang mampu menggambarkan nilai kepengarangan pengarang dan dapat membezakan karya-karyanya dengan karya pengarang lain. Hal ini kerana seorang pengarang perlu membuat penelitian dan usaha yang mendalam untuk memastikan karyanya mencapai tahap keperibadiannya dan tidak berlakunya pertindihan dengan karya oleh pengarang lain. Sehubungan itu, prinsip individualisme ini akan melibatkan penelitian terhadap faktor-faktor tertentu misalnya usaha pengarang untuk mencapai tahap keperibadian dengan menjelaskan sifat-sifatnya disamping mengenalpasti bentuk kemunculannya dalam kedudukan atau posisi sifat kepengarangannya. Oleh demikianlah, prinsip keperibadian dapat menjadikan sesuatu karya itu sarat dengan keunggulannya hasil daripada usaha pengarang dalam membuat penyelidikan yang mendalam untuk mencapai karya teks yang kreatif dan mempunyai identiti tersendiri pada setiap karya-karya yang telah dihasilkan.

### **3.3.2 Kaedah Analisis**

Berdasarkan pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa pendekatan menerusi prinsip teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana iaitu prinsip kehadiran, prinsip pengukuhan dan prinsip Individualisme/keperibadian. Hal ini demikian kerana pemilihan terhadap beberapa pendekatan ini adalah bertujuan untuk melihat unsur kepenggarangan pengarang berdasarkan bagaimana kaedah yang digunakan dalam membentuk keunggulan teks menerusi karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* oleh Muzaf Ahmad. Sehubungan itu, setiap prinsip tersebut mempunyai pendekatan dan peranan yang berbeza-beza mengikut keperluannya dalam membentuk keunggulan tidak kira sama ada pengarangan mahupun teks. Oleh itu, bagi karya Muzaf Ahmad ini akan mengaplikasikan pendekatan tersebut agar sifat keperibadiannya dalam membuat pembaharuan pada teks-teks terpilih berdasarkan kajian ini mampu mencapai tahap keunggulan dengan jayanya.

Berdasarkan pendekatan teori Teksdealisme menerusi prinsip kehadiran telah memaparkan unsur pengalaman pengarang sebagai medium untuk pembentukan teks baru bagi mencapai keunggulannya. Dalam konteks ini, prinsip kehadiran berperanan untuk melihat fakta-fakta atau sumber kemunculannya sebagai kehadiran dalam karya disamping melihat kepada bagaimana proses kehadiran itu berlangsung sehingga tercetusnya kepada fungsi dan kesan kepada kemunculan kehadiran itu pada karya teks. Hal ini dikatakan kerana prinsip kehadiran pengalaman pengarang yang pelbagai telah menuntut kepada ses sebuah proses kesepadan yang tinggi bagi mencapai tahap keseimbangan menerusi teknik dan isi. Perkara ini amatlah penting bagi melahirkan sifat keharmonian antara unsur-unsur tersebut sehingga membentuk teks yang unggul. Dalam pada itu, kehadiran pengalaman turut memerlukan proses pemaknaan dan pentafsiran semula menerusi perubahan makna,

penambahan maupun pengurangan teks. Oleh itu, dapat disimpulkan bahwa prinsip kehadiran dianggap sebagai aspek terpenting dalam membuat keunggulan teks atau maupun keunggulan pengarang bagi membolehkan karya yang berhasil mempunyai identiti tersendiri.

Kemudian, pendekatan teori Teksdealisme menerusi pengaplikasian prinsip pengukuhan akan memperlihatkan pematangan teks oleh pengarang bagi usahanya dalam penghasilan teks yang unggul. Rentetan itu, usaha tersebut membolehkan berlakunya penyempurnaan jati diri sebagai pengarang yang sarat dengan sifat kesedaran dan iltizam dalam bidang kepengarangannya. Dalam konteks ini, teori Teksdealisme akan memperlihatkan penganalisan langkah-langkah yang diambil oleh pengarang untuk membentuk usaha dalam membuat pengukuhan teks. Sehubungan itu, tahap nilai keunggulan mungkin belum terserlah lagi pada peringkat awal, tetapi kebiasaanya kriteria pada keunggulannya sebagai penulis sudah mula dikesan pada peringkat awal dalam karya-karya tersebut.


Akhir sekali, pendekatan teori Teksdealisme menerusi prinsip individualisme telah memaparkan sifat pengarang yang tidak diingini dari aspek bayangan oleh pengarah lain walaupun wujudnya unsur pengaruh kepenggarangan individu tertentu dengan dikesan dalam karya-karya mereka. Dalam konteks ini, faktor kelainan diri bukan sekadar memahami dan mengetahui proses penghasilan keunggulan karya namun ia juga sebahagian mekanisme untuk menganalisis keindividualisme seorang pengarang jika mencapai kepada sifat kejatidiriannya tersendiri. Oleh demikian, prinsip keperibadian ini secara tidaklangsung akan membolehkan terhasilnya ruang untuk mencipta jati diri sendiri dalam penghasilan karya sehingga wujudnya karya yang dapat melambangkan keperibadian pengarang yang terunggul.

### **3.3.3 Kerangka Teori**

Kajian ini telah mengaplikasikan teori Teksdealisme dengan mengutamakan beberapa prinsip bagi menjelaskan hubungannya dalam membentuk kepengarangan yang terunggul menerusi teks dan pengarang berdasarkan kajian terhadap Kepengarangan Muzaf Ahmad Terhadap *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* dengan berpandukan rajah berikut:



## Kerangka Teori



Rajah 1: Kerangka Teori Kajian

### **3.4 Penutup**

Secara keseluruhannya, pendekatan dalam metodologi kajian ini amatlah penting kepada pengkaji untuk memastikan proses pelaksanaan kajian menerusi perangkaan struktur teori yang bakal diaplikasikan berjalan lancar. Berdasarkan hubungan ini, metodologi kajian ini dapat membantu penyelidikan ini lebih tersusun dan sistematik bagi membentuk pemahaman pengkaji dengan jelas berdasarkan topik kajian yang diselidiki. Dengan itu, pengaplikasian terhadap penerapan teori yang dipaparkan menerusi metodologi kajian ini membolehkan pengkaji memperolehi kefahaman dan panduan kepada pengkaji bagi membolehkan kajian terhadap puisi ini dijayakan dengan sempurna.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini, pengkaji akan memerihalkan mengenai analisis dapatan kajian berdasarkan segala informasi data yang telah dikumpulkan melalui penggunaan kaedah kualitatif yang dilakukan oleh pengkaji. Berdasarkan kajian ini, pengkaji lebih menjurus kepada bentuk kepengarangan daripada seorang penulis yang tersohor di Malaysia iaitu Muzaf Ahmad menerusi karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu*. Menerusi naskah tersebut telah memaparkan sebanyak 53 buah kandungan puisi yang tercetak dengan merangkumi dua bahagian iaitu *Dari Dada ke Jendela* dan *Dari Pelana ke Dermaga*. Diceritakan bahawa pengarang tersebut merupakan anak kelahiran Negeri Pahang dengan memiliki segulung ijazah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan kini telah menetap di Negara Jepun dengan menjawat pekerjaan sebagai Pensyarah sambilan Bahasa Melayu di *Tokyo University Of Foreign Studies (TUFS)*. Jika dilihat dengan lebih mendalam, beliau tidak mempunyai latar pendidikan yang spesifik

mengenai bidang kesusasteraan tetapi minatnya yang mendalam sejak kecil lagi telah membawanya mencebur dalam penggunaan bahan bacaan dan penulisan sebagai langkah awal untuk mengasah minatnya terhadap sastera.

Hasil daripada itu, pencapaian pertamanya telah membawa seribu sinar baru dengan terbitan puisinya pada 2007 sekaligus menempah nama Muzaaf Ahmad sebagai nama penanya. Dalam pada itu, beliau telah mengorak langkahnya dalam bidang sastera apabila beliau berjaya melanjutkan pengajiannya di peringkat sarjana ke Universiti Keio di Jepun dengan menggiatkan lagi karya-karya sasteranya dalam bentuk puisi, cerpen, novel dan sebagainya sehingga kebanyakkan karya ciptaan beliau mempunyai pengaruh persekitaran yang tinggi di Jepun. Sehubungan itu, kehebatan yang dimiliki oleh beliau telah lahirnya beberapa terbitan karya sehingga mendapat sambutan dan penghargaan yang tinggi kepadanya termasuklah karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* pada tahun 2018.

Justeru itu, berdasarkan kajian ini pengkaji akan menerapkan tiga objektif utama yang boleh menjawab kepada kepengarangan Muzaaf Ahmad. Bertitik tolak dengan pernyataan tersebut, sebanyak 8 buah puisi telah dipilih untuk melihat kepada objektif kajian ini. Sejajar dengan itu, aspek yang ditekankan adalah konsep kepengarangannya dalam penghasilan karya puisi ini dengan memerihalkan bentuk pemikiran yang disampaikan adalah sejajar dengan keutamaan konsep disamping melihat gaya kepengarangannya untuk mencapai keunggulan teks dalam puisi yang dikaji. Berdasarkan konteks ini, kajian yang dilaksanakan akan berpandukan kepada pengaplikasian teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana bagi membolehkan penelitian ini seiring dengan keperluannya untuk melihat sifat kepengarangan Muzaaf Ahmad dalam penghasilan karyanya. Dengan itu, pengkaji akan memerincikan setiap objektif tersebut kepada konsep yang ditekankan untuk menggambarkan keseluruhan tema yang

digunakan dalam karya kumpulan puisi ini dengan menitikberatkan penyampaian makna atau mesej pada setiap penceritaan puisi dengan keunikan penggunaan gaya bahasa yang indah sehingga lahirnya nilai keunggulan karya teks puisi ini. Oleh itu, setiap kandungan daripada objektif berkenaan akan dijadikan sebagai bahan atau kutipan data untuk diperincikan dan dibincangkan dalam bab ini dengan lebih mendalam.

#### **4.2 Penerapan Konsep Kepengarangan Menerusi Puisi**

Secara umumnya, istilah konsep merujuk kepada sebuah idea abstrak yang melambangkan pemikiran keseluruhannya menerusi aspek perbincangan yang diamati. Dengan erti kata lain, konsep adalah sebahagian daripada pengertian am yang mampu mendasari sesuatu perihal hingga mencipta pemahaman yang baik kepada khalayak. Menurut pandangan Lawrance Newman (2007) ada menyatakan bahawa pembentukkan kepelbagaian konsep akan terhasil apabila manusia mengalami kecenderungan penglibatan kepelbagaian aktiviti kehidupan sosial tetapi agak sukar untuk membuat perincian secara teratur namun ia boleh menjadi sistematik apabila diterjemahkan dalam bentuk penulisan akademik. Hal ini demikian boleh dikatakan faktor kebijaksanaan dan kreativiti individu amat berkaitrapat kerana ia memerlukan penyusunan bentuk penulisan yang baik bagi mencapai kepada bentuk pemahaman konsep sebagai pengertian am yang mudah dikenalpasti oleh khalayak.

Seterusnya, konsep yang diterapkan dalam puisi pula menunjukkan kepentingannya untuk memahami isi penceritaan yang mampu memberi kesan kefahaman kepada khalayak dengan menimbulkan pelbagai persepsi dan pandangan tentang puisi yang dinyatakan. Hal ini kerana kecenderungan untuk khalayak memahami setiap kandungannya adalah sukar kerana setiap penciptaan puisi sentiasa dipenuhi dengan simbol atau lambang yang tertentu bagi memberi interpretasi kepada pemaknaan sebenar atau erti kata lainnya kiasan bahasa. Menurut Hakryan Alotia (2016), ada menyatakan bahawa bahasa kiasan mempunyai kata-kata yang indah atau berbunga-bunga sebagai bentuk perlambangan dan perumpamaan yang boleh menjelaskan sesuatu hal dengan hal yang lainnya. Dengan itu, bagi mencapai kepada bentuk konsep keseluruhan penciptaan puisi amatlah memerlukan kefahaman yang tinggi untuk menelaah pada bait-bait kata yang digunakan bagi membolehkan lahirnya kefahaman keseluruhan karya.

#### **4.2.1 Konsep Karya Puisi *Sepasang Sayap di Bahu***

Jika diteliti dengan lebih terperinci, tema yang diketengahkan amatlah bersesuaian dengan konsep yang disampaikan. Menerusi Wacana Dewan Sastera, Iqbal Hidayat Hamizul bersama Muzaf Ahmad (2021) ada menyatakan bahawa karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* mempunyai tema yang berkongsekan puisi kembara dan kritikan sosial. Hal ini dikatakan kerana pada awalnya beliau menyifatkan karya-karyanya diciptakan hanya untuk melibatkan puisi kembara sahaja namun tanpa berselindung dengan kesengsaraan dunia maka terhasilah karya yang berintikan kritikan sosial. Pada konteks ini, segala hasil kritikan bukan sahaja memerihalkan kepada nasib masyarakat

yang tertindas mahupun perjuangan tetapi ia juga menjuruskan kepada faktor kekuasaan bagi golongan berkasta tinggi atau dengan erti kata lain kepada golongan politik yang korup.

Pada keseluruhan karya ini, pengarang telah menunjukkan sifat keberaniannya dalam membuat kritikan sosial yang tinggi dengan menyuarakan realiti atau permasalahan yang ditimpa oleh golongan bawahan atau ditindas tanpa simpati. Hal ini disingkapkan bahawa, pengarang telah berjaya membawa suatu bentuk imaginasi kepada pembaca untuk mengenang nasib sebenar bagi golongan masyarakat di bumi Eropah terutamanya masyarakat yang berkasta rendah yang sering mendapat layanan seperti hamba kepada golongan berkedudukan tinggi. Menurut Amoy Krismawati Saragih, et. al. (2021) menyatakan bahawa imajinasi merujuk kepada daya yang mampu menghasilkan gambaran objek yang terlahir daripada penghayatan terhadap sesuatu pandangan yang terdapat pada pemikiran pembaca. Sehubungan itu, setiap puisi yang diterbitkan dalam karya ini lebih mengangkat perihal nasib masyarakat berkasta rendah yang ditindas dengan menunjukkan situasi kehidupan mereka yang menjadi suatu bentuk penghinaan di bumi Eropah. Walaubagaimanapun, puisi-puisi yang telah diterbitkan dalam karya ini banyak menitikberatkan nasib masyarakat di bumi Eropah tetapi terdapat juga beberapa puisi yang memerihalkan keadaan masyarakat tempatan yang lain namun hakikatnya, pengarang tetap lebih mengutamakan puisi yang berkonsepkan pengembalaan dan kritikan sosial tanpa mengira latar tempat.

Jadual 2: Senarai jumlah puisi yang diterbitkan pada bahagian *Dari Dada ke Jendela* dalam Karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu*.

Puisi-Puisi	Latar Tempat
<i>Sebidang Tanah di Dadanya Batu Nisan</i>	Alor Gajah, Melaka.
<i>Merendam Wajah</i>	Batu Pahat, Johor.
<i>Sebidang Tanah Meraung di Tengah Kota</i>	Batu Pahat, Johor.
<i>Makna Sebuah Rindu yang Begitu Dalam</i>	Batu Pahat, Johor.
<i>Taman Lestari</i>	Batu Pahat, Johor.
<i>Sebatang Kunci</i>	Batu Pahat, Johor.
<i>Meredah Selaut Mawar</i>	Skudai, Johor.
<i>Pinjamkan Aku Kunci</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Anak-Anak Ingin Merdeka</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Anak-Anak Ingin Merdeka</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Pedih Duka Mencengkam</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Hari Berlalu, Air Mataku Belum Padam</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Segugus Kunci</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Penyair yang Terjun ke Kolam Sunyi</i>	Cisarua, Bogor.
<i>Unggun yang Hampir Saja Terpadam</i>	Hiyoshi, Yokohama.
<i>Pada Penghujung Musim</i>	Tamagawa, Yokohama.

Sumber: Muzaf Ahmad (2018)

Berdasarkan jadual 2 di atas, pengarang telah menerbitkan sejumlah puisi yang menitikberatkan isu penindasan dalam kalangan masyarakat di beberapa latar tempat yang berlainan. Hal ini dikatakan kerana, konsep keseluruhan karya menekankan pengembalaan dan kritikan sosial yang boleh mengangkat sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku di setiap tempat yang telah dikunjungi oleh pengarang bagi memerihalkannya menerusi karya yang dihasilkan. Ekoran daripada itu, karya kumpulan puisi ini telah memaparkan bahagian kandungan berbeza iaitu *Dari Dada ke Jendela* yang

banyak mempamerkan puisi-puisi yang berlatar tempat di sekitar Tanah Airnya atau kawasan-kawasan yang sering dikunjunginya disebabkan oleh atas urusan tertentu. Kemudian, pada bahagian kandungan *Dari Pelana ke Dermaga* pula menunjukkan terbitan puisi yang berlatarkan tempat di Eropah iaitu sekitar Republik Czech ketika pengarangan memulakan kegiatan pengembaraannya. Oleh demikian, karya ini boleh dikatakan dapat memenuhi konsep pengembaraan dan kritikan sosial kerana pengalaman pengarang ini telah berjaya mengangkat suara masyarakat di setiap nukilan puisinya yang memberi gambaran kepada aspek penindasan yang dihadapi oleh golongan masyarakat tertentu. Namun begitu, karya ini juga tidaklah membincangkan sesuatu aspek sahaja tetapi ianya merangkumi keseluruhannya tanpa mengira kepelbagaiannya latar tempat yang dibawa oleh pengarang kerana isu permasalahan yang diketengahkan lebih menjadi keutamaan bagi pengarang untuk membawanya kepada suara pengadilan dunia menerusi penulisan karya puisinya.

#### **4.2.2 Tema Perjuangan Dan Kekuasaan**

Istilah konsep yang ditekankan pada karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* telah memerihalkan tema berdasarkan perjuangan dan kekuasaan serta wujudnya kegiatan penindasan pada kasta masyarakat dalam kehidupan seharian. Hal ini berbalik kepada perjalanan pengarang ketika melakukan proses penulisan puisi yang melihat dunia kini dalam pelbagai perspektif dengan kaedah pengalaman sebagai tunjang kepada penjanaan idea. Sehubungan itu, bagi meneliti setiap karya puisi yang telah diterbitkan pada karya *Sepasang Sayap di Bahu* telah memaparkan konsep pengembaraan sebagai

pengertian dasar kerana diceritakan setiap puisi mempunyai pelbagai latar tempat yang berbeza-beza.

Pada peringkat awal, tema yang dititikberatkan telah menjadi simbol keutamaan untuk memaparkan realiti dunia yang sebenar dengan penuh perihal kekejaman atau penindasan dalam sistem kelas sosial. Penindasan ini kebiasaannya akan berlaku dalam pelbagai perkara dari aspek pendidikan, politik, ekonomi dan lain-lain. Menurut Indriaty Ismail dan Mohd Zuhaili Kamal Basir (2012) ada menyatakan bahawa kumpulan asas sosial telah membawa kepada konflik masyarakat sehingga memberi kesan pada perubahan substruktur ekonomi dan sosial mahupun politik. Hal ini dikatakan kerana bagi Karl Marx juga telah memberi gambaran kepada kehidupan sebenar masyarakat akan sentiasa dipenuhi dengan perjuangan atau pertarungan antara pelbagai kelompok disebabkan oleh sesuatu perkara yang tidak dapat memenuhi kehendak komuniti yang lain. Sejurus itu, perihal ini telah menjadikan konsep idealisme dalam kepengarangan kepada pengarang untuk mencatat dan menelaah mengenai isu-isu perjuangan yang telah diketengahkan kepada khalayak.

Berdasarkan karya Muzaf Ahmad iaitu *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* telah memaparkan sebahagian besar puisi yang diterbitkan telah mengangkat tema perjuangan dan kekuasaan. Dalam penelitian ini, puisi yang diterbitkan telah memberi cerminan kepada institusi sosial kini dengan memaparkan kenyataan sebenar tentang nasib masyarakat yang sering berlaku akibat penindasan dalam pelbagai aspek. Sehubungan itu, penindasan yang berlaku sememangnya tidaklah berfokuskan kepada sesuatu perihal tetapi ia merangkumi segalanya yang turut dianggap sebagai perkara yang dapat memberi kesan negatif kepada masyarakat untuk menangani atau menerimanya sebagai suatu kesedaran tentang hakikat yang sebenar. Dalam pada itu, puisi yang diterbitkan turut memperihalkan pelbagai latar belakang yang menunjukkan konflik-

konflik berlainan atas sesuatu kepentingannya sehingga boleh memerihalkan kesan yang diterima oleh masyarakat atas sesuatu peristiwa yang telah terjadi. Oleh demikian, antara puisi yang dipaparkan telah menunjukkan sejarahnya yang tersendiri untuk memberi gambaran kritikan yang dilakukan oleh pengarang bagi menyampaikan makna kesedaran menerusi kelompok masyarakat yang tertindas atas kepentingan pihak yang tertentu. Berikut merupakan antara puisi-puisi yang mencerminkan tema perjuangan dan kekuasaan yang dihasilkan oleh pengarang:

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Jadual 3: Senarai jumlah puisi yang terpilih berdasarkan tema perjuangan dan kekuasaan pada bahagian Dari Pelana ke Dermaga menerusi karya Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu.

Puisi-Puisi	Sub Tema	Latar Tempat	Tahun
<i>Lelaki Berkuda, Beraju Besi dengan Panji di Tangan</i>	Kebebasan	Prague, Republik Czech.	2015
<i>Perisai Besi</i>	Keberanian	Prague, Republik Czech.	2015
<i>Perisai Keyakinanku</i>	Kekuasaan	Prague, Republik Czech.	2015-2017
<i>Penggesek Cello</i>	Kebahagiaan	Jambatan Charles, Republik Czech.	2015
<i>Obor Di Pintu Kota</i>	Kebenaran	Old Town Prague, Czech.	2015
<i>Mengemis di Perlembahan</i>	Kehidupan	Karlovo Namesti, Republik Czech.	2015-2017
<i>Gembala Biri-Biri</i>	Kehidupan	Prague, Republik Czech.	2015-2017
<i>Disulap menjadi Gerombolan Biri- Biri</i>	Kekuasaan	Pori, Finland	2017
<i>Segundang Emas</i>	Kekuasaan	Prague, Republik Czech.	2015-2017
<i>Terbenam ke Dasar Waktu</i>	Kemanusiaan	Old Town Prague, Republik Czech.	2015

Sumber: Muzaf Ahmad (2018).

Merujuk kepada jadual 3 di atas, puisi-puisi yang terpilih tersebut mempunyai tema perjuangan dan kekuasaan yang bersesuaian dengan konsep pengembalaan dan kritik sosial oleh pengarang. Jika diteliti dengan mendalam, setiap nukilan puisi yang diterbitkan mempunyai sub tema yang tertentu bagi membolehkan kandungan yang disampaikan menepati kehendak pengarang untuk mengangkat sesuatu isu yang telah berlaku. Dengan erti kata lain, sub tema yang terhasil daripada nukilan puisinya akan menjadi kandungan utama yang membawa kepada terbentuknya saluran dalam menyuarakan pandangan atau pendapat mengenai hak kemanusiaan akibat isu penindasan yang berlaku disebabkan oleh perjuangan dan kekuasaan yang berlaku di Eropah. Oleh demikian, pengarang telah menjadikan kelebihannya dalam membuat penulisan kreatif dengan menggunakan aspek pengalaman sebagai induk kepada penceritaan sehingga terbentuknya sebuah tema yang mampu menjadi ideologinya dalam penghasilan karya puisi ini.

#### **4.2.3 Saluran Menyuarkan Hak**

Karya kumpulan puisi ini telah menjadikannya sebagai ruang saluran hak Manusia dalam kehidupan kerana Muzaf Ahmad beranggapan bahawa sebagai seorang penulis, ia memerlukan tanggungjawab besar untuk menegakkan kebenaran. Baginya, setiap puisi yang dihasilkan adalah fakta dan setiap penulisan yang diperlambangkan juga merupakan imej yang ada dan wujud di depannya. Begitu juga dengan pengistilahan ‘Sepasang Sayap di Bahu’ yang menjadi cerminan kepada tanggungjawab manusia menerusi simbolik perjuangan dan kuasa dalam kehidupan seharian. Hal ini bersesuaian dengan kata-kata beliau seperti berikut:

“...Sayap menjadi simbolik perjuangan dan kuasa. Dengan sepasang sayap, manusia berjuang dalam gelap malam seperti seekor kunang-kunang. Dengan sepasang sayap juga, manusia terbang tinggi namun, kedudukan yang lebih tinggi sering membuatkan manusia terlupa bahawa asal-usulnya dari tanah.

Saya ingin berkelana lagi, dengan sayap seekor burung; dengan pandangan mata burung, melihat kemegahan dan kehancuran zaman lampau sebagai renungan. Saya ingin berkelana lagi, dengan sayap seekor kunang-kunang; tetap berjuang dalam senang dan sukar.”

(Muzaf Ahmad, 2018: 3)

Bertitik tolak dengan pernyataan di atas, perkara tersebut merujuk kepada kata pengantar yang terdapat dalam buku kumpulan puisinya yang sedikit memberi gambaran kepada konsep keseluruhan karya-karya ciptaannya. Hal ini disifatkan sebagai perlambangan kepada konsep puisi kembara manusia terhadap keindahan dunia yang mencetuskan idea dalam penulisan karyanya. Dengan demikianlah, melihat sahaja kepada penghasilan tajuk karya juga mampu menjadi cerminan kepada pengalaman, emosi dan ilmu pengetahuan pengarang sebagai landasan pembentukan karya (Hkryan Alotia, 2016: 2). Oleh itu, segala kandungan yang dihasilkan memberi kesan kepada kewujudan konsep atau pengertian dasar bagi membolehkan khalayak mengetahui secara am mengenai perbincangan yang dibahaskan pada karya-karya yang telah diterbitkan.

Oleh demikian, keseluruhan kajian pada bahagian ini dapat dilihat bahawa kepengarangan menerusi karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* memaparkan aspek pengalaman sebagai tunjang kepada penjanaan idea dalam penulisan. Dalam konteks ini, puisi-puisi yang dihasilkan adalah berdasarkan pengalamannya ketika melakukan pengembaraan di pelbagai negara. Sehubungan itu, proses ini seiring dengan keperluan dalam membentuk karya yang unggul seperti mana yang pernah digagaskan menerusi pendekatan teksdealisme sebagai bentuk kehadiran dalam membuat sesuatu

karya. Lantaran itu, keunggulan teks ini juga akan mempengaruhi sifat keberanian dan kebijaksanaan bagi memastikan wujudnya kepengarangannya tersendiri. Dengan itu, konsep dalam karya ini telah menunjukkan Muzaf Ahmad lebih menekankan keberaniannya dalam membuat kritikan terhadap isu semasa yang terjadi di tempat kunjungannya serta mampu memberi kesan kepada kesedaran dan makna yang baru kepada pembaca terhadap pemikiran yang disampaikan.

#### **4.3 Penerapan Aspek Pemikiran Dalam Kepengarangan Muzaf Ahmad**

Pada dasarnya, tema adalah perkara yang amat penting untuk memastikan idea yang dibahaskan mencapai kepada sebuah bentuk pemikiran dan memberi kesan kepada khalayak untuk memahami terhadap perkembangan kandungan yang disampaikan. Sehubungan itu, pengarang kebiasaannya telah menggunakan faktor pengalaman atau pemikiran yang digagaskan oleh Mana Sikana (Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar, 2018: 36). sebagai titik tolak dalam membuat penulisan. Dalam konteks ini, setiap penulisan pengarang akan terhasilnya sebuah bentuk pemikiran yang merangkumi kandungan cerita yang telah diubahsuai dalam bentuk karya sastera yang sarat dengan keindahan gaya penulisan dan bahasa yang menarik seiring dengan tahap kualiti karya sastera. Sehubungan itu, kajian ini telah memperlihatkan bahawa nilai kepengarangan Muzaf Ahmad menerusi pemikirannya menerusi *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* sebagai kandungan perbincangan yang mendalam berdasarkan tema perjuangan dan kekuasaan. Oleh demikian, pengkaji telah memilih 10 buah puisi yang dihasilkan oleh Muzaf Ahmad dalam karya *Sepasang Sayap di Bahu* bagi memperlihatkan perkembangan pemikiran mengenai sesuatu kandungan penceritaan antara puisi-puisi tersebut.

Diceritakan karya puisi *Sepasang Sayap di Bahu* telah mengangkat tema perjuangan dan kekuasaan dengan mencerminkan nasib masyarakat yang tertindas disebabkan oleh pengaruh hebat dalam kalangan masyarakat berkedudukan tinggi. Hal ini secara tidaklangsung telah memberi kesan kepada permasalahan sistem sosial yang ketara kerana menolak sikap kebergantungan antara satu sama lain namun sikap tersebut hanya mengekalkan pada satu pihak sahaja iaitu ia berguna kepada mereka yang berkedudukan tinggi sekaligus mendapat kekuasaan sehingga menindas golongan bawahan terutamanya dalam aspek ekonomi kapitalis (Indriaty Ismail dan Mohd Zuhaili Kamal Basir, 2012: 29). Sehubungan itu, perkara ini juga telah dipaparkan oleh Muzaf Ahmad menerusi karya-karya puisinya dalam *Sepasang Sayap di Bahu* bagi memberi gambaran yang menyeluruh mengenai permasalahan ini. Oleh demikian, karya *Sepasang Sayap di Bahu* menjadi salah satu media cetakan untuk menonjolkan dunia realiti masyarakat sebenar dengan meletakkan pemikirannya sebagai suatu aspek yang perlu diteliti bersama.

Sebagai lanjutan itu, penulisan puisi yang dihasilkan oleh Muzaf Ahmad sememangnya berilhamkan daripada pengalamannya semasa melakukan pengembalaan di Eropah. Sehubungan itu, pengarang telah melihat bumi Eropah sebagai suatu kepentingan kerana perkara ini telah memberi kesedaran kepadanya mengenai keharmonian dalam hidup bermasyarakat. Namun begitu, pengekalan sistem sosial yang harmoni amatlah sukar untuk diamalkan kerana terdapat segilintir kelompok masyarakat yang mementingkan diri dan tidak mampu mengawal nafsu mereka sehingga berlakunya penindasan dalam masyarakat. Dalam konteks ini, menurut Rizqom Halal Syah Aji (2015) menyatakan keharmonian menerusi sistem sosial telah didasari pada sesebuah institusi sosial iaitu sebuah sistem yang mengatur interaksi yang menghubungkan perilaku dan komunikasi dalam kalangan masyarakat. Dengan itu, pengkaji telah melihat

beberapa puisi yang menjawab kepada tema perjuangan dan kekuasaan dalam penelitian terhadap perkembangan pemikiran yang dibawa oleh Muzaf Ahmad menerusi karya-karya beliau.

#### **4.3.1 Tema Perjuangan**

Secara umumnya, perjuangan adalah salah satu prinsip yang tinggi dan mempunyai nilai yang besar untuk menggalasnya. Perjuangan merupakan suatu usaha yang gigih dan sanggup meletakkan keberanian sebagai tunjangnya demi mencapai matlamat dan hala tuju yang telah ditetapkan. Menurut Gunawan Santoso, et al, (2023) menyatakan bahawa perjuangan boleh dikatakan tujuan untuk mencapai hasil akhir dari proses tersebut dengan harapan mampu mendapat sebuah keputusan yang muktamad. Begitu juga dengan peranan pengarang yang cuba meletakkan pemikiran menerusi puisi terhadap situasi yang telah dilihat di Eropah. Dalam konteks ini, perjuangan bukanlah merangkumi kehidupan yang bebas dari cengkaman jajahan semata-mata tetapi ianya merangkumi segalanya yang menolak berlakunya unsur penindasan dalam kehidupan. Sehubungan itu, karya puisi ini telah menonjolkan nilai kepengarangan Muzaf Ahmad dalam membuat kritikan mengenai perjuangan yang dihadapi oleh masyarakat Eropah terhadap permasalahan sistem sosial dan penindasan dalam kalangan mereka. Oleh demikian, puisi yang ditulis telah menerapkan pemikiran yang tinggi bagi menggambarkan realiti masyarakat yang mempunyai kasta sosial sehingga menimbulkan pelbagai konflik dalam kehidupan

#### **4.3.1.1 Sub Tema: Keberanian**

Berdasarkan sudut penghasilan karya puisi ini, pengkaji telah melihat kepada aspek keberanian. Hal ini dikatakan kerana sifat keberanian merujuk kepada sifat semulajadi yang melibatkan kekuatan tersembunyi dan wujud pada setiap manusia. Menurut Hanna Eka Prativi Harmanto dan Suyatno M.Pd. (2018), menyatakan bahawa keberanian diperlukan untuk semua lapisan masyarakat dalam kehidupan sehari-hari terutamanya menerusi aspek permasalahan yang dihadapi sehingga boleh menyelesaiannya. Lantaran itu, sifat ini berkemungkinan akan ditonjolkan menerusi pemikiran dan tindakan individu berdasarkan cabaran dan masalah hidup yang sedang dihadapi. Begitu juga dengan sifat keberanian itu sendiri yang telah menjadi kekuatan utama dalam diri manusia yang diibaratkan sebagai sebuah tembok manusia untuk menepis segala rintangan dan halangan bagi membolehkan sekatan terhadap ketakutan seseorang agar boleh meneruskan perjalanan bagi mencapai matlamat mereka. Sehubungan itu, tema kekuatan pada puisi perjuangan ini boleh mencerminkan nilai keberanian individu dalam menegakkan hak mereka sebagai manusia supaya setiap perkara yang ada dalam kehidupan mendapat layanan yang sama-rata antara satu sama lain.

Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, beberapa karya puisi yang terdapat dalam *Sepasang Sayap di Bahu* telah menunjukkan sebuah bentuk pemikiran yang menekankan aspek kekuatan dalam mengharungi detik rintangan yang dihadapi dalam kehidupan. Sehubungan itu, pemikiran terhadap aspek kekuatan ini turut mencerminkan keberanian pengarang dalam membuat kritikan sosial menerusi penghasilan puisi. Menurut Nurul Husna Mat Nor (2020) menyatakan bahawa keberanian dan proses kreatif yang terdapat pada kepengarangan pengarang akan dapat mencerminkan tahap

keberkesanan sesebuah karya itu dalam bentuk keunggulannya. Dengan itu, bagi melahirkan sebuah karya yang berkualiti pengarang seharusnya menunjukkan perkembangan pemikiran khususnya bagi memaparkan pemaknaan konteks kekuatan dari sudut perjuangan seseorang berdasarkan sesuatu peristiwa yang telah berlaku.

### *Perisai Besi*

dari logam apakah  
mereka menempa perisai ini?  
walau seribu tombak menyerang  
atau seribu anak panah menentang  
tak satu pun lut memamah diri.

rupa-rupanya kekuatan kita  
bukan pada perisai besi.

aku masih lelaki  
dengan sebuah perisai di tangan  
walau peperangan sudah surut  
masihkah kau teman seperjuangan?

lidah tak mungkin  
melepaskan belit janji. Tetapi  
hati terlalu mudah belot  
saat emas ghanimah menguasai nafsi.

lepasaskan perisai besi -  
apa lagi erti  
selama ini  
kita saling melindungi?

(Muzaf Ahmad, 2018: 58)

### *Perisai Keyakinanku*

meski kaupakaikan  
pada jemalaku kilau mahkota -  
aku masih lelaki  
teguh dengan perisai keyakinanku.

kerlip berlian tak sama  
kerdip bintang di cakerawala -

sebilah pedang belum tentu  
memancung sayap di bahu -

cuma hati manusia  
mudah kecundang  
dalam pertarungan nafsu -

aku tak mahu  
gugur,  
berterabur  
dalam lautan malam.

(Muzaf Ahmad, 2018: 71)

Berdasarkan kedua-dua buah puisi di atas, terdapat bentuk pemikiran yang sama iaitu mengenai kekuatan. Hal ini dikatakan, pengarang menyifatkan manusia yang berada di sesuatu situasi yang gentir akan mengalami perubahan sifat keperibadiannya iaitu keberanian dalam menempuh rintangan. Menurut Suhermanto Ja'far (2015) menyatakan bahawa keperibadian manusia akan dibentuk menerusi segala perkara yang dikelilingi olehnya sehingga munculnya kesedaran dalam diri untuk mencapai kefahaman terhadap fungsi-fungsi sosialnya. Jika diteliti dengan lebih mendalam, karya puisi yang pertama telah memerihalkan mengenai kekuatan dalam mengawal perasaan dan emosi. Dalam hubungan ini, perjuangan yang dimaksudkan adalah memperjuangkan sesuatu perhubungan antara sesama manusia. Hal ini kerana perjuangan memerlukan kesabaran dan keberanian yang tinggi bagi memastikan perkara tersebut dalam keadaan selamat.

Walau bagaimanapun, sifat manusia itu sering berubah mengikut kepada akal dan hati mereka kerana kedua-dua aspek tersebut adalah keutamaan dalam pembentukan tingkah laku manusia. Oleh hal yang demikian, *Perisai Besi* memberi perumpamaan kepada kecekalan hati atau kekuatan mahupun keberanian seseorang dalam memperjuangkan perhubungan antara sesama manusia.

Sebagai lanjutan daripada itu, bagi melihat kepada perkembangan pemikiran yang terdapat pada karya puisi ini pengarang telah membuat perluasan pemikiran terhadap puisi lain supaya aspek yang dibahaskan menjadi lebih kukuh dan sebat dengan perjuangan yang dilakukan. Sehubungan itu, berdasarkan puisi berikutnya telah turut menggambarkan aspek kekuatan itu dari perspektif perasaan dan emosi. Menurut Darmiah (2020) menyatakan bahawa emosi merujuk kepada sesuatu keadaan yang lahir daripada organism yang merangkumi perubahan-perubahan tanpa disedari sehingga mempengaruhi perilaku manusia. Diceritakan pada zaman kini, terdapat banyak berlakunya penyalahgunaan kuasa dalam melakukan sesuatu perkara demi memenuhi keperluan sendiri sehingga berlakunya penindasan secara tidak langsung. Jika dilihat dari sudut ekonomi atau politik, sering menunjukkan faktorkekayaan dan kedudukan menjadi kekuatan bagi mempengaruhi seseorang dengan menawarkan pelbagai kemewahan dan kesenangan untuk membolehkan hasrat mereka dipenuhi. Namun begitu, berbalik kepada pemikiran puisi ini telah memaparkan sikap individu yang cuba mempertahankan diri mereka daripada lalai dengan terlibat dalam penerimaan tawaran atau erti kata lain iaitu rasuah sebagai jalan penyelesaian terhadap menemui kemewahan. Meskipun pengarang menekankan kandungan penceritaan sebegitu, nilai kekuatan yang cuba disampaikan adalah kecekalan hati manusia untuk tidak terlibat dalam jenayah rasuah. Dalam konteks ini, *Perisai Keyakinanku* (2015-2017) dapat merujuk kepada kekuatan manusia sering dikaitkan dengan akal dan hati kerana akal membuatkan seseorang itu mampu berfikir

dengan lebih waras begitu juga hati yang memberi tindak balas kepada diri untuk menentukan sikap mereka sama ada baik atau buruk.

Dengan itu, menerusi kedua-dua buah puisi tersebut menunjukkan perkembangan pemikiran yang disampaikan oleh pengarang menerusi aspek kekuatan. Dalam konteks ini, pengarang telah memaparkan keberanian bagi membuat pembaharuan terhadap teksnya dengan melihat kepada kelemahan sebagai suatu pembentukkan teks baru terhadap penulisan berikutnya. Menurut pandangan Mohd Saipuddin Suliman, et.al (2023) menerusi petikan gagasan Mana Sikana ada menyatakan pengukuhan terhadap sesuatu karya seharusnya dilahirkan menerusi hasrat dan harapan serta keinginan dalam menghasilkan sesebuah karya yang unggul. Dengan erti kata lain, karya yang dihasilkan seharusnya lebih baik dan efisen berbanding karya-karya sebelumnya. Sehubungan itu, puisi *Perisai Keyakinanku* (2015-2017) adalah pembaharuan teks yang telah dihasilkan oleh pengarang dan diambil daripada teks puisinya sebelum ini iaitu *Perisai Besi* (2015). Tambahan pula, pembaharuan teks ini bukan sahaja mengutamakan penambahbaikan dari segi gaya penulisannya tetapi pemikiran yang diletakkan juga berlakunya perkembangan. Oleh demikian, pengarang telah menunjukkan kemampuannya dalam membuat pembaharuan dan pengukuhan terhadap teks sebagai langkah untuk menghasilkan keunggulan teks terhadap keseluruhan karya.

#### **4.3.1.2 Sub Tema: Kebenaran Dan Kebahagiaan**

Secara umumnya, istilah bagi kebenaran dan kebahagiaan merujuk kepada perbezaan perspektif yang boleh menggambarkan nilai kebaikan atau keburukan terhadap sesuatu perkara dalam kehidupan. Kebenaran turut memerihalkan penggunaannya bukan hanya tertumpu kepada konteks penulisan semata-mata sehingga mampu membentuk kepada sebuah fakta yang bertulis tetapi kebenaran juga berlandaskan kepada pengalaman nyata dan kukuh terhadap kehidupan manusia sebagai cengkaman realiti sebenar. Dalam perkaitan ini, khususnya manusia sering berusaha untuk memahami dan meneliti setiap aspek bagi menerima hakikat dan makna disebalik kebenaran yang terjadi. Sehubungan itu, menurut Jhon Leonardo Presley Purba dan Priyantoro Widodo (2023) ada menyatakan kebenaran dari sudut antropologi iaitu kemunculan kebenaran telah dipengaruhi oleh faktor kebudayaan yang telah membentuk perspektif manusia dalam menimbulkan interpretasi terhadap makna kebenaran. Dengan itu, kepelbagaiannya peristiwa yang berlaku di sekitar manusia akan menjadi penyebab kukuh kepada perubahan dalam diri masing-masing untuk menerima tentang perihal sesuatu itu bagi menganggap tahap nilai kebenarannya.

Namun demikian, istilah kebenaran mampu menjadi simbolik kepada kebahagian jika memberi kebaikan kepada sesuatu aspek itu. Hal ini kerana kebahagiaan boleh dianggap sebagai harapan atau tujuan manusia untuk memenuhi sifat kepuasan dalam diri mereka sehingga timbulnya perasaan gembira dan berasa dihargai. Sehubungan itu, kebahagiaan dapat diertikan sebagai sesuatu keadaan atau bukan kebendaan yang memberi kepada kesenangan dan ketenteraman dalam kehidupan. Menurut Khairul Hamim (2016), kebahagiaan yang diharapkan oleh manusia sememangnya tidak tetap dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan kehendak mereka. Dengan erti lain,

kebahagiaan manusia itu pelbagai dan beraneka ragam sehingga dapat mencapai ketenangan jiwa. Tambahan pula, ketenangan jiwa turut menunjukkan kebahagiaan terbesar bagi manusia apabila segala perkara yang dipendam akan memberi kesan kepada perasaan dan emosi manusia untuk membentuk kehidupan sehari-hari yang baik mahupun sebaliknya. Secara ringkasnya, istilah kebenaran terhadap sesuatu perkara atau peristiwa akan mempengaruhi perasaan dan emosi manusia bagi mencapai tahap kebahagiaan dalam kehidupan mereka.

Lantaran itu, terdapat beberapa karya yang telah memerihalkan aspek kebenaran dan kebahagiaan sebagai tema kecil bagi merujuk kepada pemikiran untuk melambangkan bentuk perjuangan dan kekuasaan yang terkandung dalam puisi *Sepasang Sayap di Bahu*. Pada konteks ini, pengarang telah meletakkan idealismenya sebagai induk iaitu perpektif pengalaman Muzaf Ahmad sebagai bentuk penghasilan sebuah karya penulisan kreatif dan mencetuskan idea serta meluaskan pemikiran pengarang (Sara Beden, 2019: 41). Demikianlah, pembahasan terhadap realiti kehidupan masyarakat menjadi titik tolak kepada perkembangan pemikiran dalam kandungan puisi *Sepasang Sayap di Bahu* sehingga mewujudkan susur galur perkaitannya dan secara tidak langsung pengarang meletakkan keberanian dan kebijaksaan untuk membuat kritikan sosial berdasarkan penghayatannya ketika melakukan pengembaraan.

### *Obor di Pintu Kota*

episod lampau tercetak dalam lembar sejarah  
telah dihanguskan gelegak api  
tertumpah dari obor di pintu kota. Kebenaran  
tak semestinya bertulisan.

tetapi, itu hanyalah satu episod kecil  
yang ditulis dari ribuan episod besar.

satu berita dari suatu ketika  
menjadi suara yang dijualjaja  
ia tersebar ke pelosok kota -  
seperti dibawa angin menembus  
lorong dan jendela kita. Ia ditulis  
dengan tambahan cerita dan warna.

marak api telah menghancurbukan  
segala kebenaran. Tetapi tuan,  
kebenaran tetap kekal sebagai kebenaran.

(Muzaf Ahmad, 2018: 77)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### *Penggesek Cello*

helo-  
ucapnya pagi ini, setiba di jambatan  
cello dalam dakapan dilepaskan  
seperti melepaskan segala runsing  
selama ini berdesing di kepala.  
biar aku memainkan lagu-lagu -  
lelaki pemain Cello menawarkan. Dia  
tidak engharapkan jutaan, cukuplah  
dilemparkan syiling-syiling Koruna.

lagu pertama,  
menceritakan segala duka terpendam dalam jiwa  
dia mahu hidup bahagia. Tetapi bahagia  
tidak mahu bersamanya? Tiada yang mendengar  
rintih yang melebat dalam sukmanya. Hujan  
hanya menguyupkan rasa. Ribut menerkam  
dan menikam harapan yang kuncup dalam sanubari  
tumbuhkah kebahagiaan dari Koruna ini?

lagu kedua,  
tempo melaju. Mengapa aku yang harus diuji begini? -  
pengesek Cello memejamkan mata. Apakah sebenarnya  
bahagia yang dicari? Wujudkah segala mimpi  
dalam realiti - Gerak jari menggetarkan  
segala bunyi. Zarahnnya - tak kelihatan di mata. Tetapi,  
telinga mendengarnya. Dunia ini penuh dengan rahsia  
yang tak terungkap pacaindera.

sampai lagu terakhir,  
dia menangis sendiri. Siapakah yang menggerakkan  
jemarinya untuk mengalunkan lagu ini? Segalanya  
seperti mimpi yang tak pernah termimpikan  
Alirnya terlalu deras seperti sungai Vlatava  
melimpah-ruah dari matanya. Dia berhenti - O Tuhan,  
rupa-rupanya Engkau merencanakan sesuatu  
yang tak pernah kutahu.

(Muzaf Ahmad, 2018: 84)

Berdasarkan puisi-puisi di atas, pemikiran yang disampaikan adalah merujuk kepada penghayatan terhadap kebenaran dan kebahagiaan yang dirasai oleh manusia dalam kehidupan. Namun begitu, kedua-dua puisi tersebut menunjukkan tema kecil yang berbeza tetapi wujudnya perkaitan antara satu sama lain dari perspektif pemikiran yang disampaikan oleh pengarang. Dalam konteks ini, pengarang telah menggunakan kaedah perkembangan pemikiran sebagai aspek pengukuhan untuk melihat kepada aneka peristiwa yang diharungi oleh masyarakat dengan lebih mendalam dan terperinci. Sehubungan itu, karya puisi *Obor di Pintu Kota* (2015) dan *Penggesek Cello* (2015) menunjukkan perkembangan pada pemikiran bagi melambangkan kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan olahan teks untuk memaparkan perkaitan dalam memaparkan keunggulan teks serta disokong oleh kreativitinya untuk menyampaikan pemaknaan disebalik pemikiran menerusi karya puisi-puisinya.

Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, karya puisi *Obor di Pintu Kota* telah memerihalkan pemikiran mengenai kebenaran terhadap sesuatu isu atau berita. Secara dasarnya, menurut pandangan Ahmad Atabik (2014), menyatakan bahawa kehidupan manusia di dunia sememangnya mempunyai keinginan dalam membuat pencarian terhadap ilmu pengetahuan bagi membolehkan kebenaran terhadap sesuatu perkara dapat dirungkaikan. Begitu juga dengan pandangan Aristotle dalam Imron Mustofa (2017) menyatakan aspek kebenaran dari sudut terminologi, istilah kebenaran boleh merujuk kepada penyesuaian antara pemikiran dan kenyataan yang sentiasa cuba untuk difahami dengan teliti agar mendapat kepuasannya terhadap sifat ingin tahu itu. Berbalik kepada pemikiran pengarang dalam karya *Obor di Pintu Kota* (2015) telah menunjukkan wujudnya isu propaganda atau khabar angin yang memberi kesan terhadap sesuatu peristiwa sehingga telah melakar sejarah tersendiri. Namun begitu, pengarang telah menyifatkan bahawa perkhabaran angin tersebut bukanlah menunjukkan sesuatu perkara

yang benar-benar berlaku tetapi apabila wujudnya segelintir masyarakat yang mula akan percaya setiap maklumat tersebut akan memberi kesan buruk kepada komuniti masyarakat sehingga mampu menghancurkan segala fakta dalam perihal sebenar terhadap maklumat yang telah tersebar. Hal ini terjadi kerana ada sikap segelintir masyarakat yang membuat penambahan cerita pada kisah asal dan pada masa yang sama akan menimbulkan perkongsian yang salah dalam kalangan masyarakat. Dalam pemikiran ini, pengarang telah menunjukkan keadaan sebenar masyarakat kini lebih mementingkan dan mempercayai sesuatu isu yang disampaikan dari mulut ke mulut tanpa membuat penyelidikan dahulu. Oleh demikian, pemikiran yang disampaikan oleh pengarang ini telah menegaskan bahawa perkhabaran angin yang tersebar luas adalah tidak mampu dibendung tetapi maklumat yang tersebar itu boleh diatasi jika kebenaran itu akan disokong oleh fakta yang mampu menafikan segala pembohongan yang telah dipercayai oleh golongan masyarakat tertentu.

Sebagai lanjutan daripada itu, bagi melihat keberanian dan kebijaksanaan pengarang telah menunjukkan berlakunya perkembangan pemikiran yang disampaikan oleh Muzaf Ahmad untuk mencapai kepada pemikiran terhadap kebahagiaan. Jika dilihat pada puisi sebelum ini, pengarang cuba merungkai pemikiran terhadap kebenaran ketika perkhabaran angin atau berita palsu yang berlaku di sekitar pengarang. Sehubungan itu, berdasarkan karya syair *Penggesek Cello* (2015) pula menunjukkan perkembangan pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang untuk memberikan tahap keunggulan teksnya kelihatan berkembang dalam kesedaran dalam nilai kepengarangannya. Dalam hubungan ini, pengarang telah memberi gambaran kepada beberapa teks dalam rangkap puisinya sebelum ini bagi menunjukkan perkaitanannya dalam memperluaskan pemikiran yang hendak disampaikan

tetapi, itu hanyalah satu episod kecil  
yang ditulis dari ribuan episod besar.

satu berita dari suatu ketika  
menjadi suara yang dijualjaja  
ia tersebar ke pelosok kota -

(Muzaaf Ahmad, 2018: 77)

Petikan puisi di atas telah menunjukkan gambaran kepada perkhabaran angin yang dipercayai oleh sekelompok masyarakat apabila berlakunya penularan berita yang tidak sahih dari pelbagai sumber. Menurut Vibriza Juliswara (2017) menyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi penularan berita palsu ini adalah ketidaktahuan masyarakat dalam memahami sesuatu agenda misalnya dalam penggunaan internet masyarakat dianggap mempunyai kuasa penuh untuk menyebarkan segala berita kerana tiada pihak yang mampu melarang perbuatan tersebut sehingga menyukarkan pihak tertentu untuk membendungnya. Dalam konteks ini, pengarang telah menunjukkan sisi keberaniannya dalam memperluaskan pemikirannya demi mencapai pemaknaan situasi yang ingin disampaikan. Kemudian, pada karya puisi *Penggesek Cello* (2015) pula menunjukkan kesinambungan penceritaan dengan meletakkan pemikiran menerusi aspek kebenaran dalam menemui kebahagiaan. Hal ini dikatakan kerana keseluruhan karya tersebut telah mencerminkan situasi permasalahan yang berlaku dengan lebih terperinci. Namun begitu, penceritaan ini lebih menunjukkan ketaranya apabila pengarang menyatakan setiap rangkap puisi dengan menceritakan perihal manusia yang beraneka ragam sebagai kandungan penceritaan terhadap teks puisi. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan rangkap puisi yang kedua, ketiga dan keempat telah ditulis dengan teliti apabila ia disusun secara atur tentang penceritaan puisi ini. Dari sudut perkembangan ini, pengkaji telah melihat

usaha gigih pengarang dalam mencipta karya kreatif sebagai bentuk keberaniannya bagi memenuhi pemaknaan terhadap pemikiran karya.

Oleh hal demikian, bagi prinsip pengukuhan ini pengkaji dapat lihat bahawa Muzaf Ahmad meletakkan kebijaksanaannya dalam membuat olahan untuk memperbaiki teks sebelumnya dengan menitikberatkan lanjutan kisah yang pernah dilihat oleh beliau sepanjang berada di Republik Czech. Perkara ini seiring dengan gagasan yang dibawa oleh Mana Sikana untuk melihat kepengarangan pengarang yang unggul dengan dinilai pada aspek usahanya menerusi keberanian dan kebijaksanaan dalam menghasilkan sebuah teks yang lebih kreatif serta mampu menunjukkan sisi kemantangan pengarang (Mohamad Rosmizi Mahamad, et al., 2020: 80). Sehubungan itu, penulisannya ini telah menjadi bukti kepada sesuatu usaha yang berlandaskan kepada penginovasian karya dengan memuatkan unsur perlambangan dan makna tertentu untuk menggambarkan suatu peristiwa yang dihadapi oleh masyarakat tertentu. Dalam konteks ini, pengarang menggunakan dua puisi yang berbeza bagi membentuk pemikiran yang hampir sama sehingga boleh mencapai kepada hubungannya lalu terhasil sebuah penceritaan yang dinamik. Dengan itu, perjuangan dalam kebenaran dan kebahagiaan telah mempamerkan nilai kreativiti pengarang dalam penulisan teksnya bagi melahirkan sebuah puisi naratif yang mampu melahirkan kepengarangan Muzaf Ahmad dari aspek kebijaksanaan dalam membentuk olahan karya yang berkesinambungan.

#### **4.3.1.3. Sub Tema: Kebebasan**

Pada keseluruhan karya ini, pengarang meletakkan pemikiran secara menyeluruh mengenai impian manusia untuk merasai kebebasan. Menurut Muh. In’amuzzahidin (2015) ada menyatakan bahawa kebebasan adalah sebahagian bentuk demokrasi yang sukar diperolehi oleh setiap manusia. Namun begitu, bagi pengarang kebebasan adalah sesuatu yang seharusnya dirasai oleh manusia kerana ianya sebahagian daripada keperluan manusia dan pada masa yang sama manusia boleh merasai kemanisan kehidupan dalam pelbagai aspek. Sehubungan itu, pengarang telah menunjukkan kemahirannya dalam membuat penulisan teks ini dengan meletakkan idea yang telah dihadirkan menerusi faktor pengalaman sebagai hasil daripada kegiatan pengembaraan merentas benua Eropah. Dalam konteks ini, pengarang telah memberi gambaran kepada sisi kebijaksanaannya dalam membuat pengumpulan penceritaan yang terdapat dalam pelbagai puisi terbitannya sebelum ini untuk disatukan menerusi sebuah karya puisi baru. Oleh hal demikian, pengarang telah menghasilkan sebuah karya yang mampu mencerminkan keberaniannya dengan membuat penyatuan pemikiran menerusi peristiwa yang diadaptasi daripada pengalamannya serta secara tidaklangsung dapat melakukan kritikan sosial.

### **Lelaki Berkuda, Berbaju Besi, dengan Panji di Tangan**

seorang lelaki berkuda  
ingin bersama gerombolan mimpi  
yang mendatangi lenanya saban hari  
kota ini dan para penghuni hanya bebas  
dari cengkaman kuku tirani  
di tangan wirawan berani.

kekejaman, kezaliman, ketamakan  
penindasan melingkar  
debunya menghitamkan kota –  
mahein adalah abu yang tak pernah diendahkan  
selain tukang besi, buruh bina dan penternak biri-biri  
mereka hamba yang merdeka di dalam sangkar.

dia ingin melepaskan manusia  
dari genggaman manusia –  
kerana sepasang sayap lumpuh  
takkan pernah merasa  
erti sebenar kebebasan.

dia muncul dalam mimpinya sendiri  
berkuda, berbaju besi dengan panji di tangan –  
ingin bersama gerombolan mimpi  
yang mendatangi lenanya saban hari –

kota ini dan para penghuni hanya bebas  
dari cengkaman kuku tirani  
di tangan wirawan berani.

(Muzaf Ahmad, 2018: 80)

Jika dilihat pada karya di atas, pengarang telah berjaya meletakkan unsur susur galur penceritaan sebagai aspek pengukuhan pada karya. Lantaran itu, pada karya ini seolah-olah meletakkan pelbagai peristiwa mengenai penindasan sosial yang telah dihadapi oleh golongan masyarakat untuk menjadikan sebuah karya itu kelihatan lebih terunggul. Hal ini seiring dengan kebijaksanaan pengarang yang melihat keadaan

sekelilingnya untuk mendapatkan gambaran kepada bentuk perjuangan bagi mencapai kebebasan yang dinantikan.

Dalam konteks ini, pengarang menekankan aspek penyatuan karya puisi terdahulu untuk menjadikan sebuah bentuk pemikiran baru yang mampu memberi paparan bentuk perjuangan dalam mencapai kebebasan daripada cengkaman manusia yang berkuasa. Sehubungan itu, pengkaji telah melihat puisi lepas misalnya *Perisai Besi* (2015), *Perisai Keyakinan* (2015-2017), *Penggesek Cello* (2015) dan *Obor di Pintu Kota* (2015) sebagai bentuk pengukuhan yang ditekankan oleh pengarang untuk menghasilkan sebuah karya teks yang berkualiti tinggi. Oleh demikianlah, pengarang menggunakan sifat keberaniannya itu menggabungkan segala bentuk pemikiran yang terdapat pada karya puisi-puisinya dahulu untuk dijadikan landasan dan panduan kepada pembentukkan karya baru berserta dengan pemikiran yang lebih dinamik.

#### **4.3.2 Tema Kekuasaan**

Secara dasarnya, kekuasaan boleh didefinisikan sebagai bentuk perilaku manusia atau kemampuan mereka untuk mempengaruhi individu lain seiring dengan kemahuannya. Hal ini turut disokong oleh Ramlan Surbakti (1992) dengan menyatakan bahawa kekuasaan ini dilihat sebagai alat kemampuan manusia untuk mempengaruhi cara berfikir dan berperilaku tertentu serta boleh memenuhi matlamat yang dikehendaki. Sehubungan itu, tema kekuasaan ini telah menjadi sebahagian daripada isu utama yang menjadi pembahasan dalam karya *Sepasang Sayap di Bahu*. Berdasarkan karya puisi yang terdapat dalam buku tersebut, pengarang telah memerihalkan aspek kekuasaan dengan melihat tindakan manusia sebagai pendominasian terhadap golongan bawahan sehingga

berlakunya penindasan secara meluas. Lantaran itu, Muzaf Ahmad turut menimbulkan idealismnya pada karya dengan meletakkan faktor persekitaran untuk diwartakan dalam puisi sebagai keutamaan dalam membuat penganalisan maklumat dalam kalangan masyarakat di Eropah. Dengan itu, pengarang telah melihat aspek kekuasaan yang boleh memberi kesan kepada masyarakat dalam beberapa aspek tertentu sekaligus boleh mengubah gaya seharian mereka sehingga menyukarkan lagi perkembangan dalam kemajuan kehidupan.

#### **4.3.2.1 Sub Tema: Kemanusiaan Dan Kekuasaan**

Secara keseluruhannya, pengarang menggunakan konsep idealismnya sebagai pendekatan dalam prinsip kehadiran. Dalam penghasilan karyanya, pengarang meletakkan pengalaman persekitarannya sebagai latar penceritaan kepada pembentukkan teks yang kreatif. Jika dilihat pada aspek latar tempat, pengarang menghasilkan puisi yang bertajuk *Terbenam ke Dasar Waktu* (2015) dengan menekankan aspek persekitaran di kawasan OldTown Prague sebagai sebuah kota yang sarat dengan dunia korupsi sehingga memberi kesan kepada struktur sosial serta gaya kehidupan masyarakat di Eropah. Dalam konteks ini, pengarang menulis sebuah puisi yang mampu mencerminkan kisah sebenar masyarakat yang menghadapi rintangan akibat kekuasaan pemerintahan atau kerajaan yang berkuasa atas segala keperluan manusia dan memberi kesan kepada gaya kehidupan masyarakat. Situasi ini seolah-olah menunjukkan sokongan Arif Alhusen Mega Putra (2015) terhadap Karl Max adalah benar tentang penindasan sosial kerana beliau pernah menyatakan bahawa Borjuis ialah kaum penguasa perekonomian dan politik dalam membuat pengendalian terhadap sistem produksi manakala golongan proletariat pula

dipaksa menjadi pekerja bawahan yang telah didominasikan oleh borjuis. Dengan itu, Muzaf Ahmad menjadikan karya puisi *Terbenam ke Dasar Waktu* (2015) sebagai sebuah karya yang dapat menyelitkan kisah penindasan antara dua pihak berlainan berdasarkan sistem kelas.

### ***Terbenam Ke Dasar Waktu***

yang mabuk yang khayal  
melenyapkan kemanusiaan -  
hidup bagi kelasi kemaruk hanyalah pelayaran  
bersuka-ria seperti anak kapal yang mabuk  
di tengah gelora, tak berkemudi, tak berlayar  
tak bersauh, tak berkompas, tinggal menanti waktu  
tenggelam dan karam di samudera biru  
lemas dan terbenam ke dasar waktu.

terumbang-ambing dalam keracunan  
ke mana hendak dilarikan segundang harta?  
kalau di tengah segera kemulhidan -  
bagaimana merasa amanb dan terselamat  
dari sang pengembala dari tukang besi  
dari para marhaen yang dahagakan janji?  
mereka sedang kelaparan menuntut hak diri  
bukan tinggi menara bukan makhota kekuasaan.

(Muzaf Ahmad, 2018: 97)

Berdasarkan puisi di atas, pengarang memberi pemikiran mengenai kelalaian manusia terhadap perkara dunia. Hal ini diceritakan bahawa pengarang menunjukkan sikap masyarakat yang leka dengan hiburan, kewangan, harta dan lain-lain. Hal ini turut diceritakan bahawa perkara-perkara tersebut telah menjadi faktor utama kepada kemerosotan akhlak manusia. Menurut pandangan Moh. Rivaldi Abdul, et. al. (2020) ada menyatakan bahawa kemerosotan akhlak seseorang disebabkan oleh akal manusia yang menjadi pengikat nafsu sehingga tidak mampu membezakan hal-hal tidak baik mahupun

sebaliknya. Dalam konteks ini, beliau menyifatkan bahawa manusia yang berakal akan sentiasa menimbangkan hal baik dan buruk tentang sesuatu perkara yang bakal dilakukan. Sehubungan itu, pengarang memberi gambaran kepada sikap manusia yang lalai sehingga menyumbang kepada kemerosotan akhlak dalam kalangan pemimpin lalu menjadikan sistem pemerintahan lebih teruk dan sukar dibendungnya kerana sifat kepimpinan yang tidak bertanggunjawab. Misalnya mengambil hak orang lain atau menabur janji tetapi tidak ditunaikan sehingga memberi harapan kepada masyarakat. Lantaran itu, pengarang juga melibatkan faktor harta dan pengaruh yang menjadi tunjang kepada kekuasaan dalam pemerintahan. Dengan itu, pengarang menyifatkan bahawa karya *Terbenam ke Dasar Waktu* (2015) adalah gambaran yang boleh membawa pemikiran kepada sikap masyarakat yang lalai atau memerihalkan faktor kejatuhan manusia akibat diselubungi oleh kegiatan jenaya politik yang telah mengambil kesempatan atas kesulitan masyarakat sehingga wujudnya penindasan berskala besar.

Dalam hubungan ini, bagi melihat tahap keunggulan karya yang dihasilkan pengarang seharusnya meletakkan unsur-unsur mekanisme untuk memastikan setiap persoalan di sekitar pengukuhan karya. Jika dilihat dengan lebih mendalam, pengukuhan terhadap teks akan dinilai menerusi peranan pengarang dalam membentuk pembaharuan teks dengan menitikberatkan pendewasaan atau permatangan terhadap penulisan barunya. Dalam pada itu, kepenggarangan Muzaf Ahmad ini telah menjadi fokus utamanya dalam berpandukan perkembangan pemikiran daripada puisinya sebelum ini. Sehubungan itu, karya puisi *Segundang Emas* (2015-2017) boleh dikatakan sebagai lanjutan daripada pemikiran karya *Terbenam Ke Dasar Waktu* (2015) yang melihat kepada aspek kekuasaan dalam kelalaian manusia. Dengan itu, berdasarkan karya ini pengarang telah mempamerkan isu jenayah dalam kalangan golongan berkasta tinggi yang cuba

mempengaruhi golongan rendah dan atas kehendak diri walaupun pengakhirannya akan menempah keburukan.

### ***Segundang Emas***

segundang emas dan permata  
takkan meleburkan  
sendi-sendi keyakinannya -  
semakin menebal mimpi  
seluruh tawanan yang dianiyai  
akan dibebaskan dari jerji.

jasadnya sedang terpenjara, tetapi  
namanya masyhur di bibir tawanan dan kuli.

segundang emas dan permata yang sama  
telah menggoda sang baghi  
akhirnya mengheret diri dan pengikutnya  
ke lembah keji.

(Muzaf Ahmad, 2018: 88)

Berdasarkan petikan puisi di atas, pengarang memerihalkan pemikiran mengenai faktor kekayaan manusia yang membentuk sifat kecuaian diri dalam menjalankan tanggunjawab. Jika dilihat pada karya sebelum ini, puisi *Terbenam Ke Dasar Waktu* (2015-2017) ada menceritakan perjalanan manusia yang lalai dengan gaya kemewahan dalam kehidupan sehingga memberi kesan kepada akhlak yang tak baik. Dalam konteks ini, kedua-dua karya ini dapat mencerminkan realiti masyarakat kini yang mula leka terhadap tanggunjawab masing-masing terutamanya pada golongan pemerintah. Muzaf Ahmad telah melihat perspektif politik sebagai suatu wadah utama dalam memerangi jenayah rasuah khususnya kerana kegiatan tersebut boleh meruntuhkan struktur pemerintahan yang adil. Hal ini disebabkan oleh isu rasuah menjadi penyebab utama

dalam segala hal yang melubatkan perjalanan menangani sesuatu perkara atau merangkumi tindakan kerajaan bagi kebaikan masyarakat. Namun begitu, jenayah rasuah ini seolah-olah penyumbang kepada kesengsaraan masyarakat pada masa yang sama kerana menyebabkan gaya kehidupan mereka terbatas pada perihal tertentu. Menurut Sarah Dina Mohd Adnan dan Mohd Adib Ismail (2013) ada menyatakan bahawa menerusi *Transparency International* telah mengklasifikasikan rasuah itu merujuk kepada sesuatu kegiatan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan demi kepentingan peribadi. Lantaran itu, rasuah juga melibatkan kegiatan pintas untuk mencekapi kemewahan atau menjadi kaya dalam masa yang singkat. Dalam masa yang sama, bagi pandangan Raaj Sah (2007) pula memberi gambaran rasuah adalah suatu yang berkepentingan tinggi kerana kegiatannya akan melumpuhkan fungsi pengoperasian sesuatu organisasi. Dengan itu, pemikiran ini menjadi isu yang berjaya dipaparkan oleh Muzaf Ahmad kerana permasalahan terhadap penindasan masyarakat semakin berleluasa yang berpunca daripada sikap manusia yang sambil lewa lalu membolehkan kerjaya seseorang itu jatuh dan merundum.

Berdasarkan perkembangan ini, pemikiran yang telah diperluaskan oleh Muzaf Ahmad telah menunjukkan nilai kepengarangannya menerusi sifat penyatuhan penceritaan karya teks. Menerusi penelitian ini, pengarang meletakkan idealisme berdasarkan faktor persekitarannya sebagai tunjang kepada olahan karya. Dalam konteks ini, teks yang dihasilkan akan memberi keterangan kepada tentang kehadirannya bagi mewujudkan kronologi dalam permasalahan. Sehubungan itu, dua karya puisi yang dilihat ini menjadi pengukuhan kepada perluasan pemikiran yang dilakukan oleh pengarang. Menurut Mana Sikana (2015) menyatakan bahawa pengarang akan sentiasa melakukan setiap pembetulan dan pengejapan demi pengejapan untuk memastikan penghasilkan teks-teks yang unggul. Hal ini akan menyebabkan pengarang membenarkan dirinya untuk terus

berada dibawah kelemahannya bagi melakukan proses pembinaan terhadap sistem teks dinamikanya sendiri. Oleh demikian, keberkesanan usahanya itu menunjukkan nilai kreativiti pada teks dengan menitikberatkan isu semasa supaya khalayak dapat cakna dan memahami rintangan sebenar dalam kalangan masyarakat kini.

Pada dasarnya, karya puisi boleh menjadi alat untuk menyuarakan pendapat atau hujahan sesuatu perkara. Sehubungan itu, muzaf ahmad mengambil pendekatan dalam penghasilan teks dengan melakukan kritik sosial sebagai pembuka karyanya. Hal ini boleh dikatakan karya akan dinilai menerusi aspek kepengarangannya iaitu sudut kebijaksanaan dalam mengetengahkan unsur kehadiran dalam penghasilan karya. Dalam hubungan ini, maka terhasilah sebuah karya yang dapat memenuhi keperluan terhadap kritik sosial menerusi puisi *Gembala Biri-Biri (2015-2017)*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### ***Gembala Biri-Biri***

kalau kutahu percik hujan itu  
bukan untuk gembala, tapi untuk ternakan  
dari awal lagi akanku menangis seperti hujan  
merayu titis-titis keampunan.

kalau aku sang gembala  
aku hanya mahu memberi –  
lalu mengambil semua darimu, biri-biri:  
dagingmu, bulumu, tulang-temulangmu.

kalau aku biri-biri  
aku hanya mahu menerima –  
lalu memberi segalanya kepadamu, sang gembala:  
dagingku, buluku, tulang-temulangku.

ada yang asyik menerima  
hingga lupa memberi,  
ada yang asyik memberi  
hingga alpa menerima.

akukah gembala yang sentiasa memberi  
atau hanya biri-biri yang mahu menerima.

(Muzaf Ahmad, 2018: 50)

Berdasarkan karya puisi berikut, pengarang telah memaparkan pemikiran mengenai kesedaran terhadap tanggungjawab manusia kepada kehidupan lain. Jika dilihat pada konteks kekuasaan, golongan yang berkuasa besar dalam sesebuah institusi akan mempunyai pengaruh yang kuat bagi membentuk suatu kepercayaan daripada kalangan komuniti bagi menghasilkan sikap tanggungjawab ini dalam sesuatu perihal semasa. Kebiasaan tanggungjawab ini akan berada kepada individu yang mempunyai jiwa kepimpinan kerana sikap ketegaasan dan keperihatinannya yang tinggi akan mendorong sesebuah organisasi menjadi stabil. Menurut Besse Mattayang (2019), menyatakan bahawa gaya kepimpinan demokrasi mununjukkan kemampuan dalam mempengaruhi individu lain untuk mendapatkan kepercayaan dalam kerjasama antara kedua belah pihak

sehingga mencapai keputusan bersama. Lantaran itu, kebijaksanaan Muzaf Ahmad itu terbukti apabila beliau tidak hanya melihat kepada kelemahan institusi itu pada sifat kecuaian manusia sahaja tetapi masih wujud lagi golongan manusia yang baik serta berpandukan sifat keperibadian yang mulai atas dasar kesedaran terhadap tanggungjawab masing-masing. Dengan demikian, kandungan penceritaan puisi ini banyak menyentuh perkara baik dengan memberi gambaran kepada perilaku manusia yang sanggup bermati-matian atau berusaha atas segala keupayaan untuk memastikan keperluan asas dapat dipenuhi dengan sempurna.

Bagi melihat kepada nilai kepengarangannya, Muzaf Ahmad telah memperhalusi bakatnya dalam membuat perluasan pemikiran pada karya berikutnya. Hal ini dikatakan antara kaedah yang wajar kerana menitikberatkan karya sebelum ini untuk dijadikan landasan dan panduan bagi mewujudkan teks yang unggul. Kemudian, usahanya dalam membuat pemejapan dmei pemejapan teks ini akan melahirkan nilai tambah kepadanya bagi menempatkan dirinya pada kedudukan yang tinggi dalam penghasilan karya kerana mengarang akan sentiasa menjadi kelebihannya sebagai keutamaan dalam membentuk keunggulan teks. Dengan demikian, kaedah perkembangan pemikiran yang dibawa oleh Muzaf Ahmad ini boleh dikatakan anatar pembaharuan yang ada dalam kalangan pengarang muda. Oleh itu, teks-teks yang dihasilkan atau cenderung untuk melakukan pembaharuan akan melibatkan aspek pengukuhan pada karya kerana merangkumi kebijaksanaan pengarang dalam membentuk karya yang lebih efisen sehingga memberi kesan baik kepada khalayak.

### *Disulap Jadi Gerombolan Biri-Biri*

kamu curiga –  
dengan seribu janji  
dan liar pakatan serigala  
tapi kini  
diam-diam melontar ribuan peluru  
diam-diam jadi musuh dalam kelambu  
diam-diam merasuk dirimu.

kamu disulap –  
jadi gerombolan biri-biri  
meragut segala di depanmu  
lalu diam seperti batu.

(Muzaf Ahmad, 2018: 72)

Berdasarkan puisi tersebut, pengarang telah membuat pengukuhan menerusi penceritaan teks baru dengan menekankan aspek pemikiran mengenai penyalahgunaan kuasa. Jika dilihat pada karya sebelum ini iaitu puisi *Gembala Biri-Biri* (2015-2017), telah menumpukan pemikiran mengenai tanggungjawab individu tetapi pada karya ini pula pengarang menggunakan sifat keterbalikkan manusia dengan memaparkan perilaku buruk manusia yang tidak bertanggungjawab dalam menjalankan amanat dan tugas. Sehubungan itu, penceritaan yang dipaparkan pada teks seolah-olah pengarang telah membuat kritikkan pedas terhadap golongan berkasta tinggi kerana mula mengambil kesempatan terhadap sesuatu perkara demi memenuhi keperluan sendiri. Hal ini sewajarnya tidak berlaku kerana akan memberi kesan yang mendalam kepada golongan berkasta renda dalam beberapa aspek tertentu. Dalam konteks ini, pengarang mencerminkan reality gaya kehidupan bagi golongan yang berpengaruh tinggi yang telah mendominasikan golongan tertentu sehingga berlakunya penindasan dalam kalangan masyarakat.

Secara ringkasnya, berdasarkan kedua-dua karya iaitu *Gembala Biri-Biri* (2015-2017) dan *Disulap Jadi Gerombolan Biri-Biri* (2017) mempunyai pertautan kisah yang telah dijayakan oleh pengarang. Hal ini telah memberi pandangan yang hampir sama terhadap khalayak mengenai pemikiran yang disampaikan oleh pengarang menerusi sikap manusia yang sentiasa berubah-ubah. Menurut Dr. Yayat Suharyat (2009), menyatakan bahawa sikap individu seharusnya seiring dengan perilaku tetapi jika terdapat sikap yang tidak konsisten maka kebarangkalian wujudnya faktor luar yang telah mempengaruhi manusia. Sehubungan itu, kebijaksaan pengarang dalam penghasilan karya ini jelas diperlihatkan kerana menitikberatkan sikap keberaniaannya dalam membuat kritikan sosial dengan olahan terhadap teks yang berlandaskan kreativitinya sehingga khalayak menginterpretasikannya dalam pelbagai aspek mengikut kefahaman sendiri. Dengan itu, berpandukan penggunaan prinsip pengukuhan dalam teori Teksdealisme ini, pengarang telah mempamerkan kebolehannya untuk membuat perluasan pemikiran dengan mengukuhkan ideology yang sama supaya maksud dan pemaknaan karya masih terpelihara serta mampu melambangkan konsep kekuasaan seiring dengan tema yang dipaparkan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.3.2.2 Sub Tema: Kehidupan**

Umumnya, perkataan lembah boleh didefinisikan sebagai suatu permukaan tanah rata yang dikelilingi oleh bukit-bukit serta mempunyai sungai yang mengalir melaluinya. Hal ini dikatakan lembah boleh merujuk kepada sebuah dataran luas tetapi dibatasi dengan bukit-bukau disekelilingnya untuk memperlihatkan permukaan bumi yang terbentuk hasil daripada erosi atau pengikisan tanah disebabkan oleh angin dan air. Dalam hubungan ini, Muzaf Ahmad melihat perspektif lembah sebagai suatu perumpamaan bagi realiti hidup kini yang menunjukkan hak kesamarataan yang berbeza dalam masyarakat. Pada konteks ini, pengarang telah membawa makna kehidupan kepada khalayak untuk menilai sejauhmana kebenaran kehidupan jika aspek kekuasaan menyebelahi diri sehingga memberi kesan terhadap masyarakat lain. Dengan ini, karya puisi *Mengemis di Pelembahan* (2015-2017) telah memberi makna kepada faktor kekuasaan dalam kehidupan pada aspek tertentu bagi mencerminkan nasib masyarakat menerusi perbezaan kasta sosial.

### *Mengemis di Perlembahan*

bagaimana hidup bahagia  
megah di astana kayangan  
bagaimana hidup sengsara  
tersungkur di perlembahan?  
di taman,  
sekebun mawar menjalar –  
di kamar,  
segundang emas gemerlap –  
memisahkan kasta  
marhaen dan kuasawan  
  
dunia menyongsang  
yang mewah di kayangan  
melupakan marhaen  
yang mengemis di perlembahan.

(Muzaf Ahmad, 2018: 72)

Berdasarkan teks puisi di atas, pemikiran yang hendak disampaikan dalam karya adalah merangkumi nasib golongan masyarakat dalam kehidupan. Perkara sebegini telah menyebabkan pengarang mendekatkan diri kepada khalayak bagi membolehkan hak kemanusiaan didengari agar tidak terpinggir. Jika dilihat pada bait-bait rangkap puisi tersebut, pengarang ada menyifatkan dua latar masyarakat yang berbeza iaitu golongan berkasta tinggi yang hidup dalam kemewahan manakala golongan berkasta rendah pula hidup dalam keadaan yang sederhana. Dalam konteks ini, dua gaya kehidupan yang berbeza ini dapat menggambarkan nasib kehidupan masyarakat yang telah ditentukan oleh takdir. Dalam hubungan ini, pengarang telah menyifatkan bahawa golongan masyarakat berkasta tinggi menjadi penyebab kepada golongan masyarakat berkasta rendah hidup bersederhana atau segelintirnya hidup dalam keadaan kemiskinan. Berdasarkan penelitian ini, golongan masyarakat atasan amatlah berkuasa sehingga mampu mengawal kehidupan masyarakat lain lalu menindas keperluan asas dan terpaksa

merintih mahupun mengemis untuk meraih perhatian. Oleh demikian, pengarang meletakkan aspek kekuasaan itu mudah diperolehi jika adanya golongan yang memiliki harta, pengaruh serta kedudukan tinggi dalam sistem sosial untuk memastikan golongan ini sentiasa dipandang mulia berbanding masyarakat lain kerana faktor-faktor tersebut telah menjadi lambang kepada taraf kehidupan manusia yang berjaya.

Tuntasnya, tema kekuasaan yang dipaparkan dalam *Kumpulan puisi: Sepasang Sayap di Bahu* telah menunjukkan kesan penindasan kepada golongan marhaen disebabkan sikap perilaku manusia yang tidak bertanggunjawab. Dalam pada itu, perkembangan pemikiran yang dilakukan oleh pengarang memberi nafas baru kepada keseluruhan karya bagi mencapai pemaknaan teks dalam pemikiran. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan susunan idea dan pengalaman pengarang yang memiliki lapisan makna dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Jika dilihat pada tema kehidupan, pengarang telah mewujudkan hubungan antara puisi-puisi sebelum ini sebagai pemerhatian asal-usul karya bagi membentuk penulisan teks yang baru. Sehubungan itu, puisi *Terbenam ke Dasar Waktu* (2015), *Segundang Emas* (2015-2017), *Gembala Biri-Biri* (2015) dan *Disulap jadi Segerombolan Biri-Biri* (2017) telah menunjukkan perbezaan tema tetapi mengandungi pemikiran yang sama hasil daripada pemejapan teks Muzaf Ahmad untuk memaparkan perkembangan pemikiran dalam membuat kritikkan sosial. Lantaran itu, kebijaksanaan pengarang ini telah membuatkan Muzaf Ahmad menghasilkan sebuah lagi puisi yang melambangkan keseluruhan pemikiran pada puisi-puisi sebelum ini. Dengan itu, sifat keberanian pengarang ini telah membantu dirinya mewujudkan keunggulan teks serta memaparkan nilai kepengarangannya pada keseluruhan karya menerusi tema perjuangan dan kekuasaan.

#### **4.3 Kepengarangan Muzaf Ahmad Dalam Individualistik**

Seorang pengarang yang terbaik akan memenuhi keperluan dan kehendak yang sewajarnya dalam penghasilan sesebuah karya. Setiap pengarang yang hebat akan mempunyai gayanya tersendiri untuk memastikan tidak mempunyai persamaan dengan karyawan-karyawan yang lain. Lantaran itu, pengarang akan sentiasa berusaha mencari kelaianan bagi membentuk keperibadian sehingga mampu membina kriterianya sendiri. Dalam konteks ini, kajian berlandaskan teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana ada memerihalkan kepentingannya dalam membina keperibadian supaya terhasilnya sebuah karya yang tidak dipengaruhi oleh karyawan lain. Dengan itu, Muzaf Ahmad telah meletakkan penanda dalam karyanya untuk tidak mempunyai persamaan dengan karya lain agar mampu menjadi antara karya yang terbaik dalam kalangan pengarang muda.

Jika dilihat pada sudut penghasilan teks yang dilakukan oleh Muzaf Ahmad telah memperlihatkan penggunaan gaya bahasa dengan keunikkan tersendiri. Hal ini dikatakan setiap gaya penulisannya adalah berpandukan pemerhatian dan pengalamannya untuk memperhalusi pemikiran yang disampaikan. Namun begitu, karya puisi yang terdapat di pasaran juga ada yang menunjukkan persamaan yang lebih kurang sama. Sehubungan itu, bagi memperlihatkan kelaianannya Muzaf telah menitikberatkan penggunaan gaya bahasa yang unik bagi membolehkan teks yang berhasil itu menjadi lebih unggul. Dengan demikianlah, karya *Sepasang Sayap di Bahu* banyak menekankan penggunaan gaya bahasa yang berbeza bagi memberi keunikkan karya dengan gaya kreativiti pengarang hasil daripada faktor kebijaksanaannya dalam membuat olahan pada setiap karya.

Bertitik tolak dengan pernyataan di atas, pengkaji melihat kepada penyelidikan mengenai penggunaan gaya bahasa yang boleh mencerminkan identiti kepengarangan pengarang. Menurut Anita Sinaga (2022) ada menyatakan bahawa sesebuah karya sastera terhasil daripada imaginasi dari pemikiran pengarang yang diterjemahkan dalam bentuk tulisan. Penulisan pula akan menitikberatkan gaya bahasa yang penuh dengan variasinya bagi membolehkan aspek kreativitinya dapat dilihat oleh khalayak. Dengan itu, berdasarkan kajian ini pengkaji menumpukan kepada lima aspek yang dipilih dalam gaya bahasa iaitu personifikasi, metafora, sinkope, perulangan anafora dan hybrid.

#### **4.4.1 Personifikasi**

Bersangkutan dengan hal gaya bahasa, pengarang telah menggunakan pendekatan personifikasi iaitu merujuk kepada sesuatu perlambangan yang merangkumi sifat-sifat manusia yang dipaparkan kepada objek atau abstrak yang tidak bernyawa. Hal ini dikatakan kerana penulisan teks ini boleh memberi gambaran kepada penyampaian makna pengarang dalam bentuk emosi, perasaan, pertuturan, hasrat dan lain-lain. Dalam konteks ini, teks yang dihasilkan akan melambangkan individualistik pengarang untuk menunjukkan gaya tersendiri bagi mengelakkan pertindihan karya oleh pengarang lain. Menurut pandangan Nyoman Payuyasa (2019) ada menyatakan bahawa penggunaan gaya bahasa ini telah memberi kebebasan kepada pengarang untuk mengungkap setiap hujahannya dalam karya yang dihasil sekaligus mampu menitikberatkan nilai keindahan karya. Dengan itu, gaya personifikasi yang diterapkan dalam karya akan membuatkan

khalayak bermain dengan imaginasi bagi memahami setiap kandungan pesanan yang disampaikan dalam karya.

### ***Segundang Emas***

segundang emas dan permata  
takkan meleburkan  
**sendi-sendi keyakinannya** -  
semakin menebal mimpi  
seluruh tawanan yang dianiyai  
akan dibebaskan dari jeriji.

(Muzaf Ahmad, 2018: 88)

### ***Gembala Biri-Biri***

kalau ku tahu percik hujan itu  
bukan untuk gembala, tapi untuk ternakan  
dari awal lagi akanku menangis seperti hujan  
merayu **titis-titis keampunan**.

(Muzaf Ahmad, 2018: 50)

Berdasarkan petikan-petikan puisi di atas, pengarang ada menyatakan penggunaan gaya bahasa dalam personifikasi yang memberi gambaran kepada sifat-sifat manusia kepada abstark. Merujuk kepada petikan puisi menerusi *Segundang Emas*, penggunaan kata ‘sendi-sendi’ memaparkan sifat manusia yang memberi makna tulang-temulang rangka yang membentuk sistem menyeluruh untuk berfungsi dengan baik. Dalam pada masa yang sama, sendi-sendi juga memberi sifat kepada manusia yang sering mengalami kesakitan pada bahagian tulang-tulangnya akibat keletihan dan sebagainya.

Lantaran itu, gabungan kata *sendi-sendik eyakinanku* boleh dikatakan semangat dalam keyakinan atau kekuatan dalam membentuk semangat bagi mencapai tahap kepastian dalam dirinya untuk berasa yakin terhadap perkara yang dilakukan. Kemudian, pada petikan puisi *Gembala Biri-Biri* pula ada menyatakan penggunaan kata *titis-titis* yang merujuk kepada air yang mengalir yang jatuh secara bersambung-sambung. Jika dilihat pada penggunaan kata ‘titis-titis’ ini, kata tersebut menggambarkan sifat manusia yang sedang menangis hingga mengeluarkan air mata yang jatuh secara menitis-nitis. Lantaran itu, bagi menampakkan penyampaian makna pengarang telah menggabungan dua kata tersebut untuk menunjukkan rayaannya terhadap sesuatu perkara bagi memohon perihal tersebut diterima. Dengan itu, gaya penulisan ini mampu menggambarkan keperibadian Muzaf Ahmad untuk menyampaikan semangat perjuangan pada keseluruhan karya tersebut yang menyentuh isu semasa kini tentang masyarakat dan pergolakan dunia.

#### 4.4.2 Metafora

Sebagai lanjutan itu, dalam karya Sepasang Sayap di Bahu ada menunjukkan penulisan pengarang yang banyak menggunakan gaya bahasa bersifat metafora. Umumnya, metafora merupakan kiasan retoris yang merujuk kepada perbandingan langsung dengan melibatkan dua perkara namun pada hakikatnya kedua-dua perkara tersebut tiada hubungannya. Menerusi metafora juga, boleh wujud dalam kehidupan seharian manusia dengan melibatkan dalam penggunaan bahasa, pemikiran serta perilaku manusia. Hal ini dikatakan kerana tunjang kepada kewujudan metafora adalah skema imej atau objek yang menggambarkan perihal tersebut. Dengan erti kata lain, metafora memberi maksud yang berlainan daripada ekspresi yang disampaikan. Menurut Siska

Erlina Simamora, et.al (2023) menyatakan bahawa penggunaan gaya bahasa metafora ini mampu melahirkan penulisan yang kelihatan kreatif dan mewah kerana dapat menjadi kekuatan pada suatu kalimat bagi mewujudkan makna tersurat atau tersirat kepada khalayak. Dengan itu, terdapat banyak karya-karya puisi hasil ciptaan Muzaf Ahmad yang kelihatan unik dan menarik disebabkan penggunaan gaya bahasa yang tersendiri antaranya berikut:

***Lelaki Berkuda, Berbaju Besi dengan Panji di Tangan***

seorang lelaki berkuda  
ingin bersama **gerombolan mimpi**  
yang mendatangi lenanya saban hari  
kota ini dan para penghuni hanya bebas  
dari **cengkaman kuku tirani**  
di tangan wirawani berani.

dia ingin melepaskan manusia  
dari genggaman manusia -  
kerana **sepasang sayap lumpuh**  
takkan pernah merasa  
erti sebenar kebebasan.

(Muzaf Ahmad, 2018: 80)

Berdasarkan petikan-petikan puisi di atas telah menunjukkan penggunaan unsur metafora di dalamnya. Hal ini dikatakan tujuan sebenar penggunaan unsur metafora ini adalah merangkumi penterjemahan makna yang lain daripada makna tersurat atau lebih dikenali dengan bahasa kiasan. Jika dilihat dengan lebih mendalam, penggunaan kata *gerombolan mimpi*, *cengkaman kuku tirani* dan *sepasang sayap lemah* masing-masing telah menunjukkan makna tersurat dengan menyatakan sebuah impian atau perjuangan

yang dihasrat oleh pengarang untuk memastikan khalayak dapat menghayati setiap hujahan dari pengarang. Lantaran itu, penggunaan bahasa-bahasa tersebut jugalah telah memberi kesan keunggulan dalam karya kerana pengarang menyifatkan sebagai perbandingan dan kiasan.

#### 4.4.3 Sinkop

Rentetan itu, penggunaan gaya bahasa sinkope adalah antara pendekatan atau unsur sering digunakan oleh pengarang muda. Hal ini sejajar dengan peredaran masa yang turut melibatkan bahasa yang boleh melambangkan kemajuan kini. Dalam hubungan ini, sinkope digunakan untuk menyatakan sesuatu perihal dengan melibatkan pemendekan kata yang merangkumi penguguran suku kata dari tengah-tengah kata. Lantaran itu, penggunaan sinkope ini juga secara tidaklangsung telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kini kerana berdasarkan percakapan harian manusia pun sekurang-kurangnya akan terdapat pemendekatan kata kerana mampu memudahkan manusia untuk menyampaikan sesuatu maklumat itu dengan mudah dan cepat. Jika dilihat dengan lebih mendalam, bahasa pada masa kini adalah sesuatu yang telah diturunkan oleh oleh generasi terdahulu untuk digunakan dan dipelihara oleh generasi kini. Menurut Kadek Widiantana dan Ida Bagus Putrayasa (2023) menyatakan bahawa setiap kosa kata dalam bahasa mempunyai sejarahnya tersendiri dan merupakan cerminan kepada bentuk tertentu. Dengan erti kata lain, pada masa kini masyarakat gemar memendekkan perkataan kerana boleh memudahkan segala urusan dengan cepat dan mudah namun perkara yang paling dititikberatkan adalah penyampaian makna itu dapat difahami oleh khalayak. Oleh demikian, kebanyakkan karya Muzaf Ahmad sering menggunakan unsur

ini bagi menghasilkan bentuk pemikiran yang boleh difahami dalam kalangan khalayak tentang perkara yang disampaikan antaranya seperti berikut:

### ***Terbenam ke Dasar Waktu***

yang mabuk yang khayal  
melenyapkan kemanusiaan -  
hidup bagi kelasi kemaruk hanyalah pelayaran  
bersuka-ria seperti anak kapal yang mabuk  
di tengah gelora, **tak** berkemudi, **tak** belayar  
**tak** bersauh, **tak** berkompas, tinggal menanti waktu  
tenggelam dan karam di samudera biru  
lemas dan terbenam ke dasar waktu.

(Muzaaf Ahmad, 2018: 97)

Berdasarkan petikan puisi di atas, pengarang telah mengaplikasikan unsur sinkop iaitu pemendekkan kosa kata *tidak* kepada *tak*. Hal ini dikatakan kerana penggunaan unsur tersebut merangkumi pernyataan larangan yang disampaikan oleh pengarang untuk memberi kesedaran kepada khalayak mengenai perbuatan yang boleh melalaikan. Selain daripada keutamaan pengarang dalam menyampaikan pemikirannya dalam karya, pengarang juga ingin menjadi karya tersebut dilihat sebagai pemilikannya tersendiri. Hal ini dikatakan kerana penggunaan bahasa yang menarik dan kreatif akan menjadi lambang atau simbol kepada gaya keperibadian pengarang. Dengan itu, bagi karya puisi itu berada pada era moden pengarang akan meletakkan dirinya dalam situasi era kemodenan yang meletakkan unsur-unsur sinkop sebagai penanda aras dalam penulisan teks khususnya puisi moden.

#### 4.4.4 Alusi

Secara dasarnya, alusi adalah unsur gaya bahasa yang merangkumi perbuatan yang membayangkan sesuatu perkara secara tidak langsung. Dalam konteks ini, bagi menggambarkan sesuatu perkara pengarang akan lebih kerap menggunakan aspek peristiwa atau tokoh dalam penulisan teks puisi sebagai perumpamaan atau bandingan untuk memberi pemaknaan secara nyata. Hal ini dikatakan kerana pengarang menggunakan pendekatan ini bertujuan untuk kiasan atau sindiran tentang sesuatu perkara dan pada masa yang sama akan memberi kesan kepada khalayak untuk menggerakkan imaginasi sendiri bagi memenuhi keperluan untuk menelaah pemikiran yang disampaikan. Dengan itu, penggunaan alusi ini juga dapat menjadikan sesebuah karya itu sebagai penanda milikan gaya keperibadian kepada seseorang pengarang.

#### *Hablur Rindu di Matamu*

engkau mengenang nasib umat  
berlegar di pekan tua ini  
jambatan Charles  
menara Orloj  
dataran Wencelas  
rindu itulah hablur  
yang tak pernah diluahkan lidah  
atau dipancarkan oleh bibir,  
hanya mata merasakannya -  
katamu, kerana ini zaman beku  
manusia hanya mahu hidup  
dan bersemadi di dalam hutam batu.

(Muzaf Ahmad, 2018: 66)

*Aku Vltava, Kau Berounka*

aku mahu kita selalu begini -  
Seperti Vltava dan Berounka  
sungai yang terpisah  
oleh renggang langkah  
tapi bersatu di jambatan waktu.

(Muzaf Ahmad, 2018: 68)

Berdasarkan petikan-petikan puisi di atas, terdapat unsur alusi iaitu penggunaan dalam perumpamaan peristiwa bagi menyindir dan berkias tentang sesuatu keadaan misalnya tentang perpisahan dalam kehidupan. Hal ini dikatakan kerana fungsi pengarang menyatakan sindiran ini untuk memberi kesedaran kepada khalayak tentang isu semasa kini tentang penindasan sosial sehingga memecahbelahkan sesuatu perhubungan. Lantaran itu, khalayak boleh memahami penceritaan teks dengan menghayati pemikiran pengarang dengan mudah kerana perumpamaan yang dinyatakan sememangnya amat berkait dengan konsep yang dibawa oleh Muzaf Ahmad dan ini juga merupakan sebahagian daripada nilai individualistiknya dalam mempamerkan kreativitinya.

#### 4.4.5 Simile

Akhir sekali, gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang bagi memperlihatkan nilai kepengarangannya ialah menerusi unsur simile. Simile merupakan suatu unsur yang menitikberatkan penggunaan kata perbandingan secara langsung bagi menyatakan sesuatu perkara misalnya, umpama, bagai, bak, seperti dan lain-lain. Hal ini dikatakan kerana penulisan teks yang merangkumi penggunaan kata bandingan ini akan memberi penerangan terhadap penegasan lebih terperinci tentang maksud yang hendak dinyatakan. Dalam konteks ini, pengarang juga memperlihatkan keindahan teks menerusi irama yang dinyatakan dalam baris-baris ayat puisi tersebut. Antaranya seperti berikut:

#### *Makna Sebuah Rindu yang Begitu Dalam*

aku tenggelam dalam rindu  
rindu yang begitu dalam -  
seperti kolam menadah embun pagi  
jernih cinta mengisi seluruh dasarnya.

(Muzaf Ahmad, 2018: 16)

#### *Pedih Duka Mencengkam*

sukarnya melenyapkan duka  
seperti memenggal sungai  
jadi empangan -  
terputus, tapi bertahan.

(Muzaf Ahmad, 2018: 19)

Berdasarkan petikan puisi-puisi di atas, pengarang telah menggunakan unsur simile untuk memberi perumpamaan kepada khalayak untuk memikir dan memahami mesej yang disampaikan. Dalam petikan tersebut, pengarang telah menggunakan kata seperti bagi memperkuuhkan lagi perumpamaan yang hendak dinyatakan. Hal ini bukan sahaja memperlihatkan kefahaman khalayak untuk memahami mesej yang disampaikan tetapi pengarang juga perlu lebih berusaha untuk memantapkan penulisan teks untuk menunjukkan nilai keindahan dan keunggulan karya seiring dengan asas seni bahasa. Dengan itu, keberanian pengarang dalam menggunakan gaya bahasa tertentu ini akan menjadi cerminan untuknya menghasilkan karya yang lebih menarik dan unik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.4 Kesimpulan**

Tuntasnya, perkara yang dapat dirangkumkan menerusi bab 4 ini adalah pengkaji telah dapat mengenalpasti dan perolehan dapatan kajian yang mencukupi bagi menjawap kepada matlamat penyelidik ini dilakukan. Melalui hasil kajian keseluruhan ini, pengkaji telah menyifatkan bahawa faktor-faktor pembentuk puisi lebih mengutamakan kepada aspek kehadiran iaitu dalam pembentukkan idealisme. Sehubungan itu, karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* ini telah memperlihatkan kandungan penceritaan atau pemikiran yang disampaikan amatlah meluas dan pengarang dalam karya ini iaitu Muzaaf Ahmad sangat menitikberatkan isu semasa iaitu penindasan sosial disebabkan oleh perilaku manusia yang tidak bertanggunjawab. Dengan itu, pengarang berjaya memaparkan isu kelas sosial sebagai kritikan yang mendalam menerusi puisi lalu pengarang juga mengutamakan keindahan karya dengan idea-idea yang bermutu tinggi untuk menunjukkan keindahan dan keunggulan karya berdasarkan nilai kepengarangannya.

## **BAB 5:**

### **RUMUSAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat rangkuman kesimpulan mengenai perbincangan yang telah dilakukan pada bab 4. Berdasarkan hasil kajian menerusi bab 4, pengkaji telah mendapati bahawa sikap keberanian dan kebijaksanaan adalah amat penting untuk menjadi seorang pengarang yang berjaya dan cemerlang. Hal ini dikata kerana kepenggarangan pengarang yang terdapat dalam teks akan membantu kepada pengukuhan terhadap keunggulan karya yang berpandukan kepada konsep, pemikiran dan gaya bahasa bagi membentuk individualiti karya tersendiri. Dalam konteks ini, pengarang akan sentiasa berusaha untuk menonjolkan dirinya dalam karya yang dihasilkan agar tidak mempunyai pertindihan atau persamaan dengan pengarang lain dalam membina nama menerusi bidang penulisan ini. Oleh yang demikian, berdasarkan bab 5 ini, pengkaji turut akan membuat kesimpulan terhadap keseluruhan kajian yang telah dilakukan pada bab 1 sehingga bab 4 serta pengkaji juga akan mengusulkan beberapa cadangan yang berpandukan hasil keseluruhan penyelidikan kajian ini.

## 5.2 Rumusan Kajian

Berdasarkan peringkat awal penyelidikan ini, pengkaji telah membuat pilihan untuk melakukan penelitian terhadap aspek kepenggarangan Muzaf Ahmad menerusi *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* dengan pengaplikasian teori Teksdealisme. Dalam kajian ini, pengkaji telah memperincikan kajian dengan menitikberatkan penggunaan puisi yang terpilih menerusi karya *Sepasang Sayap di Bahu* sebagai sumber rujukan utama bagi membuat kajian terhadap teks-teks puisi. Secara asasnya, buku *Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu* telah dihasilkan sepenuhnya oleh Muzaf Ahmad dan karya ini merupakan karya cetakan pertama daripada Kata-Pilar pada tahun 2018. Dalam pada itu, *Sepasang Sayap di Bahu* telah diangkat sebagai judul karya utama bagi menggambarkan perasaan pengarang yang memaparkan penuh dengan sifat tanggunjawab sebagai manusia yang memperjuangkan hak dalam kehidupan. Hal ini dikatakan kerana pengarang melihat realiti manusia yang dibebani dengan pelbagai rintangan kehidupan disebabkan faktor kekuasaan yang didominasi oleh golongan berkasta tinggi. Dengan erti kata lain, *Sepasang Sayap di Bahu* juga dapat digambarkan sebagai perjalanan pengarang yang mula meneroka dunia disamping melakukan pengembalaan dalam kritikan sosial menerusi puisi-puisi yang dihasilkan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat disingkapkan sebagai sebuah bentuk penyelidikan secara naratif teks dalam puisi terpilih bagi menilai tahap kepenggarangan pengarang dengan berpandukan teori Teksdealisme dari aspek bentuk kehadiran, pengukuhan dan individualiti pengarang berdasarkan karya-karya yang telah dihasilkan.

Sebagai lanjutan itu, terdapat beberapa permasalahan yang diperolehi dan menjadi persoalan induk yang mampu menjawab kepada penyelidikan ini misalnya pengkaji telah mendapati bahawa kebanyakkan karya-karya puisi Muzaf Ahmad dalam *Sepasang Sayap*

*di Bahu* memberi cerminan kepada dirinya dalam membuat kritikan sosial yang melihat kepada realiti masyarakat ditindas disebabkan oleh perbezaan wujudnya perbezaan kasta di dunia. Walaupun secara keseluruhannya karya ini banyak memerihalkan dunia masyarakat di Eropah tetapi buku ini telah dimuatkan dengan kisah-kisah masyarakat yang senasib akibat penindasan yang telah berlaku. Sehubungan itu, pengkaji telah mendapati bahawa dalam karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* turut mempunyai kandungan mesej yang disulitkan dengan aras pemikiran tinggi bagi menyukarkan khalayak untuk membuat pemahaman berdasarkan kaedah interpretasi masing-masing. Hal ini juga dikatakan bahawa aspek tema dan gaya bahasa yang dipaparkan akan memberi kesan kepada bentuk keindahan dalam penulisan teks kreatif ini bagi memenuhi konsep yang ditonjolkan pada keseluruhan karya. Lantaran itu, pengkaji menyifatkan bahawa keunggulan dan kehebatan teks-teks puisi mampu menjadi gambaran kepada nilai kepengarangan Muzaf Ahmad dan turut menjadikannya sebahagian daripada kajian utama dalam penyelidikan ini.

Kemudian, rumusan pada bahagian bab 2 pula telah memerihalkan mengenai hasil kajian literature dengan menitikberatkan kajian-kajian lepas yang berlandaskan kepada keperluan memenuhi tajuk penyelidikan ini. Sehubungan itu, pengkaji telah melakukan analisis terhadap kajian lepas dengan berpandukan kepada kategori-kategori tertentu misalnya kajian yang diterbitkan menerusi Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana Muda, Jurnal, Artikel, Buku-buku dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kajian lepas inilah yang membolehkan pengkaji membuat analisis secara terperinci mengenai penyelidikan ini dengan menjadikan kajian lepas sebagai panduan dalam menghasilkan penulisan kajian yang baik. Dengan itu, setiap kajian lepas yang telah diperolehi akan memenuhi keperluan terhadap pembinaan tajuk kajian dan menjadikannya sebagai panduan dalam menjawab kepada matlamat penyelidikan ini dijalankan.

Seterusnya, pada bab 3 pula telah membincangkan mengenai kaedah metodologi kajian dengan memperlihatkan bahawa pengkaji memerihalkan proses kajian ini dijalankan. Dalam pada itu, bahagian ini telah menunjukkan penjelasan mengenai hasil kajian ini dilakukan dengan berpandukan kepada setiap maklumat yang diperolehi misalnya dalam bentuk-bentuk data dan sumber tentang penyelidikan. Pada peringkat ini, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu dengan memperlihatkan kajian terhadap teks sebagai sumber keutamaan dalam memperolehi data menyeluruh. Hal ini dikatakan kerana kaedah analisis teks ini telah memperlihatkan pengkaji mengutamakan teks-teks puisi dalam karya Sepasang Sayap di Bahu sebagai keutamaannya untuk memperolehi maklumat dengan lebih terperinci dan mendalam. Selain itu, menerusi penghasilan kajian ini pengkaji turut menggunakan kaedah pelayaran internet bagi memperolehi sokongan-sokongan maklumat untuk memenuhi keperluan pengetahuan dalam penulisan kajian ini. Akhir sekali, pada bahagian bab 3 ini pengkaji turut menitikberatkan penerapan teori sebagai landasan kepada penyelidikan berlangsung. Hal ini dikatakan kerana pemilihan teori ini menjadi asas kepada penyelidikan dilakukan misalnya penggunaan teori Teksdealisme memaparkan penyelidikan mengenai nilai kepengarangan dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip teksdealisme. Dengan demikianlah, pengkaji mendapati bahawa pengaplikasian teori Teksdealisme ini amatlah bersesuaian untuk mengenalpasti tahap keunggulan teks dan nilai kepengarangan bagi seseorang pengkarya yang cemerlang.

Akhir sekali, pada bahagian bab 4 pula menunjukkan kesungguhan pengkaji dalam membuat analisis dan dapatan kajian terhadap puisi-puisi yang terpilih menerusi Karya *Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu*. Berdasarkan bab ini, pengkaji telah membuat perincian mengenai objektif-objektif utama dengan melakukan penerangan yang berilmiah serta disokong dengan contoh-contoh pada kandungan teks untuk melihat

kepada tahap keunggulan karya. Jika dilihat pada objektif kajian, pengkaji telah memerihalkan tiga keutamaan penyelidikan ini berlangsung iaitu kajian terhadap penerapan konsep kepengarangan Muzaf Ahmad, kajian terhadap aspek pemikiran dalam kepengarangan Muzaf Ahmad dan nilai kepengarangan Muzaf Ahmad dalam individualistik. Berikut merupakan objektif yang dilakukan dalam kajian penyelidikan ini dengan menitikberatkan pengaplikasian prinsip teksdealisme dengan melihat aspek kehadiran dalam teks. Kemudian, aspek pengukuhan digunakan untuk melihat gaya penulisannya dalam membentuk pemikiran yang disampaikan seiring dengan puisi-puisi yang dihasilkan mengikut perbezaan latar masa dan tempat serta penggunaan aspek individualistik untuk menunjukkan gaya keperibadiannya dalam penulisan dengan penggunaan gaya bahasa menerusi teks puisi untuk membolehkan terbentuknya identiti sebagai seorang pengarang yang cemerlang dan berkualiti tinggi.

### **5.3 Cadangan**

Berdasarkan analisis bagi setiap objektif kajian ini, pengkaji telah berharap bahawa dengan adanya sebuah penyelidikan mengenai kepengarangan pengarang menerusi puisi-puisi dalam *Sepasang Sayap di Bahu* boleh memberi sumbangan kepada masyarakat, individu dan negara. Hal ini dikatakan pada bahagian ini merujuk kepada penelitian terhadap cadangan-cadangan yang boleh memberi keutamaan kepada masyarakat, individu dan negara untuk membolehkan wujudnya kajian yang lebih berilmiah dalam aspek kepemgarangan menerusi teks terpilih. Dengan demikianlah, pengkaji telah merangkumkan bagi setiap dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada tinjauan dan penelitian terhadap kajian-kajian lepas sebagai pemantapan kepada sebuah

penyelidikan yang cemerlang dan mampu meninggalkan kesan positif kepada masyarakat, individu dan negara.

### **5.3.1. Masyarakat**

Kajian yang bernilai adalah seiring dengan kepentingannya kepada keperluan masyarakat. Hal ini dikatakan kerana penyelidikan yang baik akan memberi kesan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan bidang ilmu sastera khususnya karya-karya puisi. Sehubungan itu, perluasan kajian terhadap karya-karya puisi ini secara tidak langsung akan mendedahkan kepada masyarakat mengenai kemahiran penulisan kreatif hasil daripada kebijaksanaan pengarang dalam mencurahkan perasaannya dalam bait-bait rangkap puisi yang dihasilkan. Lantaran itu, masyarakat akan kelihatan lebih cakna terhadap isu dan pemikiran yang disampaikan menerusi puisi disebabkan oleh kebanyakkan karya puisi yang telah diterbitkan dalam *Karya Kumpulan Puisi: Sepasang Sayap di Bahu* memperihalkan mengenai kehidupan sebenar masyarakat khususnya dari aspek kedudukan sosial sehingga berlakunya penindasan tanpa batas. Dengan demikianlah, penghayatan masyarakat menerusi penyelidikan terhadap kepenggarangan pengarang sedikit sebanyak dapat memperolehi keyakinan kepada golongan ini untuk mendapatkan kesedaran mengenai kepentingan dalam membuat penulisan bagi menyalurkan pandangan atau pendapat tentang perkara yang telah dialami dan secara tidak langsung masyarakat boleh menambahkan ilmu pengetahuan serta perluasan pemikiran yang terancang.

### **5.3.2. Individu**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah melihat menerusi penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada golongan individu yang mempunyai minat tinggi dalam penghasilan puisi. Secara umumnya, terdapat pelbagai pandangan dan reaksi masyarakat mengenai kemunculan individu yang berkebolehan dalam membuat penulisan puisi ini dengan penuh nilai kreativitinya. Hal ini dikatakan kemunculan individu atau golongan yang minat akan ilmu dalam penulisan sastera ini akan membolehkan lahirnya golongan pelapis baru yang mampu memperjuangkan bidang kesusasteraan khususnya di Malaysia. Walaubagaimanapun, perkembangan ini memberi impak kepada pemikiran atau ideologi yang dibawa dalam penulisan karya mereka dengan menganggapnya sebagai kemajuan laras pemikiran yang seiring dengan dunia moden. Dengan itu, kelebihan penyelidikan ini akan membolehkan individu mampu menjadi seorang pengarang yang berwibawa dalam penghasilan nukilan puisi yang baik seiring dengan nilai kreativitinya dalam mencorak identiti individu tersebut berdasarkan pendekatan dalam penulisan teks.

### **5.3.3. Negara**

Penyelidikan yang telah dilakukan ini boleh memberi sumbangan kepada negara dengan kewujudan sumber rujukan utama dalam penulisan sastera. Hal ini turut menjadi sebahagian kepada bahan-bahan kajian yang boleh diaplikasikan kepada pihak-pihak perbadanan yang bertanggungjawab dalam mengukuhkan lagi bidang kesusasteraan. Jika dilihat pada institusi pengajian yang sedia ada, kebanyakkan bidang penyelidikan memberi keutamaan kepada skop pengajian yang berteraskan sains dan teknologi namun

perkembangan ini jelas memberi kesan kepada aliran sastera kerana bidang ini memperlihatkan kedudukannya yang tidak konsisten dalam membina arus kemajuan kesusasteraan pada masa kini. Sehubungan itu, penyelidikan yang mendalam mengenai penulisan sastera khususnya kajian terhadap teks puisi boleh digambarkan sebagai antara penyelidikan yang memperlihatkan bidang kesusasteraan masih relevan untuk dikaji lalu memberi kelebihan kepada negara mengenai pemantapan bidang kesusasteraan dalam arus pendidikan. Oleh hal demikian, penyelidikan berteraskan kajian sastera ini akan memberi impak kepada negara dalam pelbagai aspek tertentu demi menjadikan karya-karya sastera sebagai pelapis kepada sumber pembacaan dalam kalangan masyarakat dan negara.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### **5.4. Penutup**

Sebagai rumusannya, pengkaji dapat merangkumkan bahawa setiap hasil kajian ini telah menunjukkan nilai kepengarangan pengarang dalam pendekatannya ketika membuat penghasilan teks puisi dengan menitikberatkan gaya keperibadiannya disamping memaparkan pemikiran-pemikiran yang berteraskan tema yang dibawa iaitu perjuangan dan kekuasaan. Sehubungan itu, pengkaji telah memperlihatkan konsep kepengarangan pengarang dalam membina karya-karya yang bernas seiring dengan pendekatan yang dilakukan dalam penghasilan puisi iaitu penggembalaan dalam membuat kritikan sosial. Hal ini seiring dengan keindahan susunan kata dalam penulisan teks puisi untuk membolehkan wujudnya keunggulan karya secara menyeluruh. Oleh itu, harapan pengkaji terhadap karya-karya puisi ini boleh dijadikan sebagai contoh dan panduan kepada khalayak yang ingin membuat penyelidikan yang bermakna agar para pengkaji lain boleh meneruskan lagi kajian-kajian yang bersifat teks sastera yang melibatkan nilai kepengarangan terhadap puisi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Ahmad Atabik. (2014). Teori kebenaran perspektif filsafat ilmu: Sebuah kerangka untuk memahami konstruksi pengetahuan agama. *Fikrah*, 2(2).
- Ahmad Zaidi Baharuddin, Ani Omar. (2018). Pemikiran Mana Sikana Dalam Drama. *Journal of Social Science (EJOSS)*, Vol. 4, 2018(ISSN 2289-9391), 32–39. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol4.1.5.2018>.
- Ahmad Zaidi Baharuddin, Ani Omar. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam Drama: Thought in Mana Sikana's Drama. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4(1), 32-39.
- Amoy Krismawati Saragih, Nola Sari Manik, Rosenna Rema Yunia Br Samosir. (2021). Hubungan Imajinasi dengan Karya Sastra Novel. *Asas: Jurnal Sastra*, 10(2).
- Anita Sinaga. (2022). Analisis Gaya Bahasa Dalam Kumpulan Puisi Perahu Kertas Karya Sapardi Djoko Damono. *ULIL ALBAB: Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(5), 950-957.
- Azhar Wahid. (2019). Keupayaan teksdealisme mengangkat keunggulan pengarang. Issue: 1 (1), 2019.
- Azhar Wahid. (2022). *Hegemoni Kepengarangan A. Samad Ismail*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Besse Mattayang. (2019). Tipe dan gaya kepemimpinan: suatu tinjauan teoritis. *JEMMA (Journal of Economic, Management and Accounting)*, 2(2), 45-52.
- Darmiah Darmiah. (2020). Perkembangan Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Emosi Anak Usia Mi. *Pionir: Jurnal Pendidikan*, 8(2).
- Dedy Firduansyah, Tjeptjep Rohendi Rohidi, Udi Utomo. (2016). Guritan: Makna syair dan proses perubahan fungsi pada masyarakat Melayu di Besemah Kota Pagaralam. *Catharsis*, 5(1), 71-78.
- Deifan Permana, Dian Indihadi. (2018). Penggunaan media gambar terhadap pembelajaran menulis puisi peserta didik. *PEDADIDAKTIKA: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 5(1), 193-205.
- Derajat Fitra Marandika. (2018). Keterasingan Manusia menurut Karl Marx. *Tsaqafah*, 14(2), 229-322.
- Dian Uswatun Hasanah, Ferdian Achsani, Iqbal Syahrul Akbar Al Aziz. (2019). Analisis penggunaan gaya bahasa pada puisi-puisi karya Fadli Zon. *Kembara: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 5(1), 13-26.
- Dilah Tuah. (2021). Citra Sosiobudaya Membentuk Identiti Kepengarangan Penulis Bumi Kenyalang: Satu Sorotan [Sociocultural Image Creating The Authorship Identity Of Sarawak Authors: A Review]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 4(2), 1-14.
- Eddin Mortada. (2020). Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan. (Dilawati) <http://eprints.iab.edu.my/v2/970/>.

- Elfia Sukma. (2019). Literasi Membaca Puisi Guru SD. *Jurnal Inovasi Pendidikan Dan Pembelajaran Sekolah Dasar*, 3(1), 65-73. <https://doi.org/10.24036/jippsd.v3i1.106325>.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Mohd. Ali, Madiawati Binti Mamat@Mustaffa. (2018). (1). Individualisme Faisal Tehrani Dalam Kepengarangan Berdasarkan Novel-Novel Terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan MELAYU*, 6(1), 31 - 60. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/37>
- Fauzi Hassan. (2019). *Keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani dari perspektif teksdealisme/Fauzi Hasan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Fred N. Kerlinger. (1970). A social attitude scale: Evidence on reliability and validity. *Psychological Reports*, 26(2), 379-383.
- Ghazali Din, A. Halim Ali. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Ghazali Din, Abdul Halim Ali, Mohd Azam Sulong. (2015). Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teksnaluri. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 166-186.
- Hakryan Alotia. (2016). Bahasa Kiasan dalam Puisi-Puisi Karya Carl Sandburg. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas SAM Ratulangi*, 2(1).
- Hanna Eka Prativi Harmanto. (2018). Keberanian dalam Novel Anak Mata di Tanah Melus karya Okky Madasari. *Jurnal Mahasiswa Universitas Negeri Surabaya*, hlm, 1-14.
- I Kadek Widiantana, Ida Bagus Putrayasa. (2023). Telaah Diakronik Bahasa Bali. *Linguistik Indonesia*, 41(1), 133-146.
- I Nyoman Payuyasa. (2019). Gaya bahasa personifikasi dalam novel sirkus pohon karya andrea hirata. *Prabangkara: Jurnal Seni Rupa dan Desain*, 23(2), 73-79.
- Ika Mustika, Riana Dwi Lestari. (2017). Hubunganminat Baca Dan Kebiasaan Membaca Karya Sastra Terhadap Kemampuan Menulis Puisi. *Semantik*, 5(2).
- Imron Mustofa. (2017). Konsep Kebenaran Ibnu Sina. *Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 15(1), 1-18.
- Indriaty Ismail, Yusri Mohamad Ramli. (2012). Karl Marx dan Konsep Perjuangan Kelas Sosial. *International Journal of Islamic Thought*, 1, 27-33. <https://www.proquest.com/scholarly-journals/karl-marx-dan-konsep-perjuangan-kelas-sosial/docview/1773263431/se-2>
- Iqbal Hidayat Hamizul. (2021 November 18). Muzaaf Ahmad: Semarak Puisi Anak Muda Negara. *Dewan Sastera*. <https://dewansastera.jendeladb.my/2021/11/18/2418/>
- Ja'far, Suhermanto. (2015). Struktur Kepribadian Manusia Perspektif Psikologi Filsafat. *Psypathic: Jurnal Ilmiah Psikologi*, 2(2).

- Jhon Leonardo Presley Purba, Priyantoro Widodo (2023) . Kebenaran: Keadilan dan Kejujuran menurut Mazmur 111. *ELEOS: Jurnal Teologi dan Pendidikan Agama Kristen*, 2(2), 101-112.
- Jumriani, Jumriani. (2022). *Kumpulan Puisi Transformasi Sosial*. Program Studi Pendidikan IPS, ULM.
- Khairul Hamim. (2016). Kebahagiaan Dalam Perspektif Al-Qur'an dan Filsafat. *Tasâmuh*, 13(2), 127-150.
- Khaliza Khalid. (2014). *Unsur-unsur kerohanian dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad*.
- Mana Sikana. (2009). *Teori Sastera Kontemporari*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2015). *Sasterawan Negara di takhta keunggulan*. ITBM.
- Mawar Safei. (2016). *Kreativiti 3 Genre: Kepengarangan 12 Penulis*. Insititut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad.
- Moh. Rivaldi Abdul, Tita Rostitawati, Ruljanto Podungge, Muh. Arif. (2020). Pembentukan Akhlak Dalam Memanusiakan Manusia: Perspektif Buya Hamka. *Pekerti: Journal Pendidikan Islam dan Budi Pekerti*, 2(1), 79-99.
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan: The Writing Breakthrough of Anwar Ridhwan's Selected Novels. *PENDETA*, 11(1), 68-87.
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan: The Writing Breakthrough of Anwar Ridhwan's Selected Novels. *PENDETA*, 11(1), 68-87.
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, Phaosan Jehwae. (2021). Kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan: The Writing Breakthrough of Anwar Ridhwan's Selected Novels. *PENDETA*, 11(1), 68-87.
- Mohammad Shahmin Mejah. (2023). *Kontradiksi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: Kajian Daripada Teori Semiotik* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Mohd Daud Bin Ibrahim. (2015). *Cinta kepada Ilahi dalam puisi Darma Mohammad*.
- Mohd Rosli Saludin. (2013). Puisi Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 1-13.
- Mohd Saipuddin Suliman, Shahrun Nizal Mohd Nor Nordiana Ab Jabar, et.al. (2023). Pembinaan Teori Teksdealisme Dan Penelitian Terhadap Karya Puisi Konkrit. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 11(1), 37-53.
- Mohd Saipuddin Suliman. (2016). *Penerapan teori stilistik dan teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muh. In' amuzzahidin. (2017). Konsep Kebebasan Dalam Islam. *At-Taqaddum*, 7(2), 259-276.
- Muzaf Ahmad. (2018). *Sepasang Sayap di Bahu*. Penerbitan Kata-Pilar.
- Muzaf Ahmad. *Tentang Muzaf Ahmad*. Muzaf Ahmad – Penulis Jaulah Sampai Syurga, Syahid ke Syurga, Kuantum dalam Jemala, Sepasang Sayap di Bahu. <https://muzafahmad.wordpress.com/>.
- Nani Solihati. (2017). Aspek pendidikan karakter dalam puisi hamka. *LITERA*, 16(1).
- Nor Diana Ab Jabar, Mohd Faradi Mohamed Ghazali. (2021). Komunikasi Bahasa sindiran Dalam Seloka Pak pandir Dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 363–378. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2021-3701-21>.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). *Perihal Keintelektual Dan Kepengarangan Dalam Teks Tradisional*. (UKM Press).
- Nur Muhamad Shahir Bin Ayob. (2021). *Keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam drama dari perspektif teori Teksdealisme*.
- Nurul Husna Mat Nor (2020). *Keberanian dan Proses Kreatif Dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel Empangan Tugal*. International Journal Of Humanities, Philosophy and Language. Hlm, 10-18.
- Nurul Syafiqah Mazlan, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. (2019, November). Etika Kepengarangan Menurut Perpektif Islam. In *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (Vol. 23, p. 24).
- Prof Madya Dr. Azhar Wahid. (2019). Keupayaan Teksdealisme Mengangkat Keunggulan Pengarang. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 1(1), 1-8.
- R. Surbakti. (1992). *Memahami ilmu politik*. Grasindo.
- Raaj Sah. (2007). Corruption across countries and regions: Some consequences of local osmosis. *Journal of Economic Dynamics and Control*, 31(8), 2573-2598.
- Rafli Mochammad Rafli Firdaus, Faiz Muharrom, Faisal Aljundi, Sakha Dzikrullah, Gunawan Santoso. (2023). Kebermaknaan Konsep Nasionalisme, Patriotisme, dan Perjuangan. *Jurnal Pendidikan Transformatif*, 2(2), 280-285.
- Rahayu Binti Akhesah. (2021). *Kepengarangan Dan Individualistik Rahman Shaari Dalam Puisi Berdasarkan Teori Teksdealisme Dan Stilistik* (pp. 2–52) [Tesis]. <https://ir.upsi.edu.my/doc.php?t=p&id=d9b2b76e60019410519ed6fd7af4a9a164513b2504830>
- Rio Dirman. (2022). Analisis Struktur Puisi Dalam Kumpulan Puisi “Aku Ini Binatang Jalang” Karya Chairil Anwar. *JOEL: Journal of Educational and Language Research*, 1(11), 1635-1646.
- Rizqon Halal Syah Aji. (2015). Stratifikasi sosial dan kesadaran kelas.
- Rosani Ibrahim Muammar Ghaddfi Hanafiah, Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Kepengarangan Dalam Dua Syair Mengenai Raja Dan Pemerintahannya Pada Era

- Kontemporari (Authorship In Two Poems About The King And His Rule In The Contemporary Era). *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 5(2).
- Roslan Abdul Wahid. (2007). *Analisis kepengarangan J.M Aziz dan nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak-sajak J.M Aziz berdasarkan pendekatan sistem pemikiran bersepada 4L (Luhur, Lahir, Logik, dan Lateral) (IR)*.
- Ruziwiati Abu Samah. (2019). Teori Teksdealisme dalam gaya keibubapaan novel Komsas Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7, 192-216.
- Sara Beden. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme: Textsdealisme analysis: Principles of presence in Jong Chian Lai novels. *PENDETA*, 10, 36-56.
- Sarah Dina Mohd Adnan, Mohd Adib Ismail. (2013). Impak rasuah kepada pertumbuhan ekonomi. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII*, 247.
- Shahnon Ahmad. (1993). “Memberi Isi kepada Sastera Melayu” dlm. *Sastera Sebagai Seismografi Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Emil Septia, Silvia Marni, Armet. (2019). Representasi Nilai Religi dan Kepengarangan Puisi-Puisi Karya Taufik Ismail. *Poetika: Jurnal Ilmu Sastra*, 7(1), 32-50.
- Sisk Erlina Simamora, Paul Diman, Yuliati Eka Asi, Albertus Purwaka, Nirena Ade Christy. (2023, April). Gaya Bahasa Metafora Dalam Novel Konspirasi Alam Semesta Karya Fiersa Besari. In *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, Dan Budaya* (Vol. 2, No. 1, pp. 126-143).
- Soni Farid Maulana. (2023). *Apresiasi dan proses kreatif menulis puisi*. Nuansa Cendekia.
- Sulaiman Salleh (2014). Penyelidikan “Kajian Keberkesanan Komunikasi Kepengarangan”. *Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah 2014 (1st ICoMM)*. e-ISBN: 978-967-0850-01-6, 200-205.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa, Fauzi Hasan. (2017). Novel-Novel Faisal Tehrani Dari Perspektif Teksdealimse. *Jurnal Pengajian Melayu*. 28.
- Vibriza Juliswara. (2017). Mengembangkan model literasi media yang berkebhinnekaan dalam menganalisis informasi berita palsu (hoax) di media sosial. *Jurnal Pemikiran Sosiologi*, 4(2).
- Yayat Suharyat, M.Pd. (2009). Hubungan antara sikap, minat dan perilaku manusia. *Jurnal region*, 1(3), 1-19.
- Yuli Yulianti Nurjannah, Putri Ayu Chandra Agustina, Cucu Aisah, et.al. (2018). Analisis makna puisi “tuhan begitu dekat” karya Abdul Hadi WM dengan menggunakan pendekatan semiotik. *Parole (Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia)*, 1(4), 535-542.